MAKKAH
AL-MUKARRAMAH
Kelebihan dan Sejarah
ABDUL BASIT BIN ABDUL RAHMAN
M.A MADINAH

Makkah Al-Mukarramah merupakan bandar yang paling lama dan bersejarah. Malahan mempunyai kelebihan-kelebihan yang tersendiri yang telah dikurniakan oleh Allah.

Buku ini membincangkan tentang Tanah Haram Makkah, sempadan, kelebihan dan beberapa hukum yang berhubung dengan Tanah Haram, begitu juga dengan Ka'bah dan sejarahnya, Hajar Aswad dan Maqam Ibrahim, Masjidil Haram dan sejarah pembinaanya, Al-Masya'ir (tempat-tempat ibadat haji; Arafah, Muzdalifah dan Mina) dan perkara-perkara yang ada kaitan dengannya. Kemudian disebut masjid-masjid bersejarah diikuti dengan beberapa tempat bersejarah yang lain.

ردمك : ٩٩٦٠-٩٤٩٠-٠-١

فضائلها وتاريخها

Makkah Al-Mukarramah

Kelebihan Dan Sejarah.

Oleh:

Abu Anas Madani

Abdul Basit Abdul Rahman.

M.A Syariah

Madinah.

وبه نستعين على أمور الدنيا والدين.

MAKKAH AL-MUKARRAMAH
KELEBIHAN & SEJARAH

ABDUL BASIT ABDUL RAHMAN

CETAKAN PERTAMA: DISEMBER 2003.

BIODATA

MADRASAH MUHAMMADIAH

PONDOK SUNGAI DURIAN

(Ditubuhkan pada: 10 Safar 1378H / 04 Jun 1958M)

Nama.	: **Madrasah Muhammadiah.**
Pendaftaran MAIK	: 134 dlm M.A. 365 68 (kertas M.A. 82/60)
Nama lain yang dikenali	: **PONDOK SUNGAI DURIAN.**
Pengasas	: Tuan Guru Haji Abdul Rahman bin Sulaiman *rahimahullah* (1923-1988).
Pengerusi Pemegang Amanah	: Tuan Guru Haji Ismail bin Sulaiman.
Penasihat Umum	: Haji Ahmed Shukri bin Haji Abdul Rahman (B.A Umm Al-Qura, M.A. Institut Tinggi Imamah & Du'at, Makkah).
Mudir Madrasah	: Haji Abdul Latiff bin Haji Abdul Rahman (M.A. Universiti Al al-Bayt, Jordan).
Alamat	: Madrasah Muhammadiah, Pondok Sungai Durian, 18000 Kuala Krai, Kelantan Darul Naim. Malaysia. Telefon : 09 966 7071 / 09 966 4161. Faks : 09 744 8050.
No. Akaun Madrasah	**: 003024-503303 (MayBank Kuala Krai)**
Sistem pengajian	: Gabungan antara dua sistem; pondok (halaqat) & sekolah (kelas).
Sesi pengajian	: Bermula pada 10 Syawal.
Lanjutan pengajian	: Al-Azhar, Madinah, Jordan, Iraq, Syria, Pakistan, Kulliyyah Pondok Darul Naim dll.
Sumber kewangan	: Bantuan dan derma orang ramai, ibu bapa pelajar, zakat dll.
Perancangan	: **a.** Menaikkan taraf pembangunan infrastruktur, pendidikan dan pengiktirafan pengajian. **b.** Memberi bantuan kepada pelajar miskin, anak yatim dan penghuni tua miskin.

Kandungan.

Muqaddimah.

الحمد لله الذي جدَّدَ برفعِ قواعدِ البيتِ العتيقِ شعائرَ الإسلامِ، وأعْذبَ ماءَ زمزمَ الذي شهدَتْ بصفوِه شرائعُ الأحكامِ، وشرَّفَ الكعبةَ ذاتِ الحِجْرِ والحَجَرِ والأركانِ التي شيَّدَ أركانُ الحجِ عاليَ بُنيانهَا.

وأشهد أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له. وأن سيدنا محمداً عبده ورسوله، صلى الله عليه أكملَ الصلواتِ، ما أقيمتِ الصلواتُ، ورُفعتِ الدعواتُ، وعلى آله وأصحابه ما طاف بالكعبة طائفٌ، ووقفَ بعرفة واقفٌ، وسلّم تسليماً كثيراً. أما بعد.

Makkah Al-Mukarramah merupakan bandar yang paling lama dan bersejarah. Bumi ini telah dipilih oleh Allah ﷻ sebagai bumi pertama yang dijadikan-Nya dan menjadi tapak rumah-Nya yang mulia. Bumi yang bertuah ini merupakan tempat Nabi Ibrahim عليه السلام meninggalkan anak dan isterinya kerana Allah, tempat keluarnya air yang paling berkat di atas muka bumi dan tempat kelahiran Nabi yang terakhir, iaitu Nabi kita Muhammad, penghulu sekalian rasul ﷺ. Allah menjadikan hati-hati manusia merinduinya dan mewajibkan ke atas hamba-hamba-Nya yang mampu agar mengunjunginya dengan dijanjikan pahala yang berganda, juga memberi amaran daripada melakukan kejahatan di dalamnya.

Allah ﷻ telah menyebutnya di dalam Al-Quran, Rasulullah ﷺ seringkali menyebutnya di dalam hadis serta para ulama' dan ahli sejarah telah banyak menulis mengenai sejarah Makkah yang tua ini. Namun sejarah yang sangat penting ini secara khususnya, tidak banyak terdapat dalam Bahasa Malaysia, kecuali disebut dalam buku-buku sejarah Islam.

Setelah direzekikan Allah ﷻ berada di Bumi Madinah yang bertuah, dengan pertolongan Allah ﷻ saya telah menulis sebuah buku mengenai Madinah.

Selepas itu lahirlah pula keinginan untuk menulis buku mengenai Makkah (untuk lebih mengenali Tanah Haram Makkah secara terperinci), juga kerana permintaan daripada ramai pembaca buku Madinah agar saya menulisnya. Namun, kerana kesibukkan menulis tesis Ph.D di UIM rancangan itu tertangguh, sehinggalah keluar beberapa buah buku baru dalam Bahasa Arab, Inggeris dan terjemahan dalam Bahasa Indonesia. Saya kira tugas ini telah selesai, namun ianya tidak memenuhi *outline (khittah)* yang telah digariskan, saya rasa masih banyak lagi maklumat yang perlu disampaikan kepada masyarakat.

Maka pada cuti musim panas tahun 1424H/2003M saya telah mengambil keputusan untuk tidak pulang bercuti dan menumpukan sepenuh masa untuk menyiapkan buku ini, dengan dibantu oleh isteri saya dan beberapa orang sahabat graduan UIM yang baru menamatkan pengajian.

Buku ini membincangkan tentang Tanah Haram Makkah, sempadan, kelebihan dan beberapa hukum yang berhubung dengan Tanah Haram. Ia juga menceritakan

tentang Ka'bah dan sejarahnya, Hajar Aswad dan Maqam Ibrahim, Masjidil Haram dan sejarah pembinaanya, *Al-Masya'ir* (tempat-tempat ibadat haji; Arafah, Muzdalifah dan Mina) dan perkara-perkara berkaitan dengannya. Kemudian disebut masjid-masjid bersejarah diikuti dengan beberapa tempat bersejarah yang lain.

Setiap tempat akan diterangkan lokasi dan kedudukannya. Gambar dan peta (jika ada) akan disertakan untuk memudahkan pengenalan.

Penjelasan dan penerangan tentang sejarah atau peristiwa yang berlaku di tempat tersebut juga akan diberikan khususnya tempat yang berhubung dengan gerakan dakwah Rasulullah ﷺ sebagai pengajaran dan iktibar yang perlu dihayati dan difahami oleh umat Islam.

Manakala hukum ibadat haji dan umrah tidak disebut dalam buku ini memandangkan telah banyak buku yang ditulis mengenainya, kecuali beberapa hukum yang baru timbul seperti hukum tawaf, sa'ie dan melontar di tingkat atas.

Setiap maklumat akan disertakan dengan nota kaki untuk memudahkan para pengkaji dan pelajar membuat rujukan. Seboleh mungkin saya cuba membawa maklumat yang sahih dan jelas jika ada atau sebaliknya, dengan dinyatakan komentar ulama' terhadapnya.

Hadis dan *athar* pula dinyatakan sumber asalnya serta dijelaskan kedudukannya *sahih* atau *dha'if* berdasarkan kajian ulama' yang pakar dalam bidang tersebut.

Manakala hukum atau perkara yang berkaitan dengannya, saya hanya menyebut pendapat ulama' tentangnya tanpa membuat kesimpulan atau men*tarjih* pendapat-pendapat tersebut, kerana ianya memerlukan

perbahasan yang panjang, kecuali perkara yang memang jelas bercanggah dengan ajaran Islam, maka diterangkan hukumnya tanpa menjelaskan pendapat lain yang sebaliknya.

Disini saya mengucapkan جزاكم الله خيرا terutamanya kepada isteri saya Ummu Anas Madani yang telah bersama-sama di perantauan menimba ilmu, membantu menulis dan menterjemah beberapa bahagian buku ini, juga kepada Saudara Salehuddin, Mohd. Allnurulhuda, Zulhilmi, Husni Nasim, Ahmad Husni dan lainnya, yang telah membantu membuat semakan, susunan dan rehlah ke beberapa tempat bersejarah di Makkah. Semoga Allah ﷻ menerima amal kalian dan membalasnya dengan ganjaran yang sebaik-baiknya.

Akhirnya, segala yang baik itu daripada Allah ﷻ dan segala kekurangan itu adalah daripada kelemahan diri saya sendiri.

وصلى الله على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه والتابعين لهم

بإحسان إلى يوم الدين.

Akhukum fil Islam,

Abdul Basit bin Abdul Rahman
Abu Anas Madani.
P.O Box 398 Madinah.
E-mail : ainbaa@yahoo.com
Tel: 04-8373455.

21 Sya'ban 1424H.
17 Oktober 2003M.

Bab Satu
Nama dan Kelebihan Kota Suci Makkah.

a- Nama-nama Makkah.

Para ulama' begitu mengambil berat terhadap nama-nama Makkah dan itulah yang sepatutnya. Hal ini kerana banyaknya nama bagi sesuatu perkara menunjukkan kebesaran dan ketinggian kedudukannya.

Kata Imam An-Nawawi *rahimahullah*: "Ketahuilah bahawa banyaknya nama menunjukkan kepada kebesaran yang dinamakan, sebagaimana banyaknya nama Allah ﷻ dan nama Rasul-Nya ﷺ. Kita tidak mengetahui suatu tempat yang mempunyai banyak nama selain daripada Makkah dan Madinah, kerana kedua-duanya merupakan sebaik-baik bumi, disebabkan kerana banyaknya sifat yang boleh dinamakan kepada keduanya"[1].

Di sini akan disebutkan beberapa nama Makkah di dalam Al-Quran:

1- Makkah. (Surah Al-Fath, ayat 24).

Makkah ertinya: membinasakan atau mengurangkan.

Dinamakan Makkah kepada Tanah Haram Makkah seluruhnya, kerana Makkah mengurang atau menghapuskan dosa orang yang datang kepadanya, atau membinasakan orang yang melakukan kezaliman di Makkah, atau kerana Makkah menghapuskan pemerintah yang zalim dan menundukkan kesombongan mereka. Dikatakan kerana Makkah menarik manusia datang kepadanya, juga kerana sedikit air yang terdapat padanya.

---

[1] An-Nawawi, Tahzib Al-Asma' Wa Al-Lughat 3/157.

2- Bakkah. (Surah Aali 'Imran, ayat 96).

Bakkah ertinya: memecah, mencarik, menunduk.

Dinamakan Bakkah kerana ramai manusia datang kepadanya menyebabkan orang bersesak-sesak padanya, Makkah menunduk atau menghancurkan orang yang zalim dan menghapuskan mereka.

Ada empat pendapat mengenai nama ini (Bakkah):

a- Nama kepada seluruh Tanah Haram, seperti nama Makkah.

b- Nama kepada tapak Ka'bah.

c- Nama kepada Ka'bah dan Masjidil Haram.

d- Nama tempat di antara dua bukit sekeliling Ka'bah, wallahu a'lam.

3- Ummul Qura. (Surah Al-An'am, ayat 92 dan Surah Asy-Syura, ayat 7).

Sebab penamaan Ummul Qura yang bererti: ibu kampung (kota) kerana:

a- Bumi dibentangkan kejadiannya dari bawahnya. Makkah menjadi pusat bumi dan berada di tengah-tengah dunia. Semua bumi yang kering berada disekelilingnya. Semua sudut dapat menghadap dengan betul ke arahnya untuk solat.

b- Merupakan kiblat yang mesti dihadapkan ke arahnya.

c- Negeri yang paling lama.

d- Mempunyai kedudukan yang tinggi di sisi Islam.

4- Al-Balad. (Surah Al-Balad, ayat 1-2).

Ertinya: Negeri. Dimaksudkan dengan negeri ialah Makkah.

5- Al-Baldah. (Surah An-Naml, ayat 9).
Ertinya: Negeri. Maksudnya: Makkah.

6- Al-Baladul Amin. (Surah At-Tin, ayat 3).
Ertinya: Negeri yang aman. Hal ini kerana manusia dan haiwan yang berada di Makkah mendapat keamanan sewaktu jahiliyyah dan Islam.

7- Haraman Aamina. (Al-Qasas, ayat 57).
Ertinya: Tanah Haram yang aman.
Makkah sememangnya telah menjadi negeri yang aman semenjak dahulu kala. Di larang memasukinya kecuali dengan berihram. Orang-orang yang merasa takut akan datang berlindung di dalamnya. Bukan sahaja manusia, bahkan haiwan dan tumbuh-tumbuhan juga turut mendapat keamanan.

8- Ma'ad. (Surah Al-Qasas, ayat 4).
Ertinya: Tempat kembali. Ia merujuk kepada kisah kembalinya Rasulullah ﷺ ke Makkah pada tahun kelapan hijrah setelah Baginda dihalau keluar oleh kaum Quraisy sebelum itu.

9- Al-Qaryah. (Surah An-Nahli, ayat 112 dan Surah Muhammad, ayat 13).
Ertinya: Negeri. Maksudnya: Makkah.

10- Al-Masjidil Haram. (Surah Al-Baqarah, ayat 127) Disebut dalam Al-Quran pada 15 tempat (kali).
Lafaz "*Al-Masjidil Haram*" dimaksudkan dengan beberapa tempat:

a- Ka'bah. b- Masjidil Haram dan kawasan sekitarnya. c- Makkah seluruhnya. d- Seluruh Tanah Haram. Wallahu a'lam.

▲ *Ka'bah dan Masjidil Haram*

Banyak lagi nama lain yang telah diberikan untuk Makkah. Sheikh Badruddin Az-Zarkashi *-rahimahullah-* telah menyebut sebanyak 30 nama[1].

[1] Lihat: Ibnu Az-Zahirah, Al-Jami' Al-Latif 98-102, Ibnu Jama'ah, Hidayah As-Salik 2/737, Az-Zarkashi, I'lam As-Sajid 53-56, Ibnu Al-Jauzi, Muthir Al-'Azm 1/323, Al-Fasi, Syifa' Al-Gharam 1/48, Dr. Al-Ghabban, Fadhail Makkah 23-28.

b- Sempadan Tanah Haram Makkah.

Tanah Haram Makkah ialah jarak yang melingkungi Masjidil Haram dari segenap penjuru. Allah ﷻ menjadikan hukum Tanah Haram sama dengan Makkah sebagai memuliakannya. Tanah Haram ini telah diharamkan oleh Allah ﷻ semenjak dijadikan bumi sehinggalah ke Hari Kiamat. Sempadan Tanah Haram memang patut diketahui kerana ia berkaitan dengan beberapa hukum khas. Hukum Tanah Haram ini telah ditentukan oleh Allah ﷻ semenjak bumi dijadikan dan ia berkekalan sehingga Hari Kiamat. Lantaran itulah, Makkah telah menjadi perhatian umat Islam sejak dahulu lagi.

Orang yang pertama dikatakan membuat tanda sempadan Tanah Haram ialah Nabi Ibrahim عليه السلام berpandukan petunjuk daripada Jibrail عليه السلام. Selepas pembukaan Kota Makkah, Rasulullah ﷺ telah melantik Tamim bin Asad Al-Khuza'i رضي الله عنه agar memperbaharui tanda sempadan Tanah Haram[1].

Selepas itu khalifah dan pemerintah Makkah sentiasa memperbaharui *a'lam* (tanda) Tanah Haram di setiap penjuru, di atas bukit dan tempat tinggi juga di lembah. Ada yang masih kekal dan ada yang telah rosak. Bilangan tanda yang dibuat telah sampai kepada 934 tanda, sebagaimana yang dicatat oleh Dr. Abdul Malik bin Abdullah bin Duhais dalam tesis Ph.Dnya yang bertajuk: **'Al-Haram Al-Makki Asy-Syarif wa Al-A'lam Al-Muhithah bihi'**, *jazahullahu khaira.*

[1] Lihat: Al-Azraqi, Akhbar Makkah 2/127-128.

Kawasan Tanah Haram Makkah panjangnya ialah 127 km dan keluasannya ialah 550 km persegi dan 300 meter persegi[1].

Di bawah ini dinyatakan anggaran jarak di antara Masjidil Haram dengan beberapa sempadan Tanah Haram. Jarak ini sentiasa berubah mungkin disebabkan oleh faktor perubahan jalan, atau *ikhtilaf* dalam menentukan ukuran. Pada zaman dahulu, ukuran yang digunakan '*mile*', '*hasta*' dan sekarang '*meter*' dan '*kilometer*'.

1- ***At-Tan'im***, iaitu jalan keluar menuju ke Madinah. Ia terletak berdekatan dengan Masjid Sayyidah 'Aishah *radhiallahu'anha*. Jaraknya ialah 7.5 km.

2- ***Adhaat Libn***. Dikenali sekarang dengan nama '***Uqaisyiah***' jalan menuju ke arah Yaman. Jaraknya ialah 16 km.

3- ***Asy-Syara'i'***. Terletak di jalan menuju ke Masjid Ji'ranah. Jaraknya ialah 16 km.

4- ***Al-Hudaibiyyah***, iaitu jalan lama menuju ke Jeddah. Jaraknya ialah 22 km. Jalan baru sekarang dikenali dengan nama Asy-Syumaisi.

5- ***Jabal Namirah*** (Zat As-Sulaim), jaraknya ialah 22 km mengikut jalan raya dan 15 km mengikut jalan lurus pejalan kaki (pedestrian)[2].

---

[1] Lihat: Dr. Ab. Malik, Al-Haram Al-Makki 84, Al-Ghabban, Fadhail Makkah 31-32, Dr. M. Ilyas, Tarikh Makkah 15-16.

[2] Lihat: Ba Salamah, Tarikh 'Imarah Al-Masjidil Haram 307, Al-Azraqi, Akhbar Makkah (lampiran) 2/312, Al-Kurdi, At-Tarikh Al-Qawim 2/102, Dr. A. Malik, Al-Haram Al-Makki 84-96, Al-Mubarakfuri, Tarikh Makkah 12, M. Ilyas, Tarikh Makkah 17.

Tan'im	Adhaat Libn	Asy-Syara'i'	Hudaibiyyah	Jabal Arafat
7.5 km	16 Km	16 Km	22Km.	22km

Manakala sempadan Tanah Haram dengan tanah halal di Arafah (tempat wukuf) ialah tanda-tanda yang banyak dibina di Wadi 'Uranah.

Allah ﷻ telah mejadikan seluruh kawasan ini sebagai kawasan yang aman dan tempat tumpuan manusia. Firman Allah:

﴿ وَمَن دَخَلَهُۥ كَانَ ءَامِنًا ﴾ (آل عمران: ٩٧).

Maksudnya: "Sesiapa memasuki Tanah Haram, maka dia akan mendapat keamanan"[1].

Allah memberi ancaman kepada mereka yang cuba melakukan kejahatan (*ilhad*) di Tanah Haram dengan firman-Nya:

﴿ وَمَن يُرِدْ فِيهِ بِإِلْحَادٍۭ بِظُلْمٍ نُّذِقْهُ مِنْ عَذَابٍ أَلِيمٍ ﴾ (الحج: ٢٥).

Maksudnya: "Dan sesiapa yang berniat (belum lagi melakukannya) untuk melakukan *ilhad* (kezaliman dan kejahatan) di Tanah Haram, nescaya Kami rasakan kepadanya sebahagian daripada seksaan yang pedih"[2].

Allah akan menimpakan azab ke atas mereka yang berniat untuk melakukan kejahatan di Tanah Haram.

Kata Ibnu Mas'ud ؓ: "Tiada tempat yang seseorang itu dikira bersalah dengan hanya bercita-cita untuk

---

[1] Surah Aali 'Imran: 97.
[2] Surah Al-Haj: 25.

melakukan sesuatu kejahatan sebelum melakukannya kecuali di Makkah"[1].

▲ *Tanda T. Haram*

[1] Lihat: Tafsir Ibnu Kathir 3/208, I'lam As-Sajid 90.

c- Fadhail (Kelebihan) Makkah.

Makkah telah dipilih oleh Allah ﷻ menjadi tempat tumpuan hamba-hamba-Nya yang mukmin turun temurun dan mempunyai kelebihan serta keistimewaan yang banyak.

Di bawah ini dinyatakan beberapa hadis mengenai kelebihan *(Fadhail)* Makkah;

1- Makkah adalah Tanah Haram.

عن ابن عباس ﷺ قال: قال رسول الله ﷺ يوم الفتح فتح مكةَ: ((إنَّ هذا البلد حرَّمه الله يوم خلق السماوات والأرض. فهو حرام بحرمة الله إلى يوم القيامة. وإنه لم يحلّ القتالُ فيه لأحد قبلي. ولم يحلّ لي إلا ساعةً من نهار. فهو حرامٌ بحرمة الله إلى يوم القيامة. لا يُعضَدُ شوكُه، ولا يُنَفَّرُ صيدُه، ولا يَلْتَقِطُ لقطتها إلا من عرَّفها، ولا يُختلى خَلاها)) فقال العباس: يا رسول الله! إلا الإذخر؛ فإنه لقَيْنِهم ولبيوتهم. فقال: ((إلا الإذخرَ)). رواه مسلم.

Maksudnya: Sabda Rasulullah ﷺ pada hari pembukaan kota Makkah: "Sesungguhnya negeri Makkah ini telah dijadikan oleh Allah ﷻ sebagai Tanah Haram pada hari Dia menciptakan langit dan bumi. Makkah adalah Tanah Haram dengan pengharaman daripada Allah sehingga ke Hari Kiamat. Tidak dibenarkan berperang di Makkah kepada sesiapa pun sebelumku, dan tidak dibenarkan kepadaku kecuali beberapa masa sahaja (pada hari pembukaan kota Makkah tahun ke 8H). Makkah adalah Tanah Haram dengan pengharaman daripada Allah sehingga ke Hari Kiamat. Tidak boleh memotong pohon, tidak boleh menangkap binatang perburuan (yang hidup bebas), tidak boleh mengambil barang yang tercicir

kecuali mereka yang mahu mengumumkannya kepada orang ramai dan tidak boleh mengerat rumput di Makkah". Kata Al-'Abbas (bapa saudara Rasulullah ﷺ): kecuali *Izkhir* (sejenis tumbuhan yang harum baunya) untuk dibuat bahan bakar kepada tukang besi dan dibuat atap rumah. Jawab Rasulullah ﷺ: "Kecuali *Izkhir*"[1].

2- Nabi Ibrahim ﷺ mengisytiharkan Tanah Haram Makkah.

عن عبد الله بن زيد ﷺ عن النبي ﷺ قال: ((إِنَّ إِبْرَاهِيْمَ حَرَّمَ مَكَّةَ وَدَعَا لَهَا، وَحَرَّمْتُ الْمَدِيْنَةَ كَمَا حَرَّمَ إِبْرَاهِيْمُ مَكَّةَ، وَدَعَوْتُ لَهَا فِيْ مُدِّهَا وَصَاعِهَا مِثْلَ مَا دَعَا إِبْرَاهِيْمُ عَلَيْهِ السَّلاَمُ لِمَكَّةَ)). رواه البخاري ومسلم.

Maksudnya: "Sesungguhnya Nabi Ibrahim telah mengharamkan Makkah dan berdoa untuknya dan aku mengharamkan Madinah sepertimana Ibrahim mengharamkan Makkah dan aku berdoa untuk (keberkatan) cupak dan gantangnya sepertimana Ibrahim ﷺ berdoa untuk Makkah"[2].

3- Makkah adalah sebaik-baik negeri dan tempat yang paling disayangi oleh Allah ﷻ dan Rasul-Nya ﷺ.

عن عبد الله بن عدي بن حمراء الزهري قال: (رأيت رسول الله ﷺ واقفا على الحَزْوَرَة، فقال: ((والله إنك لخيرُ أرض الله، وأحبُّ أرض الله إلى الله، ولولا أني أُخْرِجْتُ منك ما خرجت)). رواه الترمذي.

[1] Sahih Muslim No. 1353.
[2] Sahih Al-Bukhari No. 2129, Sahih Muslim No. 1360.

Maksudnya: Kata Abdullah bin 'Adi ﷺ: "Aku lihat Rasulullah ﷺ berdiri di *Hazwarah*[1] dan bersabda: "Demi Allah! Sesungguhnya Makkah adalah sebaik-baik bumi Allah dan bumi yang sangat disayangi oleh Allah ﷻ, kalaulah aku tidak dihalau keluar daripadamu nescaya aku tidak akan keluar"[2].

4- Makkah tidak dimasuki dajjal.

عن أنس بن مالك ﷺ عن النبي ﷺ قال: ((لَيْسَ من بلد إلاّ سَيَطَؤُهُ الدَّجَّالُ إلا مكة والمدينة، ليس له من نِقَابِهَا نَقْبٌ إلا عليه الملائكة صَافِّيْنَ يَحْرُسُوْنَهَا، ثم تَرْجُفُ المدينة بأهلها ثلاث رجفات فَيُخْرِجُ الله كلَّ كافرٍ ومنافقٍ)) رواه البخاري.

Maksudnya: "Semua negeri akan dimasuki oleh Dajjal kecuali Makkah dan Madinah, semua jalan masuk dikawal oleh para malaikat yang berbaris-baris, kemudian Madinah akan bergoncang sebanyak tiga kali dan Allah ﷻ akan mengeluarkan semua orang kafir dan munafiq daripadanya"[3].

---

[1] Hazwarah: letaknya berdekatan dengan rumah Ummu Hani', iaitu di sebelah kawasan Bab Ajyad. Jarak antara Rukun Yamani dengan rumah Ummu Hani' dan Hazwarah ialah 120m. Tempat ini telah dimasukkan ke dalam binaan Masjidil Haram oleh Al-Mahdi pada tahun 164H. Lihat: At Tarikh Al-Qawim 1/359-363.

[2] Sunan At-Tirmizi No. 3925. (Sahih) Lihat: Sahih At-Tirmizi 3/250.

[3] Sahih Al-Bukhari No. 1881.

5-Ancaman daripada melakukan *ilhad* (kejahatan) di Tanah Haram.

عن ابن عباس ﷺ أن النبي ﷺ قال: ((أَبْغَضُ النَّاسِ إِلَى اللهِ ثَلاثَةٌ: مُلْحِدٌ فِي الْحَرَمِ، وَمُبْتَغٍ فِي الإِسْلامِ سُنَّةَ الْجَاهِلِيَّةِ، وَمُطَّلِبُ دَمِ امْرِئٍ بِغَيْرِ حَقٍّ لِيُهَرِيقَ دَمَهُ)). رواه البخاري.

Maksudnya: "Tiga golongan manusia yang paling dibenci oleh Allah: (1) Orang yang melakukan *ilhad* (kejahatan) di Tanah Haram. (2) Orang yang mahu mengekalkan amalan jahiliyyah di dalam Islam. (3) Orang yang menuntut darah manusia tanpa hak untuk menumpahkannya"[1].

6- Kelebihan Tawaf.

عن ابن عمر ﷺ قال: سمعت النبي ﷺ يقول: ((من طاف بهذا البيت أسبوعاً فأحصاه، كان كعتق رقبة)). وسمعته يقول: ((لا يضع قدماً، ولا يرفع أخرى، إلا حطّ الله عنه خطيئةً وكتب له بها حسنة)). رواه الترمذي.

Maksudnya: Kata Ibnu Umar ﷺ: "Aku mendengar Rasulullah ﷺ bersabda: "Sesiapa yang melakukan tawaf di rumah ini (Ka'bah) tujuh pusingan genap, adalah pahalanya seperti memerdekakan seorang hamba".

Dan aku juga mendengar Rasulullah ﷺ bersabda: "Tidak meletakkan kaki (orang yang tawaf) dan tidak pula mengangkat yang lainnya kecuali Allah ﷻ menghapuskan kesalahannya serta menulis baginya satu kebajikan"[2].

---

[1] Sahih Al-Bukhari No. 6882.
[2] Sunan At-Tirmizi No. 959. (Sahih) Lihat: Sahih At-Tirmizi 1/283.

7-Rahmat kepada orang tawaf, solat dan memandang Ka'bah.

عن ابن عباس ﷺ قال: قال رسول الله ﷺ: ((إن الله ينزل في كل يوم وليلة عشرين ومائة رحمة، ينزل على هذا البيت، ستون للطائفين، وأربعون للمصلين، وعشرون للناظرين)). رواه الطبراني.

Maksudnya: "Bahawasanya Allah menurunkan 120 rahmat setiap hari, diturunkan kepada Ka'bah; 60 rahmat untuk orang tawaf, 40 untuk orang solat dan 20 untuk orang yang memandangnya"[1].

8- Kelebihan solat di Makkah.

عن عبد الله بن الزبير ﷺ قال: قال رسول الله ﷺ: ((صلاة في مسجدي هذا أفضل من ألف صلاة فيما سواه من المساجد إلا المسجد الحرام، وصلاة في المسجد الحرام أفضل من مائة صلاة في هذا)). رواه أحمد وغيره.

وفي رواية: ((وفي بيت المقدس خمسمائة صلاة)). رواه البزار والطبراني.

Maksudnya: "Solat di Masjidku ini (Masjid Nabawi) lebih baik daripada 1000 kali solat di masjid lain kecuali Masjidil Haram, solat di Masjidil Haram lebih afdhal

[1] Al-Mu'jam Al-Kabir 11/195, Majma' Az-Zawaid 3/292. Sanadnya 'Dhaif' tapi dengan beberapa riwayat yang lain mungkin boleh sampai kepada 'Hasan'. Lihat: Fadhail Makkah 640, 654, As-Silsilah Ad-Dha'ifah 1/339, Dha'if Al-Jami' As-Saghir No. 176.

daripada 100 kali solat di masjidku ini (iaitu 100 ribu kali di masjid lain)"[1].

Disebut dalam riwayat lain: "Solat di Baitul Maqdis pahalanya 500 kali ganda daripada masjid lain"[2].

Sekali bersolat di Masjidil Haram Makkah pahalanya sama dengan solat di tempat lain (selain Masjid Madinah dan Baitul Maqdis) ialah bersamaan 55 tahun, 6 bulan dan 22 hari.

Solat sehari semalam (5 waktu) pahalanya sama dengan 277 tahun, 9 bulan dan 10 hari[3].

Banyak lagi hadis yang menyebut tentang fadhail Makkah, pembaca disarankan agar merujuk kitab:

(فضائل مكة الواردة في السنة)[4] dan lainnya.

---

[1] Musnad Imam Ahmad 4/5. (Sahih) Lihat: Sahih Al-Jami' As-Saghir No. 3841, Irwa' Al-Ghalil No. 1971, Fadhail Makkah 778.

[2] Lihat: Kashf Al-Astar 1/212. Kata Al-Haithami: 'Hadis Hasan'. Lihat: Majma' Az-Zawaid 4/7, I'lam As-Sajid 82. Menurut Al-Albani hadis ini 'Dhaif'. Lihat: Dha'if Al-Jami' As-Saghir No. 3569, Fadhail Makkah 795.

[3] Lihat: I'lam As-Sajid 81.

[4] Asalnya tesis Ph.D di UIM yang dikemukakan oleh sahabat saya Dr. Muhammad bin Abdullah Al-Ghabban, kitab ini telah dicetak.

d- Hukum Haram Makkah.

Tanah Haram Makkah mempunyai keistimewaan yang tersendiri sebagaimana yang telah disebut dalam hadis di atas. Di bawah ini pula akan disebut beberapa hukum yang dikhususkan kepada Makkah secara ringkas, antaranya;

1- Tidak boleh memasuki Makkah bagi mereka yang ingin melakukan haji atau umrah kecuali dengan berihram.

Rasulullah ﷺ telah menetapkan *miqat* (tempat niat ihram haji dan umrah) bagi setiap penjuru jalan menuju ke Makkah kemudian Baginda bersabda:

((هن لهن ولمن أتى عليهن من غيرهن ممن أراد الحج والعمرة)).

رواه البخاري.

Maksudnya: "Semua *miqat* (yang telah ditentukan itu) bagi penduduk kawasan itu dan mereka yang melalui kawasan tersebut dari kalangan mereka yang ingin melakukan haji atau umrah"[1].

Sesiapa yang melintasi *miqat* dengan tidak berihram hukumnya berdosa dan dikenakan membayar *dam* (denda).

Sebaliknya boleh memasuki Makkah dengan tidak berihram jika seseorang itu masuk dengan tujuan lain (bukan haji atau umrah), Wallahu a'lam[2].

---

[1] Sahih Al-Bukhari No. 1524.

[2] Lihat: An-Nawawi, Syarah Sahih Muslim 8/83, Ibnu Hajar, Fathul Bari 3/452, I'lam As-Sajid 122.

2-Tidak boleh memotong tumbuh-tumbuhan (pokok dan rumput) di Tanah Haram.

Ulama' telah bersepakat (ijma') mengatakan haram memotong tumbuh-tumbuhan yang tumbuh dengan sendiri, tetapi boleh memotong tanaman yang ditanam oleh manusia. Demikian juga boleh melepaskan binatang ternakan memakan rumput di Tanah Haram.

Sesiapa yang melakukannya, menurut Imam Malik orang itu berdosa, dia mesti beristighfar tetapi tidak dikenakan sebarang *fidyah* (denda). Imam Abu Hanifah pula mengatakan dia dikenakan bayaran *fidyah* mengikut harganya. Imam Asy-Syafi'ie dan Ahmad mengatakan dia dikenakan *fidyah* (denda), bagi sebatang pokok besar ialah seekor lembu, yang kecil seekor kambing dan rumput pula dikira dengan harganya. Wallahu a'lam[1].

3- Tidak boleh membunuh binatang perburuan.

Ulama' telah bersepakat mengatakan haram bagi orang yang berada dalam ihram dan orang yang tidak berihram menangkap serta membunuh binatang perburuan yang hidup bebas (bukan dipelihara oleh sesiapa) di Tanah Haram.

Sesiapa yang membunuhnya, menurut jumhur (kebanyakkan) ulama' dikenakan balasan (*jaza'*) sama seperti hukuman orang yang sedang berihram membunuh binatang perburuan di semua tempat. Setiap binatang dinilai mengikut jenis dan saiz binatang yang seumpama

---

[1] Lihat: Syarah Sahih Muslim 9/125, Fathul Bari 4/53, Al-Mawardi, Al-Ahkam As-Sultaniah 167, Ibnu Qudamah, Al-Mughni 5/185-189, I'lam As-Sajid 108.

dengannya. Kalau tidak ada yang seumpama dengannya maka ia dinilai dengan harganya[1].

Ada juga beberapa jenis binatang yang dibenarkan membunuhnya di Tanah Haram dan semasa berihram, antaranya; burung gagak, helang, kala jengking, tikus, anjing garang, ular, binatang buas, serigala dan burung reng pemakan bangkai[2].

Untuk keterangan lanjut sila rujuk dalam kitab-kitab haji, bab larangan semasa ihram. Wallahu a'lam.

4- Orang kafir tidak dibenarkan masuk ke Tanah Haram.

Firman Allah ﷻ:

﴿ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِنَّمَا ٱلْمُشْرِكُونَ نَجَسٌ فَلَا يَقْرَبُواْ ٱلْمَسْجِدَ ٱلْحَرَامَ بَعْدَ عَامِهِمْ هَٰذَا ﴾ (التوبة : ٢٨).

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman, sesungguhnya orang-orang musyrik (kafir) itu najis (jiwa mereka kotor kerana mempersekutukan Allah), maka janganlah mereka mendekati Masjidil Haram selepas tahun ini (9 Hijrah)"[3].

Rasulullah ﷺ telah mengarahkan Sayyidina Abu Bakar As-Siddiq ؓ pada tahun ke 9 Hijrah agar mengisytiharkan pada musim haji bahawa:

(ألا لا يحج بعد العام مشرك، ولا يطوف بالبيت عريان). رواه البخاري.

---

[1] Lihat: Syarah Sahih Muslim 9/125, Al-Ahkam As-Sultaniah 167, Al-Mughni 5/179, I'lam As-Sajid 108.

[2] Lihat: Syarah Sahih Muslim 8/113, Al-Mughni 5/175, Asy-Syaukani, Nailul Authar 953.

[3] Surah At-Taubah: 28.

Maksudnya: "Orang kafir tidak boleh lagi datang mengerjakan haji selepas tahun ini dan tidak boleh melakukan tawaf di Baitullah dengan tidak berpakaian"[1].

Kata Al-Hafiz Ibnu Hajar *rahimahullah*: "Ayat di atas jelas melarang orang musyrik daripada memasuki Masjidil Haram walaupun bukan dengan tujuan untuk mengerjakan haji, oleh kerana haji merupakan tujuan yang besar kepada mereka yang datang ke Makkah disebut larangan daripada melakukannya, maka dengan itu, larangan daripada memasukinya dengan tujuan yang lain lebih kuat lagi. Maksud Masjidil Haram dalam ayat ini ialah Tanah Haram seluruhnya"[2].

5- Pahala solat 100 ribu di Makkah (Tanah Haram) seluruhnya.

Jumhur (kebanyakan) ulama' mengatakan pahala solat 100 ribu di Makkah ialah di Tanah Haram seluruhnya[3].

Ada juga ulama' berpendapat 100 ribu hanya dikhususkan kepada solat di Masjidil Haram (Masjid Ka'bah) sahaja. Namun, solat di Tanah Haram lebih afdhal daripada solat di tanah halal kerana ianya merupakan tempat terawal dibina untuk beribadat, ramainya bilangan ahli jemaah dan telah disepakati oleh ulama' akan pahala yang berganda di tempat ini dengan

---

[1] Sahih Al-Bukhari No. 369, 1622.

[2] Fathul Bari 8/171. Lihat: Al-Ahkam As-Sultaniah 167, Syarah Sahih Muslim 9/116, I'lam As-Sajid 120, Aishah, Al-Balad Al-Haram 79.

[3] Lihat: I'lam As-Sajid 83, Fathul Bari 3/80, Al-Khudhairi, Ahkam Al-Masajid 1/103.

tidak ada keraguan lagi. Pendapat ini dipersetujui oleh Sheikh Ibnu Uthaimin *rahimahullah*[1].

6-Boleh melakukan solat pada bila-bila masa.

Terdapat lima waktu yang dilarang daripada melakukan solat; selepas solat subuh hingga naik matahari, ketika naik matahari hingga naik meninggi sekadar 15 minit, ketika matahari di tengah-tengah langit hingga tergelincir (masuk waktu zuhur), selepas solat asar hingga terbenam matahari dan ketika matahari hampir terbenam hingga terbenam sepenuhnya.

Imam Asy-Syafi'ie dan Ahmad *-rahimahumallah-* berpendapat boleh melakukan solat sunat dan tawaf pada bila-bila masa di Makkah, tidak ada waktu yang dilarang, berbeza dengan tempat lain terdapat waktu yang dilarang, berdasarkan hadis Rasulullah ﷺ:

عن جبير بن مطعم رضي الله عنه: أن النبي ﷺ قال: ((يا بني عبد مناف، لا تمنعوا أحداً طاف بهذا البيت، وصلّى أية ساعة شاء من ليل أو نهار)). رواه الترمذي.

Maksudnya: "Wahai Bani Abdi Manaf, jangan kamu tegah seseorang daripada melakukan tawaf di Baitullah dan bersolat pada mana-mana waktu yang dikehendakinya, malam atau siang"[2].

Imam Abu Hanifah (An-Nu'man bin Thabit) dan Imam Malik *-rahimahumallah-* pula berpendapat tidak

---

[1] Lihat: Majmu' Fatawa Ibnu Uthaimin 12/395, Fatawa Li Ahlil Haram 16, Syuraim, Al-Minhaj 27, Al-Balad Al-Haram 99.

[2] Sunan At-Tirmizi No. 868 (Sahih). Lihat: Sahih At-Tirmizi 1/259 No. 688-875.

ada beza Makkah dengan tempat-tempat lain. Larangan di atas adalah umum bagi semua tempat berdasarkan perbuatan Sayyidina Umar bin Al-Khattab ﷺ. Beliau melakukan tawaf selepas solat subuh setelah itu beliau keluar dari Makkah berhenti di Zi Thuwa dan melakukan solat sunat tawaf selepas naik matahari.

Ada yang mengatakan maksud hadis di atas (Bani Abdi Manaf) ialah khas untuk solat sunat tawaf sahaja, wallahu a'lam[1].

7- Hukum melintasi orang yang sedang bersolat di Masjidil Haram.

Haram melintas di hadapan orang yang sedang bersolat, kecuali di antara saf-saf solat di belakang imam.

Begitu juga dibolehkan sekiranya seseorang itu meletakkan sesuatu di hadapannya sebagai sekatan (*sutrah*) sempadan tempat solatnya, sebagaimana sabda Nabi ﷺ:

((لو يعلم المار بين يدي المصلي ماذا عليه، لكان أن يقف أربعين خيراً له من أن يمر بين يديه)). رواه البخاري.

Maksudnya: "Kalau seseorang itu tahu akan kesalahan melintas di hadapan orang yang sedang bersolat, nescaya dia berdiri menunggu (orang itu sehingga selesai solat) selama 40 (tahun, bulan atau hari) lebih baik baginya daripada melintas di hadapan orang yang sedang bersolat"[2].

---

[1] Lihat: Sunan At-Tirmizi 3/220 No. 868, Tuhfatul Ahwazi 3/713, I'lam As-Sajid 73, Nailul Authar 551.

[2] Sahih Al-Bukhari No. 510.

Menurut mazhab Imam Asy-Syafi'ie tidak ada beza di antara Masjidil Haram dengan masjid lain. Haram melintas orang yang sedang bersolat di semua masjid, berdasarkan umum hadis di atas, kecuali bagi orang yang melakukan tawaf. Boleh baginya melintasi orang yang bersolat di tempat laluannya kerana *dharurah* (terpaksa)[1].

Menurut mazhab Hanbali harus melintasi di hadapan orang yang sedang bersolat di Masjidil Haram berdasarkan hadis: "Nabi ﷺ bersolat berdekatan dengan Ka'bah dengan tidak ada sekatan (*sutrah*). Kelihatan orang berjalan melintasi di hadapannya"[2].

Menyekat orang daripada melintasinya merupakan suatu perkara yang menimbulkan *masyaqqah* (kesusahan dan kepayahan).

Namun demikian sebaik-baiknya elakkan seboleh mungkin daripada berjalan di hadapan orang yang sedang solat. Wallahu a'lam[3].

8- *Tahiyyah* (penghormatan) Ka'bah ialah tawaf.

Tahiyyah semua masjid ialah dengan melakukan solat sunat *tahiyyatul masjid*, manakala *tahiyyah* Ka'bah ialah dengan melakukan tawaf. *Tahiyyah* Tanah Haram ialah dengan melakukan ihram haji atau umrah. *Tahiyyah* Mina pula ialah melontar[4].

---

[1] Lihat: Fathul Bari 1/687.

[2] Hadis riwayat Abu Daud No. 2016. (Dha'if) Lihat: Dha'if Abu Daud 197 No. 437-2016.

[3] Lihat: I'lam As-Sajid 92, Al-Mughni 3/89, Ahkam Al-Masajid 1/86, Fatawa Li Ahlil Haram 51-53, Abu Sulaiman, Al-Masjidil Haram wa Al-Mas'a 61.

[4] Lihat: I'lam As-Sajid 74-75.

Menurut Imam An-Nawawi: Sesiapa yang memasuki Masjidil Haram hendaklah terus melakukan tawaf, sama ada tawaf *qudum* (bagi mereka yang melakukan haji *Ifrad*) atau tawaf umrah, kecuali takut terlepas solat fardhu atau sunnah *ratibah* (*qabliyah*: sebelum solat) atau terlepas solat jamaah. Maka hendaklah dia laksanakan solat tersebut sebelum tawaf. Setelah selesai, barulah dilakukan tawaf. Begitu juga ketika hampir waktu solat dan dilarang (orang perempuan khususnya) daripada melakukan tawaf hendaklah dia melakukan sunat *tahiyyatul masjid*[1].

9- Tidak boleh menghadap ke arah kiblat sewaktu membuang air.

Antara keistimewaan Makkah, haram menghadap ke arahnya demikian juga membelakanginya ketika membuang air.

عن أبي أيوب الأنصاري ﷺ أن النبي ﷺ قال: ((إذا أتيتم الغائط، فلا تستقبلوا القبلة، ولا تستدبروها، ولكن شرقوا أو غربوا)). رواه البخاري.

Maksudnya: "Apabila kamu duduk untuk membuang air, jangan kamu menghadap ke arah kiblat dan jangan pula membelakanginya, hadaplah ke arah timur atau ke barat"[2].

Arahan menghadap ke arah timur dan barat ini khas untuk penduduk Madinah. Manakala di tempat lain seseorang itu perlu mengikut kedudukan negeri. Apa yang penting tidak menghadap ke arah kiblat atau membelakanginya.

---

[1] Lihat: Al-Majmu' 8/12, Hidayah As-Salik 2/753.
[2] Sahih Al-Bukhari No. 144.

Perhatian: Setiap muslim perlu berhati-hati sewaktu membina rumah. Pastikan kedudukan tandas tidak menghadap ke arah kiblat, walaupun ulama' mengatakan harus dalam bangunan yang tertutup tetapi mengelak daripadanya adalah lebih baik, wallahu a'lam.

10- Sesiapa yang bernazar untuk bersolat di Baitul Maqdis, adalah memadai baginya dengan melakukan solat di Masjidil Haram.

Sesiapa yang bernazar untuk melakukan solat di Masjid Al-Aqsa atau Masjid Madinah, nazarnya terlepas dengan melakukan solat di Masjidil Haram Makkah[1].

عن جابر بن عبد الله ﷺ: (أن رجلاً قام يوم الفتح، فقال: يا رسول الله، إني نذرت لله إن فتح الله عليك مكة أن أصلي في بيت المقدس ركعتين، قال: ((**صل ههنا**)). ثم أعاد عليه، فقال: ((**صل ههنا**)). ثم أعاد عليه، فقال: ((**شأنك إذن**)). رواه أبو داود وأحمد.

Maksudnya: "Seorang lelaki bangun berdiri pada hari pembukaan Kota Makkah sambil berkata: Wahai Rasulullah, saya telah bernazar sekiranya Allah ﷻ menolong tuan membuka Kota Makkah (daripada orang kafir) saya akan bersolat dua rakaat di Baitul Maqdis. Sabda Nabi ﷺ: "Solatlah di sini (Makkah)". Kemudian lelaki tersebut mengulanginya lagi. Sabda Nabi ﷺ: "Solatlah di sini". Lelaki tersebut mengulanginya sekali lagi. Rasulullah ﷺ pun bersabda: "Terpulanglah kepada kamu"[2].

---

[1] Lihat: Syarah Sahih Muslim 9/167.

[2] Sunan Abu Daud No. 3305, Al-Musnad 23/185 No. 14919, (Sahih) Lihat: Sahih Abu Daud No. 2827-3305.

Itulah 10 perkara yang berhubung dengan hukum Tanah Haram Makkah yang dicatatkan bersama dalil-dalilnya.

Di bawah ini pula, beberapa hukum lagi sebagaimana yang disebut oleh Sheikh Jalaluddin As-Sayuti *rahimahullah*[1]:

11- Tidak boleh mengeluarkan tanah dan batu Tanah Haram daripadanya (menurut Mazhab Syafi'ie dan Hanbali)[2].

12- Makruh memasukkan tanah atau batu daripada luar ke Tanah Haram.

13- Tempat sembelih haiwan *hadyu, dam* atau *fidyah* hanya di Tanah Haram.

14- Tidak boleh mengambil barang-barang yang tercicir untuk dimiliki.

15- Ahli (penduduk) Makkah tidak dikenakan dam haji qiran atau tamattu'.

16- Ahli (penduduk) Makkah mesti berniat ihram haji di Makkah, tidak boleh keluar daripadanya.

17- Sunat mandi untuk memasuki Kota Makkah, demikian juga untuk memasuki Madinah.

18- Berniat untuk melakukan *ilhad* (kejahatan) di Makkah sudah dikira salah.

Banyak lagi kelebihan atau hukum yang berhubung dengannya, untuk keterangan lanjut sila rujuk kitab Imam Badruddin Az-Zarkashi *–rahimahullah-*: I'lam As-Sajid bi Ahkam Al-Masajid (إعلام الساجد بأحكام المساجد) beliau

---

[1] Lihat: Al-Asybah Wa An-Nazair 420-421.
[2] Lihat: Al-Balad Al-Haram 294.

menyebut 125 masalah berhubung dengan adab memasuki Tanah Haram[1].

[1] Dua buah tesis master telah ditulis mengenai hukum Tanah Haram:
1- Al-Balad Al-Haram wa Al-Ahkam Al-Muta'alliqah Bihi fi Al-Fiqh Al-Islami. Oleh: 'Aishah Bibi Ali. Kulliah Syariah, Universiti Umm Al- Qura, Makkah. 1413H.
2- Ahkam Al-Haram Al-Makki. Oleh: Sami Mohd As-Sughayyir, Kulliah Syariah, Universiti Imam Muhammad bin Sa'ud, Riyadh. 1417H.

Bab Dua
Makkah Menerusi Sejarah.

a- Kedudukan Makkah.

Makkah terletak di bahagian barat Negara Arab Saudi, di bumi Hijaz, di lembah yang dikelilingi oleh bukit-bukau dari semua penjuru. Kawasan rendah di sekitar Makkah dinamakan '*Al-Bat-haa*', di bahagian timur Masjidil Haram dinamakan '*Al-Ma'lah*', di bahagian barat dan selatan dinamakan '*Al-Masfalah*' atau '*Al-Misfalah*' Rasulullah ﷺ merupakan dari kalangan penduduk di bahagian *Al-Ma'lah.* Baginda lahir dan tinggal di kawasan tersebut sehinggalah berhijrah ke Madinah, kemudian memasuki semula Makkah sewaktu pembukaan Kota Makkah pada tahun ke 8 Hijrah melaluinya[1].

Makkah mempunyai tiga pintu masuk: *Al-Ma'lah* (dikenali juga dengan nama *Al-Hujun* atau *Al-Hajun*), *Al-Masfalah* dan *Asy-Syubaikah.*

Secara geografinya Makkah terletak di garisan lintang (*latitude*) 19, 25, 21° di bahagian utara dan garisan bujur (*longitude*) 46, 49, 39° di bahagian timur. Tingginya dari paras laut lebih daripada 300 meter. Makkah dianggap sebagai pusat bumi dan berada di tengah-tengahnya[2].

---

[1] Lihat: Al-Biladi, Ma'alim Makkah At-Tarikhiyyah 40, Dr. M. Ilyas, Tarikh Makkah 9.

[2] Lihat: Al-Ka'bah Al-Mu'azzamah wa Al-Haraman Asy-Syarifan 170, M. Ilyas, Tarikh Makkah 9.

Pusat Dunia

b- Penduduk awal Makkah.

Ahli sejarah menyebut bahawa Ka'bah telah dibina semenjak zaman sebelum Nabi Adam عليه السلام. Ahli arkeologi juga menemui peninggalan yang menunjukkan Makkah sudah lama dihuni.

Sejarah Makkah melalui riwayat yang sahih dan tidak ada syak atau ragu-ragu lagi ialah bermulanya dengan kedatangan Nabi Ibrahim عليه السلام bersama isteri dan anaknya Ismail عليه السلام, sebagaimana yang disebut dalam Al-Quran dan Sunnah Rasulullah ﷺ.

Sebelum kedatangan Nabi Ibrahim عليه السلام membawa isteri dan anaknya, Makkah hanyalah menjadi tempat laluan kafilah-kafilah dagangan. Tempat ini gersang tanpa air dan tanpa tumbuh-tumbuhan yang subur.

Sewaktu kedatangan Nabi Ibrahim bersama isteri dan anaknya bumi Makkah hanya ditumbuhi oleh pokok '*As-Salam*' dan '*As-Samur*'. Kawasan sekitar Makkah dihuni oleh kabilah 'Amaliq[1]. Setelah Hajar dan Ismail tinggal di Makkah datanglah kabilah Jurhum tinggal bersama mereka.

Setelah Nabi Ismail wafat anaknya Thabit (atau Nabit) mengambil alih pemerintahan Makkah, sehingga sampai kepada cucunya Mudhad bin 'Amru Al-Jurhumi. Penduduk Makkah pada masa itu terbahagi kepada dua: Jurhum iaitu pengikut Mudhad dan Qatura[2].

1) Mudhad dan Jurhum yang bersama dengannya menguasai kawasan atas Makkah (Al-Ma'la), mereka berkampung di bukit Qu'aiqi'an (bukit Jabal Hindi sekarang), iaitu bukit yang bertentangan dengan bukit Abi Qubais atau Istana As-Safa. Setiap kabilah perdagangan yang melalui kawasan mereka untuk memasuki Makkah akan dikenakan cukai 10 peratus.

2) Qatura (sesetengah ahli sejarah menyebut 'Amalik)[3] pula tinggal di sebelah bawah Makkah (Al-Masfalah), Ajyad dan sekitarnya. Setiap pedagang yang melalui kawasan mereka untuk memasuki Makkah akan dikenakan cukai 10 peratus. Ketua kabilah ini bernama Al-Sumaida'.

---

[1] Lihat: Al-Azraqi, Akhbar Makkah 1/53.

[2] Kata Al-Azraqi: "Menurut setengah Ahli Ilmu, Makkah dikuasai oleh kabilah 'Amaliq, setelah mereka melakukan kezaliman dan maksiat akhirnya mereka dikalahkan oleh Jurhum". Akhbar Makkah 1/83-84. Lihat: As-Sinjari, Mana-ih Al-Kiram 1/281.

[3] Lihat: Al-Mas'udi, Muruj Az-Zahab 2/49, Sheikh Abdul Rahim Al-Kalantani: Lunas Perceritaan 23, Ba Salamah, Tarikh Al-Ka'bah 46.

Mereka sentiasa berperang dengan kabilah Jurhum. Akhirnya, Mudhad mendapat kemenangan dan pemerintahan Makkah berada di bawah kekuasaannya[1].

Jurhum memerintah Makkah lebih daripada dua abad. Akhirnya, mereka mula melakukan maksiat, mencuri harta yang dihadiahkan kepada Ka'bah. *Asaf* dan *Nailah* melakukan perzinaan di dalam Ka'bah yang akhirnya bertukar menjadi batu, dan melakukan berbagai-bagai kezaliman lagi. Kesudahannya Allah ﷻ mencabut kekuasaan daripada mereka.

Selepas itu datang pula kabilah Khuza'ah anak cucu Al-Qahthani daripada Yaman yang lari daripada banjir *Al-Aram* yang melanda mereka. Mereka mengembara hingga sampai di Makkah dan bertemu dengan ketua Jurhum seterusnya meminta izin untuk tinggal di Makkah. Tetapi Jurhum menolaknya bahkan membuat persiapan untuk berperang dengan mereka. Maka berlakulah peperangan selama tiga hari. Khuza'ah berjaya mengalahkan Jurhum dan mengambil alih pemerintahan Makkah[2].

Kabilah Khuza'ah terus menguasai Makkah di bawah kepimpinan 'Amru bin Luhai Al-Khuza'i. Bandar Makkah bertambah maju. Beliau telah memberi makan kepada jemaah haji dan menyediakan berbagai kemudahan lain. 'Amru juga merupakan orang pertama yang mengubah ajaran Nabi Ibrahim ﷺ dengan membawa masuk berhala Hubal ke Makkah yang dibawa balik daripada Syam dan

---

[1] Lihat: Al-Fakihi, Akhbar Makkah 4/129-130, Al-Azraqi, Akhbar Makkah 1/79-82, Ibnu Ad-Dhiya', Tarikh Makkah 55, As-Siba'i, Tarikh Makkah 17-21.

[2] Lihat: Al-Azraqi, Akhbar Makkah 1/88-92.

meletakkannya di dalam Ka'bah serta menyeru penduduk Makkah untuk menyembahnya.

Sabda Rasulullah ﷺ:

«رأيت عمرو بن عامر بن لحي الخزاعي يجر قُصْبَهُ في النار، وكان أول من سيّب السوائب». البخاري.

Maksudnya: "Aku melihat 'Amru bin 'Amir bin Luhai Al-Khuza'i menarik usus perutnya di dalam neraka. Dialah orang yang pertama membebaskan haiwan untuk berhala"[1].

'Amru bin Luhai dan anak cucunya memerintah Makkah selama 500 tahun sehinggalah sampai kepada pemerintah Khuza'ah terakhir Halil bin Habshah. Qusai bin Kilab berkahwin dengan anaknya dan selepas itu kekuasaan Makkah beralih kepada Qusai dari keturunan Quraisy dan berakhirlah pemerintahan Khuza'ah.

Pemerintahan Makkah berada di tangan Quraisy turun temurun sehinggalah sampai kepada Abdul Muttalib datuk Nabi ﷺ dan seterusnya[2]. Untuk keterangan lanjut sila rujuk kitab *Sirah* (sejarah) Nabi ﷺ.

---

[1] Sahih Al-Bukhari No. 3521.

[2] Lihat: Al-Azraqi, Akhbar Makkah 1/98-104, Ibnu Ad-Diya', Tarikh Makkah 60-74, As-Siba'i, Tarikh Makkah 21-25.

Bab Tiga

Telaga Zamzam.

a- Sejarah Telaga Zamzam.

Sejarah telaga Zamzam secara umumnya adalah sejarah penghijrahan Siti Hajar bersama anaknya Ismail عليه السلام ke Makkah. Ia juga merupakan salah satu episod dalam sejarah pendudukan Makkah.

Untuk menceritakan mengenai sejarah ini saya memilih riwayat yang dinyatakan oleh Imam Muhammad bin Ismail Al-Bukhari *rahimahullah*, kerana sifatnya yang sahih dan ringkas. (Sahih Al-Bukhari No. 3364).

Berkata Imam Al-Bukhari: "Ibnu Abbas رضي الله عنهما meriwayatkan (daripada Rasulullah ﷺ) bahawa wanita yang pertama memakai bengkung ialah Hajar iaitu ibu Nabi Ismail عليه السلام. Beliau menggunakannya (dengan melabuhkan hujung kainnya) untuk menghapuskan jejaknya dari diikuti oleh Sarah yang cemburu terhadapnya. Ibrahim عليه السلام telah membawa Hajar dan Ismail عليه السلام yang ketika itu masih menyusu, ke satu tempat yang berdekatan dengan Ka'bah. Baginda meletakkan mereka di bawah pokok yang merupakan tempat telaga Zamzam pada hari ini. Ia merupakan tempat yang paling tinggi di dalam kawasan masjid.

Makkah pada ketika itu tiada penghuni dan sumber air. Ibrahim menurunkan mereka di situ dan meletakkan di sisi mereka sebuah bekas daripada kulit yang mengandungi beberapa biji tamar dan sebuah bekas air. Kemudian baginda pun beredar. Hajar lalu mengikutinya sambil berkata: "Wahai Ibrahim! Ke mana kamu hendak pergi? Adakah kamu akan meninggalkan kami di lembah

yang tidak berpenghuni dan tiada apa-apa (untuk dimakan) ini?". Beliau mengulanginya beberapa kali, tetapi Ibrahim tidak berpaling kepadanya. Akhirnya Hajar berkata: "Adakah ini merupakan perintah Allah terhadap kamu?". Ibrahim menjawab: "Ya". Hajar lalu berkata: "Jika begitu, Allah pasti tidak akan membiarkan kami". Beliau kembali semula ke tempat Ismail dan Ibrahim meneruskan perjalanannya.

Apabila baginda sampai di *Thaniyyah* di mana mereka tidak dapat melihatnya lagi, baginda berhenti dan menghadap ke arah Ka'bah. Baginda mengangkat kedua tangannya dan berdoa kepada Allah ﷻ dengan doa berikut:

Maksudnya: "Wahai Tuhan kami, sesungguhnya aku telah meninggalkan sebahagian daripada keturunanku di sebuah lembah yang tidak mempunyai apa-apa tanaman (dan) berhampiran dengan rumah-Mu (tapak Baitullah) yang mulia. Wahai Tuhan kami, (dengan demikian) agar mereka mendirikan solat. Maka jadikanlah hati-hati manusia cenderung kepada mereka dan rezekikanlah mereka dengan buah-buahan, semoga mereka bersyukur"[1].

Manakala Hajar pula terus menyusui Ismail dan meminum air dari bekasnya. Apabila air tersebut telah habis, beliau merasa dahaga. Begitu juga anaknya Ismail.

[1] Surah Ibrahim: 37.

Apabila beliau melihat Ismail menangis kerana kepanasan dan dahaga, beliau bangun meninggalkannya kerana tidak sanggup melihat keadaan anaknya itu. Beliau mendapati Bukit Safa merupakan bukit yang terdekat dengannya di tempat itu lalu mendakinya dan melihat ke lembah sekitarnya dengan harapan agar ternampak sesiapa. Namun, hasrat beliau tidak kesampaian. Beliau kemudiannya turun dari Bukit Safa dan terus berjalan-jalan. Apabila sampai di tengah-tengah lembah beliau menyinsing kainnya dan berlari-lari anak kerana runsing dan bimbang. (Kawasan itu sekarang ditandakan dengan dua lampu berwarna hijau). Kemudian beliau berjalan kembali hingga sampai ke bukit Marwah. Hajar mendakinya dan melihat ke sekitarnya dengan harapan yang sama, tetapi tidak seorang manusia pun kelihatan berada di situ. Hajar mengulangi perbuatan ini (berulang alik antara Safa-Marwah) sebanyak tujuh kali.

Berkata Ibnu Abbas: Rasulullah ﷺ bersabda: "Rukun Sa'ei (berjalan) di antara Safa dan Marwah adalah berdasarkan peristiwa ini".

Apabila tiba di Marwah pada kali terakhir, Hajar terdengar seakan-akan bunyi suara, lalu beliau mendiamkan diri dan memasang telinga dengan teliti. Beliau mendengar bunyi suatu suara lalu berkata kepadanya: "Aku telah mendengar suara kamu. Adakah kamu mempunyai sesuatu untuk menolong aku?".

Alangkah terkejutnya beliau apabila melihat malaikat di tempat telaga Zamzam sedang menggali tanah dengan kakinya (atau sayapnya), sehinggalah air mengalir keluar dari tempat itu. Hajar mula membuat batas dengan tangannya di sekeliling mata air tersebut dan mengisi bekas airnya dengan air yang mula mengalir keluar.

Rasulullah ﷺ bersabda lagi: "Semoga Allah merahmati ibu Ismail. Jika beliau membiarkan Zamzam (mengalir tanpa cuba membatasinya atau tidak menceduknya untuk mengisi bekasnya), nescaya Zamzam akan menjadi sungai yang mengalir ke seluruh muka bumi".

Hajar lalu meminum air itu dan menyusukan anaknya. Malaikat tersebut berkata kepadanya: "Jangan kamu merasa bimbang bahawa kamu akan diabaikan kerana kawasan ini adalah tapak kepada rumah Allah yang akan dibina oleh anak ini dan bapanya dan Allah ﷻ tidak akan melupakan hamba-Nya".

Ka'bah pada masa itu (terlindung) berada di suatu tempat yang tinggi yang menyerupai sebuah anak bukit. Apabila banjir air akan mengalir di sebelah kanan dan kirinya.

Hajar dan Ismail tinggal di situ beberapa lama sehingga kedatangan kaum Jurhum atau satu keluarga dari kaum Jurhum dari arah *Kada'*. Mereka berhenti di satu kawasan yang lebih rendah dari Makkah dan melihat sekumpulan burung yang mempunyai tabiat terbang mengelilingi air sedang berterbangan. Mereka berkata: "Burung tersebut pasti terbang mengelilingi air, tetapi setahu kami tiada air di lembah tersebut". Mereka pun menghantar seorang atau dua utusan untuk menyiasat. Utusan tersebut mendapati terdapat sumber air di situ lalu kembali membawa khabar tersebut. Akhirnya, mereka semua datang ke tempat tersebut.

Ketika mereka tiba ibu Ismail sedang duduk berhampiran mata air. Mereka bertanya: "Adakah kamu membenarkan kami untuk tinggal di sini?". Beliau menjawab: "Ya, tetapi kamu tiada hak untuk memiliki

mata air ini". Mereka pun bersetuju dengan syarat tersebut.

Hajar merasa gembira dengan keadaan itu kerana beliau sukakan pergaulan dan kehadiran orang ramai.

Setelah mendapat keizinan untuk menetap di situ kaum Jurhum tersebut mengutusi kaum keluarga mereka yang lain untuk datang menetap di situ bersama-sama. Akhirnya, lama kelamaan mereka menjadi penduduk tetap di situ.

Ismail membesar dan mempelajari bahasa Arab dengan mereka dan ketinggian akhlak dan peribadinya menjadikan mereka sayang dan hormat kepadanya. Apabila Ismail dewasa merekapun mengahwinkannya dengan salah seorang perempuan dari kaum mereka.

Setelah Hajar meninggal dunia, Ibrahim datang selepas perkahwinan Ismail untuk menziarahi keluarga yang telah lama ditinggalkannya. Tetapi baginda hanya menemui isteri Ismail dan bertanya tentangnya. Isteri Ismail menjawab: "Dia keluar untuk mencari rezeki bagi kehidupan kami." Ibrahim kemudian bertanya pula tentang keadaan hidup mereka. Isterinya memberitahu: "Kami hidup dalam kemiskinan, kami hidup dalam kesempitan dan kesusahan," adunya lagi. Ibrahim lalu berpesan: "Apabila suami kamu pulang, sampaikan salamku kepadanya dan beritahu kepadanya supaya menukar ambang pintu rumahnya". Apabila Ismail pulang, dia merasa sesuatu yang luar biasa lalu bertanya kepada isterinya: "Adakah sesiapa telah datang melawat kamu?" Isterinya menjawab: "Ya, seorang lelaki tua yang begini penampilannya (seolah-olah merendahkannya) telah datang dan bertanyakan kepadaku tentang keadaan hidup kita dan aku telah memberitahunya bahawa kita hidup

dalam kemiskinann dan kesusahan." Ismail bertanya lagi, "Adakah dia berpesan apa-apa?". Isterinya menjawab: "Ya, dia menyuruh aku menyampaikan salamnya kepadamu dan menyuruh kamu menukar ambang pintu rumahmu". Ismail lalu memberitahu "Itu adalah bapaku dan dia telah mengarahkan agar aku menceraikan kamu. Kembalilah kepada keluargamu". Lalu Ismail menceraikannya dan berkahwin lagi dengan perempuan lain yang juga daripada kalangan Jurhum.

Maka sekali lagi Ibrahim berjauhan daripada mereka dalam jangka masa (selama) yang dikehendaki Allah ﷻ dan kemudian datang lagi menziarahi mereka tetapi kali ini juga baginda tidak menemui Ismail. Lalu baginda datang menemui isteri Ismail dan bertanya tentang Ismail. Jawabnya: "Dia keluar untuk mencari rezeki untuk menyara kehidupan kami". Ibrahim bertanya pula tentang keadaan hidup mereka. Isterinya memberitahu: "Kami hidup dalam kesenangan dan kemewahan". Kemudian beliau bersyukur kepada Allah ﷻ. Lantas Ibrahim bertanya lagi: "Apa yang kamu makan?". Jawabnya: "Daging". Tanyanya lagi: "Apa yang kamu minum?". Jawabnya: "Air". Ibrahim lalu berdoa: "Ya Allah, berkatilah daging dan air mereka".

Sabda Rasulullah ﷺ: "Pada masa itu mereka tidak mempunyai biji-bijian, jika mereka mempunyainya tentu Nabi Ibrahim akan berdoa supaya Allah memberkatinya juga".

Rasulullah ﷺ bersabda lagi: "Jika seseorang hanya mempunyai dua benda ini (daging dan air) sebagai makanannya di tempat lain, kesihatan dan kehidupannya akan tergugat, kecuali jika dia hidup di Makkah".

Ibrahim lalu berpesan kepada isteri Ismail: "Apabila suami kamu pulang, sampaikan salamku kepadanya dan beritahu kepadanya agar mengekalkan ambang pintu rumahnya". Apabila Ismail pulang, dia bertanya kepada isterinya: "Adakah sesiapa telah datang melawat kamu?". Isterinya menjawab: "Ya, seorang lelaki tua yang sangat baik penampilannya telah datang". Dia memujinya dan menambah: "Dia bertanya kepadaku tentang kamu dan aku memberitahunya. Dia juga bertanya tentang keadaan hidup kita dan aku telah memberitahunya bahawa kita hidup dalam kesenangan". Ismail bertanya lagi: "Adakah dia berpesan apa-apa?" Isterinya menjawab: "Ya, dia menyuruh aku menyampaikan salamnya kepadamu dan menyuruh kamu menjaga dan mengekalkan ambang pintu rumahmu". Ismail lalu memberitahu: "Itu adalah bapaku dan ambang pintu itu adalah kamu. Dia telah menasihatkan agar aku kekal bersama kamu".

Maka buat kesekalian kalinya Ibrahim berjauhan daripada mereka selama masa yang dikehendaki Allah ﷻ dan kemudian datang lagi menziarahi mereka. Dia mendapati Ismail sedang mengasah anak panahnya di bawah sebatang pokok berdekatan telaga Zamzam. Apabila Ismail melihatnya, dia terus bangun menyambutnya dan bertukar salam sebagaimana yang sepatutnya dilakukan antara anak dan bapanya, juga antara bapa dan anaknya.

Ibrahim lalu berkata: "Wahai Ismail! Allah telah menurunkan perintah-Nya terhadapku". Kata Ismail: "Tunaikan apa yang telah diperintahkan oleh Tuhanmu". Ibrahim bertanya: "Adakah kamu akan menolongku?".
Ismail menjawab: "Aku akan menolongmu". Ibrahim berkata: "Allah telah memerintahkan agar aku membina

sebuah rumah di sini" seraya menunjukkan ke arah anak bukit yang agak tinggi daripada kawasan sekitarnya.

Mereka berdua mula membina tapak asas Ka'bah. Ismail memunggah batu-bata dan Ibrahim membinanya. Apabila dindingnya bertambah tinggi, lalu Ismail membawa batu ini (Maqam Ibrahim) untuk Ibrahim berdiri di atasnya dan meneruskan binaannya. Ismail terus menghulurkan batu-bata kepada bapanya sambil kedua-dua mereka berdoa:

Maksudnya: "Wahai Tuhan kami, terimalah daripada kami (amalan kami), sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui"[1])[2].

Selepas kewafatan Nabi Ismail ﷺ, kabilah Jurhum telah memerintah Tanah Haram dan sekaligus menguasai telaga Zamzam. Mereka dapat minum air Zamzam dengan sepuasnya beberapa lama. Selepas daripada itu mereka mula berubah, banyak melakukan maksiat dan kemungkaran di Tanah Haram. Mereka tidak lagi menghormati Baitullah, bahkan mereka mula memakan harta yang dihadiahkan kepada Ka'bah. Setelah maksiat berleluasa dengan tidak terkawal lagi, air Zamzam mulai kering (sebagai balasan terhadap kejahatan mereka), tempatnya tertimbus dan hilang kesannya akibat daripada banjir yang melanda kawasan telaga Zamzam[3].

---

[1] Surah Al-Baqarah: 127.
[2] Sahih Al-Bukhari No. 3364.
[3] Lihat: Al-Azraqi, Akhbar Makkah 1/90.

Ada juga pendapat yang mengatakan telaga Zamzam hilang kerana ditimbus oleh Jurhum ketika mereka hendak keluar daripada Makkah setelah kalah kepada Khuza'ah[1].

Zamzam terus hilang lenyap daripada penduduk Makkah untuk beberapa masa yang lama, tetapi dimunculkan kembali dengan takdir Allah ﷻ semasa hampir dengan kelahiran Rasulullah ﷺ. Allah telah mengilhamkan kepada Abdul Muttalib (datuk Nabi ﷺ) melalui mimpi agar menggali semula telaga Zamzam yang tertimbus beberapa lama dengan diberikan alamat atau tanda tempat telaga Zamzam. Abdul Muttalib pun menggalinya. Air Zamzam kembali menjadi minuman untuk seluruh penghuni dunia hingga ke hari ini[2]. Alhamdulillah.

Masa timbulnya Zamzam ke atas muka bumi dari zaman Nabi Ibrahim dan Ismail عليهما السلام hingga kepada zaman kita sekarang sudah hampir 5000 tahun.

Telaga Zamzam

Kenyataannya seperti berikut;

---

[1] Lihat: Al-Fasi, Syifaa' Al-Gharam 1-247.

[2] Lihat: Al-Azraqi, Akhbar Makkah 2/43, Said Bakdas, Fadhlu Ma-ie Zamzam 29-36.

Menurut Ibnu Sa‘ad dalam At-Tabaqat[1]: "Jarak antara Nabi Ibrahim عليه السلام dengan Nabi Musa عليه السلام ialah 10 Abad (1000 tahun). Jarak antara Nabi Musa عليه السلام dengan Nabi Isa عليه السلام ialah 1900 tahun. Jarak antara Nabi Isa عليه السلام dengan Nabi Muhammad ﷺ 569 Tahun". Jumlah semuanya ialah 3469 tahun. Ditambah dengan 53 tahun umur Nabi ﷺ sebelum hijrah dan selepas hijrah hingga kepada zaman kita sekarang 1424 tahun, jumlah kesemuanya ialah 4946 tahun. Kemudian ditolak 99 tahun umur Nabi Ibrahim dengan kelahiran anaknya Nabi Ismail عليه السلام. Dengan ini jumlah semua umur Zamzam ialah 4847 tahun[2], Wallahu a'lam.

b- Nama-nama Zamzam.

Para ulama' berkata: Di antara tanda-tanda yang menunjukkan ketinggian sesuatu perkara ialah terdapat banyak nama dan sifat bagi perkara tersebut. Demikianlah keadaan air Zamzam yang merupakan air yang terbaik dan termulia di atas muka bumi.

Zamzam mempunyai lebih daripada lima puluh nama. Di antaranya ialah;

Zamzam, Barakah, Mubarakah, Barrah, Busyra, Tuktam, Maktumah, Haramiyyah, Hafirah Abdul Muttalib, Rakdhah Jibrail, Ar-Rawa', Sabiq, Salimah, Siqayah Al-Haj, Sayyidah, Shabba‘ah, Syarab Al-Abrar, Syifa' Suqmin, Sofiyah, Thahirah, Tha‘am Thu'min, dan lain-lain lagi[3].

---

[1] At-Tabaqat 1/53. Lihat: As-Suyuti, Al-Hawi Li Al-Fatawi 2/139.

[2] Lihat: Bakdas, Fadhlu Ma-ie Zamzam 49-50, Hani Fairuzi, Malamih Min Tarikh Makkah 56.

[3] Lihat: Bakdas, Fadhlu Ma-ie Zamzam 63-75.

c- Fadhail (Kelebihan) Zamzam.

Zamzam mempunyai keberkatan, kelebihan dan keistimewaan yang banyak, yang tidak terdapat pada air-air lain. Di bawah ini dinyatakan beberapa ciri keistimewaannya sebagaimana yang tersebut di dalam hadis-hadis Nabi ﷺ. Antaranya ialah:

1-Zamzam merupakan air yang terbaik di atas muka bumi dan boleh menyembuhkan penyakit (dengan izin Allah ﷻ).

Sabda Nabi ﷺ:

((خير ماء على وجه الأرض ماء زمزم، وفيه طعام من الطُّعْم، وشفاء من السقم)). رواه الفاكهي والطبراني.

Maksudnya: "Sebaik-baik air yang ada di muka bumi ialah air Zamzam. Terdapat di dalamnya zat makanan (orang yang meminumnya akan merasa kenyang seperti memakan makanan) dan penyembuh daripada penyakit"[1].

2-Zamzam diberkati dan mengenyangkan peminumnya.

Abu Zar (Jundub bin Junadah) Al-Ghifari ؓ telah menceritakan mengenai kedatangannya ke Makkah sehingga bertemu Rasulullah ﷺ dan seterusnya memeluk Islam. Menurut beliau, setelah bertemu dengan Rasulullah ﷺ Baginda bertanya kepadanya: "Sejak bila kamu berada di sini?". Jawabnya: Semenjak 30 hari yang lalu. Rasulullah ﷺ bertanya lagi: "Siapa yang memberi kamu makanan?". Jawab Abu Zar: Saya tidak mempunyai

---

[1] Al-Fakihi, Akhbar Makkah 2/41 No.1106, At-Tabarani, Al-Mu'jam Al-Kabir 11/98 No.11167. (Sahih) Lihat: Sahih Al-Jami' No. 3322, As-Silsilah As-Sahihah No. 1056, Fadhail Makkah 858.

makanan dan saya hanya meminum air Zamzam sahaja. Tetapi saya merasa semakin gemuk dan tidak pernah merasa lapar. Sabda Rasulullah ﷺ:

((إِنَّهَا مُبَارَكَةٌ، إِنَّهَا طَعَامُ طُعْمٍ)). رواه مسلم.

Maksudnya: "Sesungguhnya Zamzam merupakan air yang diberkati. Sesungguhnya ia mengandungi zat makanan (orang yang meminumnya akan merasa kenyang seperti memakan makanan)"[1].

3-Zamzam menyempurnakan hasrat peminumnya (dengan izin Allah).

Sabda Rasulullah ﷺ:

((ماء زمزم لما شرب له)). رواه ابن ماجة وأحمد.

Maksudnya: "Air Zamzam itu untuk sebarang tujuan (niat) orang yang meminumnya (dengan izin Allah)"[2].

Selain hadis-hadis di atas, terdapat banyak lagi kelebihan Zamzam yang disebut oleh para ulama'. Ada yang bersandarkan kepada hadis Rasulullah ﷺ atau *athar* (kata-kata sahabat ﷺ) yang sahih dan ada pula yang bersandar kepada hadis atau *athar* yang dhaif. Saya akan menyebut secara ringkas beberapa kelebihan tersebut. Di antaranya ialah;

4- Air Zamzam merupakan salah satu daripada mata air syurga.

---

[1] Sahih Muslim No. 2473. Lihat: Syarah Sahih Muslim 16/30.

[2] Sunan Ibnu Majah No. 3062, Al-Musnad 3/357, 372. (Sahih) Lihat: Sahih Al-Jami' No. 5502, Irwa' Al-Ghalil 4/320 No. 1123, Fadhail Makkah 872.

5- Air Zamzam merupakan kurniaan pertama yang Allah ﷻ berikan hasil doa Nabi Ibrahim عليه السلام.

6- Allah ﷻ telah menjadikan air Zamzam yang berkat ini sebagai penyebab kepada pembangunan dan kemajuan bumi Makkah. Seterusnya kewujudan Baitullah di bumi tersebut.

7- Air Zamzam merupakan salah satu daripada tanda-tanda kekuasaan Allah ﷻ di Tanah Haram.

8- Air Zamzam merupakan salah satu daripada nikmat yang besar dan manfaat yang dapat dilihat di Tanah Haram Makkah.

9- Telaga Zamzam muncul melalui perantaraan Jibrail عليه السلام.

10- Air Zamzam keluar dari kawasan yang paling mulia di atas muka bumi.

11- Air Zamzam merupakan air yang dipilih untuk membersihkan hati Rasulullah ﷺ beberapa kali.

12- Air Zamzam bertambah keberkatannya dengan ludahan Rasulullah ﷺ ke dalamnya.

13- Air Zamzam boleh menyembuhkan demam panas.

14- Banyak meminum air Zamzam merupakan sebahagian dari tanda keimanan dan tanda kebebasan daripada sifat munafiq. (Hal ini kerana orang munafiq tidak mempercayai kelebihannya, wallahu a'lam).

15- Air Zamzam merupakan minuman orang-orang yang mulia (*al-Abrar*).

16- Air Zamzam adalah sebaik-baik hadiah atau buah tangan.

17- Air Zamzam tidak akan kering walaupun ramai orang mengambilnya.

18- Air Zamzam boleh menambahkan kekuatan (tenaga) tubuh badan[1].

d-Beberapa hukum yang berkaitan dengan Zamzam.

Setelah kita mengetahui kelebihan dan keutamaan air Zamzam, maka kita digalakkan meminumnya dengan sepuas-puasnya sekiranya kita berpeluang, minumlah dengan niat yang baik. Semoga Allah ﷻ menunaikan segala hajat yang dikehendaki dan menyembuhkan segala penyakit yang dihadapi.

Di sini, saya akan menjelaskan pula tentang adab-adab ketika meminum air Zamzam dan beberapa hukum yang berkaitan dengannya.

1- Adab meminum air Zamzam.

Para Ulama' telah menggariskan beberapa adab yang patut diikuti semasa meminum air Zamzam. Di antaranya ialah;

a- Menghadap ke arah kiblat.

b- Minum dengan tiga kali nafas, iaitu dengan tiga kali teguk.

c- Membaca "*Bismillah*" setiap kali meminumnya.

d- Memuji Allah dengan menyebut "*Alhamdulillah*" pada setiap nafas.

e- Minum dengan tangan kanan kerana Rasulullah ﷺ telah mengarahkan agar kita menggunakan tangan kanan ketika makan dan minum dan melarang daripada makan

---

[1] Lihat: Bakdas, Fadhlu Ma-ie Zamzam 81-177.

dan minum dengan menggunakan tangan kiri. Hal ini kerana syaitan makan dan minum dengan tangan kiri"[1].

f- Berdoa setelah selesai daripada meminum air Zamzam kerana ia merupakan di antara waktu yang diperkenankan doa. Berdoalah dengan doa:

(اللهم إني أسألك علماً نافعاً، ورزقاً واسعاً، وشفاءً من كل داء).

Maksudnya: "Ya Allah, aku memohon kepada-Mu ilmu yang bermanfaat, rezeki yang luas dan kesembuhan daripada semua penyakit"[2].

2- Minum Zamzam disunatkan sambil berdiri atau duduk?

Ulama' mazhab Hanafi mengatakan bahawa *sunat* meminum air Zamzam sambil berdiri berdasarkan hadis yang sahih daripada Ibnu Abbas ﷺ bahawa beliau berkata: "Aku telah menuang air Zamzam untuk Rasulullah ﷺ. Baginda meminumnya sambil berdiri"[3].

Ulama' mazhab Maliki dan Hanbali mengatakan bahawa *harus* minum air Zamzam sambil berdiri berdasarkan hadis di atas.

Ulama' Asy-Syafi'iyyah pula mengatakan *sunat* meminum air Zamzam sambil duduk dan *makruh* meminumnya sambil berdiri. Dalil mereka ialah sebuah hadis sahih daripada Anas ﷺ bahawa: "Nabi ﷺ melarang perbuatan minum sambil berdiri"[4].

---

[1] Lihat: Sahih Muslim No. 2020.

[2] Doa ini ialah daripada Abdullah bin Abbas ﷺ. Diriwayat oleh Al-Fakihi dalam Akhbar Makkah 2/42 dengan sanad (Hasan).

[3] Sahih Al-Bukhari No. 1637, Sahih Muslim No. 2027.

[4] Sahih Muslim No. 2024.

Mereka menetapkan hukum makruh dan bukan haram kerana Rasulullah ﷺ telah meminum air Zamzam sambil berdiri. Perbuatan Rasulullah ﷺ ini bertujuan untuk menyatakan keharusan perbuatan tersebut.

Masalah ini ada kelonggaran padanya, kita tidak perlu melarang sesiapa sahaja yang meminum Zamzam sama ada sambil berdiri atau duduk, wallahu a'lam[1].

3- Keharusan berwudhu' atau mandi dengan air Zamzam.

Daripada 'Ali bin Abi Talib ؓ katanya: "Rasulullah ﷺ telah meminta setimba air Zamzam lalu meminumnya dan berwudhu' dengannya"[2].

4- Kebenaran membawa Zamzam ke seluruh pelusuk dunia.

"Nabi ﷺ telah menghantar sepucuk surat kepada Suhail bin 'Amr yang berbunyi: "Jika suratku ini sampai kepadamu pada waktu malam, maka janganlah kamu lengahkan sehingga waktu pagi atau jika ia sampai pada waktu pagi janganlah kamu lengahkan sehingga waktu petang untuk menghantar air Zamzam kepadaku"[3].

"Sayyidatina 'Aishah ؓ pernah membawa air Zamzam di dalam botol dan beliau memberitahu bahawa Rasulullah ﷺ telah membawanya di dalam bekas air.

---

[1] Lihat: Fathul Bari 3/577, Syarah Sahih Muslim 13/195, Fadhlu Ma-ie Zamzam 196-197.

[2] Hadis riwayat Imam Ahmad, Al-Musnad 1/545 No. 525, 564 (Hasan), Al-Fakihi, Akhbar Makkah 2/51. Lihat: I'lam As-Sajid 94, Fadhlu Ma-ie Zamzam 214-219.

[3] Hadis ini diriwat oleh Abdur Razzaq dalam Al-Musannaf 5/119, Al-Fakihi, Akhbar Makkah 2/33. Kata As-Sakhawi: (Hasan) Lihat: Al-Maqasid Al-Hasanah 360 No. 928, Fadhail Makkah 895.

Baginda meyiramnya ke atas orang yang sakit dan menyuruh mereka meminumnya"[1].

Berkata para ulama': Sebab dibolehkan untuk mengeluarkan air Zamzam daripada Tanah Haram ialah kerana air Zamzam akan bertambah dan tidak berkurang. Sebaliknya tanah dan batu tidak boleh dikeluarkan (menurut mazhab Syafi'ie) kerana ianya tidak bertambah[2].

Banyak lagi kelebihan dan hukum yang berhubung dengan air Zamzam. Untuk keterangan lanjut mengenainya sila rujuk kitab Fadhlu Ma-ie Zamzam dan kitab-kitab lain.

Telaga Zamzam

[1] Hadis riwayat At-Tirmizi No. 963, Al-Fakihi, Akhbar Makkah 2/49. (Sahih) Lihat: As-Silsilah As-Sahihah No. 883, Fadhail Makkah 896.

[2] Lihat: I'lam As-Sajid 96, Al-Balad Al-Haram 292-294.

Bab Empat
Ka'bah

a- Sejarah Pembinaan Ka'bah.

Ka'bah ialah Baitullah Al-Haram dan ia merupakan kiblat bagi umat Islam. Allah ﷻ telah menjadikan baginya beberapa kelebihan seperti hubungannya dengan dua Rukun Islam, iaitu solat dan haji. Tidak sah solat seseorang sekiranya dia tidak menghadapkan muka ke arahnya dan tidak sah haji seseorang sekiranya dia tidak melakukan tawaf mengelilinginya.

Firman Allah ﷻ:

﴿ إِنَّ أَوَّلَ بَيْتٍ وُضِعَ لِلنَّاسِ لَلَّذِي بِبَكَّةَ مُبَارَكًا وَهُدًى لِّلْعَالَمِينَ ﴿٩٦﴾ ﴾

(آل عمران: ٩٦).

Maksudnya: "Sesungguhnya rumah yang mula-mula dibangunkan untuk manusia (sebagai tempat beribadat) ialah Baitullah yang berada di Bakkah (Makkah) yang diberkati dan menjadi petunjuk bagi manusia"[1].

Tidak ada *khilaf* (perselisihan pendapat) di kalangan ulama' bahawa rumah ibadat yang pertama didirikan untuk manusia ialah Ka'bah. Ini berdasarkan hadis Abi Zar Al-Ghifari ؓ, ketika beliau bertanya Rasulullah ﷺ: "Wahai Rasulullah, apakah masjid yang paling awal dibina?" Jawab Rasulullah: "Masjidil Haram". Kemudian beliau bertanya lagi: "Selepas itu?" Jawab Rasulullah: "Masjidil Aqsa". Beliau bertanya: "Berapakah jarak masa

---

[1]Surah Aali Imran: 96.

di antara kedua-duanya?" Jawab Rasulullah ﷺ: "Empat puluh tahun"[1].

Maksud '*Jarak masa 40 tahun*' ialah jarak di antara pembinaan tapak asas kedua-duanya. Ini menunjukkan bahawa orang yang mula-mula meletakkan asas pembinaan Ka'bah bukan Nabi Ibrahim عليه السلام dan orang yang mula-mula meletakkan asas pembinaan Baitul Maqdis bukan Nabi Sulaiman عليه السلام. Hal itu kerana jarak masa di antara kedua-duanya adalah lebih daripada seribu tahun. Mereka berdua ialah orang yang memperbaharui binaan kedua-duanya, wallahu a'lam[2].

Tidak ramai yang mengetahuinya sejarah pembinaan Ka'bah dan Masjidil Haram. Kisah pembinaan Ka'bah sebenarnya bermula sebelum Allah ﷻ menjadikan bumi dan segala isinya. Perkara ini berdasarkan kepada maklumat yang disebut dalam kitab-kitab sejarah.

Tersebut di dalam hadis sahih bahawa Nabi ﷺ telah bersabda dalam khutbah pembukaan kota Makkah yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah ﷻ telah mengharamkan Makkah pada hari penciptaan langit dan bumi"[3].

Makkah tidak dipilih sebagai Tanah Haram kecuali kerana kewujudan Ka'bah padanya.

Perkara yang menjadi *khilaf* di kalangan ulama' ialah penentuan orang yang pertamanya membinanya. Khasnya binaan sebelum Nabi Ibrahim عليه السلام, walaupun ianya disebut oleh ahli-ahli sejarah tetapi riwayat tersebut memerlukan penelitian dan kajian yang terperinci tentang kesahihannya, Wallahu a'lam.

---

[1] Sahih Al-Bukhari No. 3366, 3425.

[2] Lihat: Fathul Bari 6/470-471, As-Sinjari, Manaih Al-Kiram 1/314, Husain Ba Salamah, Tarikh Al-Ka'bah Al-Mu'azzamah 8.

[3] Sahih Al-Bukhari No. 104, 1832.

Menurut riwayat Abu Al-Walid Al-Azraqi *-rahimahullah-* dalam kitabnya *'Akhbar Makkah'*: Ka'ab Al-Ahbar telah berkata: "Ka'bah adalah buih yang terapung di atas air selama empat puluh tahun sebelum Allah ﷻ menjadikan langit dan bumi dan darinya dihamparkan kejadian bumi"[1].

Mujahid *-rahimahullah-* berkata: "Sesungguhnya Allah ﷻ telah menjadikan tapak rumah ini (Ka'bah) 2000 tahun sebelum dijadikan bumi dan asas (tapak) binaannya berada di lapisan bumi yang ketujuh"[2].

Pembinaan Ka'bah telah melalui beberapa peringkat. Riwayat tentang pembinaan ini sebahagiannya telah sabit dengan dalil yang terang dan jelas dan sebahagiannya pula hanya berdasarkan catatan ahli sejarah. Berikut akan disebut secara ringkas mengenai sejarah pembinaan Ka'bah.

Pertama: Binaan Malaikat.

Al-Azraqi meriwayatkan dari Muhammad Al-Baqir bin Ali Zainal Abidin bin Al-Husain *-rahimahumullah-* bahawa beliau berkata: "Allah ﷻ berfirman kepada malaikat: "Aku akan menjadikan khalifah di muka bumi". Kemudian para malaikat bertanya: "Adakah Tuhan kami hendak menjadikan di bumi orang-orang yang akan melakukan kerosakan?". Setelah itu mereka merasa bersalah dan takut dimurkai oleh Allah ﷻ lalu mereka bertawaf di sekeliling Arasy untuk memohon ampun kepada Allah ﷻ. Kemudian Allah ﷻ menjadikan di bawah Arasy sebuah rumah iaitu '*Bait Al-Ma'mur*' dan Allah ﷻ

---

[1] Al-Azraqi, Akhbar Makkah 1/31.
[2] Ibid 1/32.

berfirman kepada malaikat agar bertawaf di rumah itu dan bukan lagi di Arasy. Kemudian Allah ﷻ telah mengutus para malaikat supaya membina Baitullah di bumi supaya makhluk di bumi dapat melakukan tawaf sebagaimana makhluk di langit bertawaf di Bait Al-Ma'mur"[1].

Kedua: Binaan Nabi Adam ﷺ.

Al-Azraqi meriwayatkan daripada Ibnu Abbas ؓ bahawa beliau berkata: "Semasa Adam ﷺ diturunkan dari syurga dan sampai ke bumi, baginda telah berkata: "Wahai Tuhan, mengapa aku tidak mendengar lagi suara malaikat?". Allah ﷻ berfirman: "Semuanya kerana kesalahan engkau wahai Adam". Kemudian Allah ﷻ memerintahkan supaya baginda membina Ka'bah dan bertawaf mengelilinginya sebagaimana malaikat mengelilingi Arasy. Adam berjalan menuju ke tapak pembinaan Ka'bah. Bumi dikecilkan oleh Allah Ta'ala dan tempoh perjalanannya menjadi pendek. Setiap tempat yang dipijak oleh Adam akan dijadikan oleh Allah ﷻ sebagai kawasan yang subur dan berpenghuni. Apabila sampai ke Makkah, malaikat Jibrail ﷺ memukul dengan sayapnya di tapak pembinaan Ka'bah dan malaikat membawa batu kepadanya untuk membina Ka'bah. Bahan binaanya terdiri daripada batu yang diambil daripada lima gunung iaitu gunung Lubnan, Tur Zaita, Tur Sina, Juudi dan Hira'. Sementara konkritnya pula dibuat daripada batu pejal hitam. Kata Ibnu Abbas: "Adam adalah merupakan manusia pertama yang mengasaskan Al-Bait (Ka'bah). Baginda menunaikan solat serta bertawaf di situ"[2].

---

[1] Al-Azraqi, Akhbar Makkah 1/34.
[2] Ibid 1/35-36.

Imam Asy-Shafi'ie -*rahimahullah*- meriwayatkan daripada Muhammad bin Ka'ab Al-Qurazi katanya: "Sewaktu Adam ﷺ menunaikan fardhu haji baginda telah berjumpa dengan malaikat. Mereka berkata kepadanya: Sempurnakan haji engkau wahai Adam. Kami telah melakukan haji sebelum daripada engkau semenjak 2000 tahun yang lalu"[1].

Ketiga: Binaan Shith bin Adam.

Binaan ketiga oleh Shith adalah selepas hilangnya kesan binaan Adam ﷺ. Al-Azraqi telah meriwayatkan dari Wahab bin Munabbih bahawa beliau berkata: "Apabila diangkatkan khemah yang diturunkan oleh Allah ﷻ kepada Adam ﷺ daripada perhiasan syurga untuk diletakkan di tapak Baitullah di Makkah selepas wafatnya Adam, anak-anaknya pun membina di tempat itu sebuah rumah daripada tanah dan batu. Mereka dan generasi-generasi seterusnya sentiasa memakmurkan rumah itu sehinggalah ia musnah dalam banjir yang berlaku pada zaman Nabi Nuh ﷺ. Apabila tiba zaman Nabi Ibrahim ﷺ Allah ﷻ telah memerintah baginda supaya membina semula rumah itu"[2].

Perhatian: Tidak terdapat dalil yang sahih tentang tiga peringkat binaan ini. Kata Sheikh Husain Ba Salamah *rahimahullah*: "Telah datang beberapa riwayat daripada sahabat dan tabi'in tentang binaan Malaikat, Adam dan Shith. Semuanya menyebut tentang peristiwa yang berlaku tanpa menyatakan sumber riwayat tersebut sama ada ia

[1] Musnad Imam Asy-Syafi'ie 116.
[2] Al-Azraqi, Akhbar Makkah 1/50.

daripada Nabi ﷺ atau Bani Israel (Ahli Kitab). Oleh itu, ramai ulama' tafsir berpegang dengannya serta mencatatnya dalam kitab tafsir mereka kecuali Al-Hafiz Imaduddin Ibnu Kathir *rahimahullah*. Beliau telah mengkritiknya dan menyatakan bahawa riwayat tersebut sumbernya daripada Bani Israel (*Al-Israiliyyat*)"[1].

Keempat: Binaan Nabi Ibrahim dan Ismail ﷺ.

Binaan Nabi Ibrahim ﷺ bersama anaknya Ismail ﷺ telah diceritakan oleh Allah ﷻ dalam Al-Quran dan terdapat banyak riwayat yang sahih dalam kitab-kitab hadis mengenainya. Di antaranya ialah:

Firman Allah ﷻ:

﴿ وَإِذْ يَرْفَعُ إِبْرَٰهِـۧمُ ٱلْقَوَاعِدَ مِنَ ٱلْبَيْتِ وَإِسْمَـٰعِيلُ رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّآ إِنَّكَ أَنتَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴾ (البقرة: ١٢٧).

Maksudnya: "Dan ingatlah, ketika Nabi Ibrahim meninggikan (membina) asas-asas Baitullah bersama Ismail (seraya berdoa): Wahai Tuhan kami, terimalah daripada kami (amalan kami), sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui"[2].

Firman Allah ﷻ:

﴿ وَإِذْ بَوَّأْنَا لِإِبْرَٰهِيمَ مَكَانَ ٱلْبَيْتِ أَن لَّا تُشْرِكْ بِى شَيْـًٔا وَطَهِّرْ بَيْتِىَ لِلطَّآئِفِينَ وَٱلْقَآئِمِينَ وَٱلرُّكَّعِ ٱلسُّجُودِ ﴾ (الحج: ٢٦).

Maksudnya: "Dan ingatlah, ketika Kami (Allah) menyediakan kepada Ibrahim tempat Baitullah (dengan

---

[1] Tarikh Al-Ka'bah 29-30. Lihat: Tafsir Ibnu Kathir 1/164, Dr. Al-Ghabban: Fadhail Makkah 456.

[2] Surah Al-Baqarah: 127.

mengatakan) janganlah engkau mempersekutukan Aku dengan sesuatu pun dan sucikanlah Rumah-Ku ini untuk orang-orang yang tawaf dan orang-orang yang beribadat dan orang-orang yang ruku' dan sujud"[1].

Zaman Nabi Ibrahim

Pembinaan Ka'bah yang dilakukan oleh Nabi Ibrahim ﷷ dan Ismail ﷷ adalah berdasarkan perintah daripada Allah ﷻ, iaitu selepas beberapa kali Nabi Ibrahim ﷷ datang menziarahi isteri dan anaknya Ismail ﷷ di Makkah. Pada kedatangan kali yang ketiga, baginda telah diperintahkan agar membina Ka'bah. Ketika itu Ismail ﷷ telah berumur dua puluh tahun dan ibunya telah meninggal dunia. Sewaktu Nabi Ibrahim ﷷ tiba anaknya Ismail ﷷ sedang duduk di bawah pokok berdekatan dengan telaga Zamzam sambil mengasah anak panah.

[1] Surah Al-Haj: 26.

Nabi Ibrahim ﷺ memberi salam dan duduk bersamanya. Baginda berkata kepada Ismail: "Wahai Ismail! Sesungguhnya Allah ﷻ telah memerintahkanku supaya membina Ka'bah". Ismail menjawab: "Taatlah perintah Allah itu". Lalu bapanya berkata lagi: "Allah juga memerintahkan agar engkau membantuku dalam pembinaan ini". Ismail bertanya: "Di manakah tempatnya?". Nabi Ibrahim ﷺ menunjukkan tempat yang telah ditunjukkan kepadanya oleh malaikat yang mengiringinya. Selepas itu, mereka mula menggali tapak asas binaan serta berdoa: "Wahai Tuhan kami, terimalah daripada kami (amalan kami), sesungguhnya Engkaulah yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui". (Surah Al-Baqarah: 127)[1].

Maqam Ibrahim.

Nabi Ibrahim ﷺ membina Ka'bah dengan dibantu oleh anaknya Ismail ﷺ yang membawa batu di atas tengkuknya dan menghulurkannya kepada bapanya. Setelah binaan tersebut semakin tinggi, Nabi Ibrahim ﷺ tidak sampai untuk membinanya, lalu Ismail mendekatkan batu kepadanya lantas Nabi Ibrahim berdiri di atas batu tersebut dan meneruskan pembinaannya. Batu itulah yang dikenali dengan *Maqam Ibrahim* yang ada sekarang[2].

Hajar Aswad.

Apabila sampai di tapak Hajar Aswad, Nabi Ibrahim ﷺ meminta agar Ismail ﷺ mengambil seketul batu yang boleh dijadikan sebagai tanda tempat permulaan tawaf. Tiba-tiba datang malaikat Jibrail membawa Hajar Aswad

[1] Lihat: Al-Bukhari No. 3364.
[2] Lihat: Said Bakdas, Fadl Al-Hajaril Aswad wa Maqam Ibrahim 104.

daripada syurga atau dari bukit Abi Qubais. Setelah Ismail datang baginda terkejut dan bertanya: "Dari mana bapa mendapat batu ini?" Jawab Nabi Ibrahim عليه السلام: "Jibrail yang membawanya kepadaku"[1].

Hijr Ismail.

Hijr Ismail ialah sebuah lingkungan yang terletak di utara Ka'bah. Bentuknya adalah separa bulatan. Hijr Ismail dijadikan oleh Nabi Ibrahim عليه السلام sebagai sebuah bangsal tempat berteduh di tepi Ka'bah dan ianya menjadi kandang kambing kepunyaan Ismail عليه السلام.

Riwayat ini menunujukkan bahawa Hijr tersebut tidak termasuk dalam binaan Ka'bah, sebaliknya ia merupakan kandang yang terletak di luar daripadanya. Namun begitu, semasa kaum Quraisy membina Ka'bah, mereka telah mengecilkannya di bahagian utara kerana kekurangan belanja. Mereka mengurangkan sebanyak enam hasta sejengkal menurut riwayat yang sahih dan memasukkannya ke dalam Hijr Ismail.

Abdullah bin Az-Zubair pada zaman pemerintahannya telah memasukkan kesemuanya ke dalam binaan Ka'bah. Walaubagaimana pun apabila Hajjaj memerintah beliau telah membinanya semula menurut binaan Quraisy dan demikianlah keadaannya hingga sekarang[2].

Oleh yang demikian, tidak sah tawaf di dalam Hijr kerana ianya termasuk dalam Ka'bah dan sesiapa yang ingin bersolat di dalam Ka'bah, dia boleh melakukannya solat di dalam Hijr kerana sebahagian daripadanya adalah Ka'bah.

---

[1] Lihat: Akhbar Makkah 57-59, Tarikh Al-Ka'bah 31-37
[2] Lihat: Tarikh Al-Ka'bah 162.

Kata Sayyidatina 'Aishah ؓ: "Suatu hari, saya ingin memasuki Ka'bah untuk bersolat di dalamnya. Rasulullah ﷺ pun memegang tangan saya lalu membawa saya masuk ke dalam Hijr dan bersabda (maksudnya): "Solatlah dalam Hijr ini kalau kamu mahu masuk ke dalam Ka'bah kerana ianya adalah sebahagian daripada Ka'bah, tetapi kaummu (Quraisy) kekurangan belanja ketika membinanya maka mereka pun mengeluarkannya daripada binaan Ka'bah"[1].

Berkata Abdullah bin Abbas ؓ: "Bersolatlah di tempat solat orang yang terpilih dan minumlah minuman orang yang baik". Orang ramai bertanya Ibnu Abbas: Dimanakah tempat solat itu? Jawabnya: "Di bawah *Mizab* (saluran emas)". Dan apakah minuman itu? Jawabnya: "Air Zamzam"[2].

Ukuran binaan Nabi Ibrahim dan anaknya Ismail ؑ adalah seperti berikut: Tingginya ialah sembilan hasta, panjang bahagian pintunya tiga puluh dua hasta, panjang bahagian belakangnya (Rukun Iraqi) ialah tiga puluh satu hasta, panjang bahagian saluran emas ialah dua puluh dua hasta dan panjang Rukun Yamani ialah dua puluh hasta. Tapaknya terletak di atas bumi dan ia tidak berpintu, wallahu a'lam[3].

Setelah selesai membina Ka'bah, malaikat Jibrail ؑ memperlihatkan Nabi Ibrahim ؑ tempat *manasik* (ibadat haji). Kemudian, Allah ﷻ memerintahkan agar Nabi Ibrahim ؑ menyeru manusia supaya datang mengerjakan haji. Nabi Ibrahim menjawab: "Suaraku tidak sampai

---

[1] Hadis riwayat At-Tirmizi No. 876. (Sahih). Lihat: Sahih At-Tirmizi 1/261 No. 693.

[2] Athar ini diriwayat oleh Al-Azraqi, Akhbar Makkah 1/316, sanadnya 'Hasan'. Lihat: Al-Ghabban, Fadhail Makkah 743.

[3] Lihat: Tarikh Al-Ka'bah 41-42.

kepada mereka". Allah ﷻ berfirman: "Tugas engkau ialah menyeru dan Kami akan menyampaikannya". Maka Nabi Ibrahim pun naik ke atas Maqam dan menyeru: "Wahai manusia, Allah ﷻ telah memfardhukan ke atas kamu ibadat haji". Maka semua yang berada dalam sulbi lelaki dan rahim perempuan mendengarnya dan semua yang beriman serta mereka yang telah ditentukan oleh Allah ﷻ untuk mengerjakan haji menjawab: "*Labbaikallahumma Labbaik*"[1].

Kelima: Al-Amaliq.

Amaliq adalah satu suku kaum yang berasal dari Yaman. Setelah mereka mengetahui bahawa terdapat sumber air di Makkah dan kabilah Jurhum telah berpindah ke Makkah, mereka turut berpindah ke Makkah dan tinggal di Jiyad iaitu kawasan bahagian bawah Makkah (Al-Masfalah). Setiap pedagang yang datang dari Yaman yang memasuki kawasan ini akan dikenakan cukai 10 peratus. Ketua kabilah ini bernama As-Sumaida' bin Hud bin Hadr bin Mazin. Kabilah ini sentiasa berperang dengan kabilah Jurhum. Setelah mereka mendapat kemenangan, hak menjaga Ka'bah telah jatuh ke tangan mereka.

Sewaktu penjagaan mereka, telah berlaku kerosakan pada Ka'bah yang dibina oleh Nabi Ibrahim عليه السلام, lalu mereka membaikinya mengikut binaan Nabi Ibrahim عليه السلام tanpa sebarang tambahan[2].

---

[1] Lihat: Al-Bukhari No. 3364, 3365, Fathul Bari 6/456-468, Tarikh Al-Ka'bah 31-44.

[2] Lihat: Sheikh Abdur Rahim Al-Kalantani: Lunas Perceritaan 23, Tarikh Al-Ka'bah 44.

Keenam: Jurhum.

Jurhum ialah kabilah yang pertama datang menumpang air Zamzam Siti Hajar. Mereka berkampung di bukit Qu‘aiqi‘an, iaitu bukit yang bertentangan dengan bukit Abi Qubais atau Istana As-Safa. Mereka menguasai kawasan atas Makkah (Al-Ma’la). Setiap pedagang yang memasuki kawasan mereka akan dikenakan cukai 10 peratus. Kabilah ini diketuai oleh Al-Harith bin Mudhad. Beliau ialah orang pertama dari suku ini yang menjaga Ka’bah setelah menewaskan kabilah Amaliq. Pemerintahan mereka berterusan selama 300 tahun.

Semasa pemerintahan mereka, telah berlaku kejadian banjir di Makkah. Air memasuki kawasan Ka’bah dari sebelah atas sehingga meruntuhkan setengah binaan Ka’bah. Kemudian, Jurhum membinanya semula berdasarkan asas binaan Nabi Ibrahim عليه السلام, tetapi mereka meninggikan sedikit binaannya dan menjadikan pintunya berdaun dua serta dikunci.

Lama kelamaan, kabilah Jurhum tidak lagi mengambil berat tentang kesucian Ka’bah, sehingga berlaku beberapa kejadian maksiat yang tidak pernah terjadi sebelumnya.

Antaranya ialah perbuatan zina di antara Asaf dan Nailah di dalam Ka’bah. Allah ﷻ telah menukarkan kedua-duanya kepada batu sebagai pengajaran dan peringatan kepada manusia. Kemudian kedua-duanya dikeluarkan dari Ka’bah dan Asaf diletakkan di atas bukit Safa manakala Nailah di atas Marwah. Kemudian, kabilah Jurhum telah bertawaf di antara kedua-duanya. Di antara kejadian yang tidak baik ialah percubaan untuk mencuri

harta yang dihadiahkan kepada Ka'bah dan pelbagai kejahatan lain lagi[1].

Ketujuh: Qusai Datuk Nabi.

Selepas Jurhum, Makkah dikuasai pula oleh kabilah Khuza'ah. Kemudian Makkah diperintah oleh datuk Nabi ﷺ iaitu Qusai bin Kilab. Pada masa pemerintahannya, beliau telah mengumpul harta yang halal dan meruntuhkan Ka'bah untuk dibina semula dengan satu binaan baru yang tidak pernah dibuat oleh orang-orang sebelumnya. Tinggi binaannya berukuran 25 hasta dan ia mempunyai atap daripada batang kayu *'Dum'* (seperti batang nibung dan besar seperti batang kelapa) yang kukuh dan pelepah tamar. Asasnya masih seperti binaan Nabi Ibrahim عليه السلام.

Semasa pembinaan ini, Hajar Aswad telah hilang dan tidak ada sesiapa yang mengetahui tempat ianya berada. Setelah disiasat, Qusai diberitahu bahawa kabilah Iyad semasa dihalau keluar dari Makkah oleh anak-anak Mudhar bin Nizar telah mengambilnya dan menanamnya di salah sebuah bukit di Makkah. Peristiwa ini disaksikan oleh seorang perempuan. Qusai lalu pergi berjumpa dengan perempuan tersebut dan merayu agar beliau menunjukkan tempat tersebut. Akhirnya Hajar Aswad ditemui kembali lalu disimpan oleh Qusai selama turun temurun sehinggalah ke zaman Quraisy[2].

Kata Imam Al-Mawardi *rahimahullah*: "Qusai bin Kilab ialah orang pertama dari kalangan Quraisy yang

---

[1] Lihat: Lunas Perceritaan 24-25, Tarikh Al-Ka'bah 45-46.

[2] Lihat: Al-Azraqi: Tarikh Makkah, Lunas Perceritaan 26-28, Tarikh Al-Ka'bah 47-48.

membina Ka'bah selepas Nabi Ibrahim ﷺ dan beliau juga merupakan orang yang pertama membina atap Ka'bah"[1].

Perhatian: Berkata sesetengah ulama': Selepas daripada binaan Qusai inilah, Abdul Muttalib membina pula yang Ka'bah iaitu sebelum pembinaan oleh Quraisy. Sekiranya maklumat ini benar, Abdul Muttalib bolehlah dianggap sekadar membaiki kerosakan yang berlaku pada binaan Qusai, wallahu a'lam[2].

Zaman Qusai

Kelapan: Binaan Quraisy pada tahun 591M.

Ka'bah yang dibina, sekali lagi menghadapi kerosakan. Sebagaimana yang diceritakan, seorang perempuan telah menyalakan api untuk membakar

[1] Lihat: Al-Mawardi: Al-Ahkam As-Sultaniyyah 205.
[2] Lihat: Tarikh Al-Ka'bah 49.

kemenyan bagi mewangikan Ka'bah. Tiba-tiba bara api yang dibakarnya telah tercampak atau terpercik mengenai kelambu Ka'bah dan menyebabkan berlakunya kebakaran ke atas Ka'bah yang menyebabkan binaannya menjadi tidak kuat lagi. Selepas itu, berlaku pula banjir yang melanda Ka'bah yang menyebabkan berlaku keruntuhan pada sebahagian Ka'bah.

Selepas berlakunya peristiwa itu, para pemimpin Quraisy telah bermesyuarat untuk membina semula Ka'bah yang telah runtuh sebahagiannya. Kebetulan pada masa yang sama, sebuah kapal dagang kepunyaan saudagar Rom telah pecah di lautan Jeddah. Bersama mereka ada seorang tukang kayu yang mahir bernama Yaqum. Quraisy telah membeli kayu dari kapal tersebut untuk dijadikan binaan atap dan tiang Ka'bah.

Pihak Quraisy telah berazam untuk meruntuhkan semua binaan yang tinggal dan membinanya semula dengan asas yang baru kerana asas yang dibina oleh Nabi Ibrahim عليه السلام telah terlalu lama.

Menurut As-Sinjari jarak antara binaan Nabi Ibrahim عليه السلام dengan binaan Quraisy ialah 2645 tahun[1].

Di dalam Ka'bah, terdapat sebuah telaga yang di dalamnya tersimpan harta-harta yang dihadiahkan kepada Ka'bah. Dalam telaga itu, ada seekor ular berbisa yang berwarna hitam di atas belakangnya, putih di bawah perutnya dan memiliki kepala pula seperti kepala kambing. Ular ini telah berada di situ selama lima ratus tahun iaitu sejak zaman Jurhum lagi. Ular tersebut bertindak sebagai pengawal harta Ka'bah kerana banyak berlaku kecurian ke atas harta Ka'bah pada waktu itu.

---

[1] Lihat: As-Sinjari, Manaih Al-Kiram 4/95.

Ketika kaum Quraisy berada dalam ketakutan untuk meruntuhkan Ka'bah, ular itu sentiasa keluar menzahirkan dirinya. Oleh itu mereka pun berkumpul di Maqam Ibrahim dan salah seorang pemimpin Quraisy yang bernama Al-Walid bin Al-Mughirah telah menyampaikan khutbah kepada kaumnya.

"Bukankah kamu semua mahukan kebaikan untuk membina Ka'bah?".

Mereka menjawab: Ya!.

Kata Al-Walid: "Allah tidak akan membinasakan orang yang ingin melakukan kebaikan. Tetapi ingatlah, jangan sekali-kali kamu memasukkan perbelanjaan untuk membina rumah Tuhan kamu ini kecuali harta yang baik hasil dari usaha kamu. Jangan kamu masukkan harta riba, judi, pelacuran dan semua yang tidak baik dari harta kamu kerana sesungguhnya Allah ﷻ tidak menerima kecuali harta yang baik"[1].

Kemudian mereka pun berdoa: "Wahai Tuhan, sekiranya apa yang kami lakukan ini mendapat keredhaan engkau maka jauhkanlah ular ini dari kami". Selepas itu datang seekor burung dari langit menuju ke arah ular yang sedang berada di atas dinding Ka'bah dan menyambar kepalanya serta mencampaknya ke arah kawasan Jiyad.

Namun, perasaan takut akan dimurka dan ditimpa azab oleh Allah ﷻ masih menebal dalam diri mereka sehingga Al-Walid sekali lagi berkata: "Aku akan mula meruntuhkannya. Aku telah tua. Sekiranya aku mati maka ianya disebabkan ajal yang sudah tiba". Beliau pun

---

[1] **Perhatian:** Sesungguhnya orang-orang jahiliyah menghormati Ka'bah dengan membinanya menggunakan harta yang baik, apatah lagi sebagai umat Islam yang ingin membina masjid atau surau, hendaklah menderma dengan harta yang halal dan bersih.

mengambil pemukul dan mula meruntuhkannya. Tetapi dengan tiba-tiba batu di bawah kakinya bergerak. Lantas beliau pun berdoa: "Wahai Tuhan, janganlah engkau menakuti kami, sesungguhnya kami ingin membaikinya dan kami tidak melakukannya kecuali untuk kebaikan". Kemudian beliau terus meruntuhkan Ka'bah di bahagian dua rukun pada hari itu.

Manakala orang lain hanya memerhatikan sahaja dan tidak menyertainya, bahkan mereka terus menunggu apakah akibat yang akan menimpa ke atas Al-Walid pada hari itu. Setelah tidak ada apa-apa yang berlaku, pada keesokan harinya ramailah yang bersama-sama meruntuhkan binaan Ka'bah yang masih tinggal, sehingga sampai kepada asas yang dibina oleh Nabi Ibrahim عليه السلام yang berupa sebuah batu besar yang berwarna hijau yang berbentuk bonggol-bonggol unta. Untuk mengangkat seketul batu tersebut, memerlukan 30 orang lelaki. Al-Walid pun memasukkan cangkulnya di celah dua batu dan menggoncangkannya hingga tercabut seketul batu dan dengan pantas Abu Wahab Al-Makhzumi cuba mengambilnya tetapi batu itu terlepas dari tangannya dan terus kembali ketempat asalnya. Tiba-tiba sebuah cahaya seperti kilat terpancar dari bawah batu tersebut dan bumi Makkah terus bergocang. Mereka serta merta berhenti memecahkan batu tersebut dan menjenguk ke bawahnya, mereka dapati asas Ka'bah di situ.

Setelah itu, mereka pun mengumpulkan bahan binaan asal dan mengeluarkan harta yang mereka kumpul untuk membina Ka'bah tetapi ianya tidak mencukupi untuk membiayai pembinaannya mengikut binaan asal. Oleh itu mereka pun berbincang dan membuat keputusan akan membina mengikut kadar perbelanjaan yang mereka

mampu dengan mengecilkan binaan asal Ka'bah sepanjang enam hasta sejengkal (3 meter) di bahagian Hijr Ismail. Ia ditanda dengan likungan separa bulatan supaya orang ramai melakukan tawaf di bahagian belakangnya sahaja. Tempat ini dikenali dengan nama 'Hijr Ismail' atau 'Hatim' dan mereka menambah ketinggiannya sebanyak sembilan hasta menjadi 18 hasta, dan membina atap dengan enam batang tiang. Pintunya pula dijadikan satu sahaja dan diangkat untuk menahan dari dimasuki air ketika banjir dan untuk mengawalnya dari dimasuki oleh orang-orang yang mereka tidak sukai.

Semasa pembinaan ini, Rasulullah ﷺ menyertainya dengan mengangkat batu bata untuk binaan Ka'bah. Pada waktu itu, Rasulullah ﷺ berumur 35 tahun. Setiap kabilah diberikan satu bahagian daripada penjuru Ka'bah. Apabila tiba masa untuk meletakkan Hajar Aswad, mereka mula berbantah. Setiap kabilah mendakwa mereka lebih berhak meletakkannya sehingga sebahagiannya bersumpah untuk berperang sekiranya mereka tidak dapat meletakkannya. Bani 'Abd Ad-Dar telah membawa satu bekas darah dan mereka bersumpah bersama Bani 'Adi akan mempertahankannya sehingga mati. Darah ini dinamakan *'La'aqah Ad-Dam'*. Puak Quraisy menangguhkan pembinaan selama empat atau lima hari. Kemudian, mereka berkumpul di Masjid dan bermesyuarat. Orang yang paling tua di kalangan Quraisy iaitu Abu Umayyah Huzaifah bin Al-Mughirah Al-Makhzumi telah berkata: "Orang yang akan memutuskan perkara ini ialah orang yang pertama memasuki masjid dari pintu Bani Syaibah. (Pintu ini merupakan salah satu pintu Masjidil Haram di kawasan rumah orang Quraisy. Ia terletak di belakang Maqam Ibrahim. Untuk memperingatinya pintu no. 26 di

sebelah tempat sa'ie dinamakan dengan Bab Bani Syaibah). Mereka pun bersetuju di atas perkara tersebut. Orang yang pertama memasuki pintu tersebut ialah Rasulullah ﷺ. Setelah melihatnya mereka pun bersetuju untuk menjadikannya hakim dan mereka memberitahu masalah tersebut kepada Rasulullah ﷺ yang pada ketika itu berumur 35 tahun dan terkenal dengan gelaran '*Al-Amin*'.

Setelah itu, Rasulullah ﷺ mengambil sehelai kain dan diletakkan Hajar Aswad di atasnya. Kemudian Rasulullah ﷺ mengarahkan setiap kabilah menghantar seorang wakil untuk mengangkatnya hingga ke tempatnya. Lalu Rasulullah ﷺ mengambilnya dengan tangannya yang mulia dan meletakkan Hajar Aswad di tempatnya[1].

Dalam Ar-Rahiq Al-Makhtum[2] disebutkan: "Ka'bah yang dibina oleh Quraisy adalah berbentuk empat persegi, tingginya 15 meter, lebar di bahagian Hajar Aswad dan yang bertentangan dengannya 10 meter. Hajar Aswad tingginya dari lantai 1.50 meter, bahagian pintu dan yang bertentangan dengannya 12 meter. Tinggi pintunya dari lantai 2 meter, dilingkungi tapak bawahnya dengan binaan batu setinggi 0.25 meter dan lebarnya 0.30 meter dan dinamakan dengan *Shazarwan,* ianya dari tapak asal (binaan Nabi Ibrahim) tetapi Quraisy mengeluarkannya kerana kekurangan nafkah".

---

[1] Lihat: Tarikh Al-Ka'bah 50-66, Lunas Perceritaan 28-37.
[2] Al-Mubarakfuri: Ar-Rahiq Al-Makhtum 72.

Kesembilan: Binaan Abdullah bin Az-Zubair ﷺ.

Pada tahun 64 Hijrah bersamaan dengan tahun 683 Masihi.

Daripada 'Aishah ﷺ katanya: "Nabi ﷺ telah bersabda kepadanya:

((يا عائشة، لولا أن قومك حديث عهد بجاهلية؛ لأمرت بالبيت فهدم فأدخلت فيه ما أخرج منه، وألزقته بالأرض، وجعلت له بابين، باباً شرقياً وباباً غربياً، فبلغت به أساس إبراهيم)).

Maksudnya "Wahai 'Aishah! Kalaulah bukan kerana kaummu (Quraisy) yang masih baru meninggalkan suasana jahiliyyah (kufur) nescaya aku akan mengarahkan supaya diruntuhkan Ka'bah dan dibina semula dengan memasukkan bahagian yang telah dikeluarkan oleh Quraisy dan merendahkan binaan (pintunya) di atas tanah, mengadakan baginya dua pintu, satu di bahagian timur dan satu lagi di bahagian barat, binaannya menurut asas yang dibina oleh Nabi Ibrahim ﷺ".

Kata Al-Bukhari: "Bersandarkan kepada hadis ini Ibnu Az-Zubair ﷺ meruntuhkan Ka'bah dan membinanya semula menurut apa yang dicita-citakan oleh Rasulullah ﷺ"[1].

Setelah berlaku kepungan terhadap Abdullah bin Az-Zubair serta pengikutnya di Makkah, mereka telah berselindung di dalam Masjidil Haram. Tentera yang datang dari Syam di bawah pimpinan Al-Husain bin Numair telah menyerang mereka. Akibat daripada beberapa serangan tersebut, kebakaran telah berlaku lalu terkena Ka'bah.

---

[1] Al-Bukhari No. 1586.

Terdapat pula riwayat yang mengatakan bahawa kebakaran itu berpunca daripada api yang dinyalakan oleh salah seorang dari kalangan mereka yang sedang berlindung di dalam Masjidil Haram, wallahu a'lam.

Setelah Ibnu Az-Zubair ﷺ bermesyuarat dengan beberapa orang sahabat tentang Ka'bah, Abdullah bin Abbas ﷺ mencadangkan agar dibaiki bahagian-bahagian yang rosak sahaja dan setelah beberapa hari selepas kejadian itu Ibnu Az-Zubair memutuskan untuk membina semula Ka'bah berdasarkan hadis 'Aishah. Lalu Ka'bah diruntuhkan dan beliau membinanya semula mengikut binaan Nabi Ibrahim ﷺ[1].

Kesepuluh: Binaan Al-Hajjaj, tahun 74H / 693M.

Apabila Hajjaj bin Yusuf As-Thaqafi serta tenteranya mengakhiri kepungan terhadap Abdullah bin Az-Zubair ﷺ dan membunuhnya, beliau mengutus surat kepada khalifah Abdul Malik bin Marwan memberitahunya bahawa Ibnu Az-Zubair telah menambah binaan Ka'bah dengan memasukkan Hijr Ismail ke dalam binaan Ka'bah dan mengadakan pintu kedua. Seterusnya Hajjaj meminta izin daripada khalifah untuk mengembalikan Ka'bah kepada binaan asal yang dibuat oleh Quraisy. Setelah mendengarnya, khalifah memberi persetujuan dengan cadangan tersebut, kerana pada sangkaannya Ibnu Az-Zubair telah menambahnya mengikut kemahuannya. Maka ditutupnya pintu kedua sebelah barat, diangkat pintu sebelah timur dan dikembalikan kedudukan Hijr Ismail.

---

[1] Lihat: Sahih Muslim No. 1333, Tarikh Al-Ka'bah 68, At-Tarikh Al-Qawim 3/79.

Selepas itu, Abdul Malik bin Marwan bertemu dengan Al-Harith bin Abdullah, lantas beliau memberitahu khalifah bahawa apa yang dibuat oleh Ibnu Az-Zubair ialah berdasarkan hadis yang didengarnya daripada ibu saudaranya Siti 'Aishah ﷺ. Setelah mendengarnya, khalifah terdiam sejenak dan berkata: Kalaulah saya tahu hadis ini sebelum membina semula Ka'bah sudah tentu saya tidak akan mengubahnya[1].

Perhatian:

Sewaktu pemerintahan Khalifah Harun Ar-Rashid, baginda telah bertanya kepada Imam Malik *rahimahullah* tentang hasratnya untuk mengembalikan binaan Ka'bah mengikut binaan Ibnu Az-Zubair ﷺ kerana binaan tersebut bertepatan dengan hasrat Rasulullah ﷺ. Jawab Imam Malik: "Saya berseru kepada Tuan Amirul Mukminin kerana Allah, jangan Tuan jadikan Baitullah ini sebagai permainan pemerintah. Setiap orang akan meruntuh dan membina mengikut kehendaknya, dengan itu akan hilang kehebatannya dari hati-hati orang mukmin, wabillahi at-taufiq"[2].

Kesebelas: Sultan Murad Khan 4, tahun 1040H. bersamaan 1630M.

Selepas binaan Hajjaj, Ka'bah kekal dengan binaannya hinggalah zaman pemerintahan Sultan Murad 4, iaitu pada 19 Sya'ban tahun 1039H, apabila berlaku banjir besar yang melanda Makkah dan menyebabkan runtuhnya dinding Ka'bah.

---

[1] Lihat: Sahih Muslim No. 1333, Tarikh Al-Ka'bah 86-92, At-Tarikh Al-Qawim 3/116.

[2] Lihat: Imam An-Nawawi, Syarah Sahih Muslim 9/89.

Oleh kerana itu, Sultan Murad telah memerintahkan agar dibina kembali Ka'bah mengikut binaan asal yang dibuat pada zaman Hajjaj. Kerja-kerja pembinaannya siap pada bulan Ramadhan tahun 1040H[1].

Ka'bah Menerusi Sejarah

Kedua belas: Arab Saudi.

Ka'bah dan Masjidil Haram kekal berada di dalam keadaan tersebut lebih kurang 400 tahun lamanya sehinggalah zaman pemerintahan Almarhum Sultan Abdul

[1] Lihat: Tarikh Al-Ka'bah 92, At-Tarikh Al-Qawim 3/126.

Aziz. Beliau telah melancarkan projek pembesaran dan pembinaan semula Masjidil Haram dan Ka'bah yang bermula pada tahun 1375H dan disambung pula dengan projek perluasan tempat tawaf dan sistem pengaliran air Masjidil Haram pada 1398H. Kemudian diikuti oleh projek-projek pembaikan berikut:

Pertama: Pada 18 Rajab 1377H bersamaan 1957M. pada zaman pemerintahan Raja Sa'ud bin Abdul Aziz, telah berlaku keretakan pada dinding Ka'bah dan beberapa kerosakan di bahagian atap Ka'bah. Raja Sa'ud telah memerintahkan agar memperbaikinya[1].

Kedua: Pada tahun 1417H bersamaan 1996M, iaitu zaman pemerintahan *Khadimul Haramain* Raja Fahd bin Abdul Aziz. Ka'bah sekali lagi mengalami kerosakan kesan daripada keadaan binaannya yang terlalu lama yang dibuat oleh Sultan Murad. Oleh kerana itu *Khadimul Haramain* telah mengarahkan agar memperbaharui binaan Ka'bah sepenuhnya[2].

Ukuran Ka'bah.

Tinggi: 14 meter. Panjang di sudut *Multazam* (Hajar Aswad-Rukun Iraqi): 12.84 meter. Panjang di sudut *Hijr Ismail* (Rukun Iraqi-Rukun Syami): 11.28 meter. Panjang di antara Rukun Syami dan Rukun Yamani: 12.11 meter. Di antara Rukun Yamani dan Hajar Aswad: 11.52 meter[3].

---

[1] Lihat: At-Tarikh Al-Qawim 3/383, Majalah Amar bil. 3 tahun 1988 ms 54.

[2] Majalah Amar bil. 3 tahun 1988 57, M. Ilyas, Tarikh Makkah 42.

[3] M. Ilyas, Tarikh Makkah 42.

Pintu Ka'bah

Pintu Ka'bah.

Kedudukan pintu Ka'bah sentiasa berubah dari semasa ke semasa. Pada zaman Nabi Ibrahim ﷺ baginda telah membuat dua pintu Ka'bah. Pintu tersebut terletak rapat di atas tanah. Satu digunakan untuk masuk dan satu lagi untuk keluar. Pintu masuk dari arah timur dan pintu keluar dari arah barat. Dua pintu ini berupa lubang masuk tanpa daun pintu. Kemudian Raja Tubba' 3 yang bernama As'ad telah memasang pintu yang berdaun dua pada Ka'bah. Setelah Quraisy membina Ka'bah mereka telah mengangkatnya dari aras tanah dan menutup pintu sebelah barat.

Pintu yang ada hari ini terletak dua meter tinggi dari aras tanah, disaluti emas dan perak. Dibuat pada tahun 1399H. Menelan belanja sebanyak 13,420,000 Riyal Saudi dan emas sebanyak 280kg.

Pintunya akan dibuka untuk membasuh bahagian dalam Ka'bah. Satu tangga khas akan dibawa untuk menaikinya. Bahagian dalamnya akan dibasuh dengan air Zamzam oleh Khadimul Haramain atau wakilnya dan lain-lain orang kenamaan. Dindingnya akan dibasuh dengan penyapu khas yang dibuat daripada daun tamar, kemudian akan direnjis dengan wangi-wangian[1]. Begitu juga pintu ini akan dibuka jika ada tetamu negara yang ingin memasuki Ka'bah.

Tiang-tiang dalam ka'bah

[1] Lihat: At-Tarikh Al-Qawim 2/172, M. Ilyas, Tarikh Makkah 56.

Tiang Ka'bah.

Sewaktu Quraisy membina Ka'bah, mereka telah menutupnya dengan atap, disokong dengan enam batang tiang dalam dua baris, setiap baris mempunyai tiga batang tiang.

Selepas itu sewaktu pembinaan Ibnu Az-Zubair, beliau telah menjadikan tiga batang tiang daripada kayu untuk menongkat atapnya. Jarak di antara satu tiang dengan yang lainnya ialah 2.35 meter. Di sebelah kanan pintu pula disediakan tangga untuk naik ke *sutuh* (atap) Ka'bah[1].

Al-Hatim (الحطيم).

Ulama' berselisih pendapat dalam menentukan kedudukan Al-Hatim.

Pertama: Tempatnya ialah di antara Hajar Aswad, Hijr Ismail, Telaga Zamzam dan Maqam Ibrahim.

Kata Ibnu Juraij: "Sebab dinamakan Al-Hatim (pecah, rosak) kerana orang-orang jahiliyyah bersumpah di tempat itu dan diperkenankan doa orang yang dizalimi. Ramai orang-orang yang dizalimi berdoa di tempat tersebut dan didapati si zalim akan binasa. Demikian juga orang yang bersumpah dusta akan ditimpa bencana. Oleh kerana itu ianya menjadi penghalang kepada berlakunya kezaliman dan juga sumpah dusta hinggalah datang Islam"[2].

Dinamakan sedemikian juga kerana orang bersesak-sesak berdoa di tempat ini.

Kedua: Al-Hatim ialah Hijr Ismail.

---

[1] Lihat: Tarikh Al-Ka'bah 142, At-Tarikh Al-Qawim 3/148, M. Ilyas, Tarikh Makkah 53.

[2] Al-Azraqi, Akhbar Makkah 2/25.

Pendapat ini diriwayatkan daripada Ibnu Abbas ﷺ. Sebab dinamakan Al-Hatim ialah kerana tempat ini diruntuhkan daripada Ka'bah. Ka'bah telah dibina tinggi oleh orang Quraisy dan Hijr Ismail dikeluarkan darinya. Dinamakan sedemikian juga kerana orang Arab meninggalkan pakaian mereka di tempat ini sewaktu mereka hendak melakukan tawaf dan ia dibiarkan hingga rosak.

Ketiga: Dinding yang melingkungi Hijr.

Keempat: Al-Hatim ialah Al-Multazam.

Kelima: Di bawah *Mizab* (saluran emas).

Keenam: Syazarwan.

Pendapat pertama dan kedua adalah yang masyhur di kalangan ulama'[1]. Wallahu a'lam.

Al-Multazam (الملتزم).

- Tempatnya ialah di antara Hajar Aswad dan pintu Ka'bah. Jaraknya ialah 2 meter[2].

Kata Sayyidina Abdullah bin Abbas ﷺ: "Al-Multazam terletak di antara Rukun Hajar Aswad dan pintu Ka'bah"[3].

Multazam ialah salah satu tempat yang diperkenankan doa dan disunatkan berdoa serta diletakkan pipi, dada dan lengan serta dua tapak tangan di Multazam.

Seorang sahabat Nabi ﷺ, Abdullah bin 'Amr ﷺ melakukan tawaf di Ka'bah kemudian beliau melakukan

---

[1] Lihat: Al-Fasi, Syifa' Al-Gharam 1/197, Tarikh Al-Ka'bah 164-165, At-Tarikh Al-Qawim 3/448, Al-Ghabban, Fadhail Makkah 745.

[2] Lihat: At-Tarikh Al-Qawim 3/433.

[3] Diriwayat oleh Abdurrazzaq, Al-Musannaf 5/73 No. 9147, sanadnya sahih. Lihat: As-Silsilah As-Sahihah No. 2137.

solat dan selepas itu mengucup Hajar Aswad. Kemudian beliau berdiri di antara Rukun Hajar Aswad dan pintu, dengan meletakkan dada, muka, dua lengan serta dua tapak tangannya di Ka'bah. Beliau berkata: "Demikianlah aku melihat Rasulullah ﷺ melakukannya"[1].

Mizab

Mizab (ميزاب).

Ia merupakan saluran untuk air keluar daripada bumbung Ka'bah. Mizab pertama kali dibina oleh Quraisy sewaktu membina atap Ka'bah. Mizab ini disalut dengan emas. Sebagaimana yang disebut, tempat ini juga merupakan tempat mustajab doa, wallahu a'lam[2].

---

[1] Al-Fakihi, Akhbar Makkah 1/161. Lihat: Al-Albani, Sahih Al-Jami' No. 4888, As-Silsilah As-Sahihah No. 2138.

[2] Lihat: At-Tarikh Al-Qawim 3/40, M. Ilyas, Tarikh Makkah 49.

Di lukis Oleh Muhammad Tahir Al-Kurdi Tahun 1368H

Syazarwan (شاذروان).

Lafaz ini berasal daripada Bahasa Parsi, yang bererti binaan yang melingkungi mata air.

Yang dimaksudkan di sini ialah binaan yang berbentuk melengkung di bahagian bawah dinding Ka'bah sampai ke lantai. Binaan ini dibuat di tiga penjuru Ka'bah, tidak termasuk penjuru Hijr Ismail kerana ianya merupakan binaan asal daripada Ka'bah. Tingginya daripada lantai lebih kurang 13 sentimeter, lebarnya pula 45 sentimeter.

Syazarwan berasal daripada dinding Ka'bah ketika ianya dibina menurut binaan Nabi Ibrahim عليه السلام. Apabila Quraisy kekurangan belanja mereka telah mengurangkan keluasan asas dinding Ka'bah bermula dari tapaknya di atas tanah.

Ada pendapat lain mengatakan bahawa Abdullah bin Az-Zubair ﷺ membinanya untuk melindungi dinding Ka'bah daripada diresapi air ke dalamnya, untuk mengikat kelambu Ka'bah (kiswah) padanya serta untuk menjauhkan orang yang tawaf daripada menyentuh kiswah dan dinding Ka'bah[1].

Ulama' telah berselisih pendapat *(khilaf)* iaitu adakah Syazarwan termasuk dalam binaan Ka'bah atau tidak? Jika ianya dianggap sebagai sebahagian daripada binaan Ka'bah, maka tawaf yang dilakukan di atasnya adalah tidak sah. Demikian juga jika meletakkan tangan atau kaki di atasnya sewaktu melakukan tawaf, maka tawafnya tidak sah.

Para ulama' daripada mazhab Syafi'ie, Maliki dan Hanbali *-rahimahumullah-* mengatakan bahawa Syazarwan termasuk dalam binaan Ka'bah, maka tidak boleh meletakkan tangan atau memijaknya ketika melakukan tawaf. Sesiapa yang melakukannya maka tawafnya adalah tidak sah[2].

Manakala ulama' daripada mazhab Hanafi mengatakan bahawa Syazarwan tidak termasuk dalam binaan Ka'bah, namun melakukan tawaf di luar daripadanya adalah lebih baik untuk mengelakkan daripada *khilaf* ulama'[3].

---

[1] Lihat: Tarikh Al-Ka'bah 143, At-Tarikh Al-Qawim 3/288, M. Ilyas, Tarikh Makkah 51.

[2] Lihat: An-Nawawi, Al-Majmu' 8/32, Ad-Dusuqi, Al-Hasyiah 2/31, Ibnu Qudamah, Al-Mughni 5/231.

[3] Lihat: Ibnu 'Abidin, Al-Hasyiah 2/546.

Pendapat kedua ini dipersetujui oleh Sheikh 'Izzuddin Ibnu Jama'ah daripada ulama' Asy-Syafi'iyyah dan Sheikh Ibnu Taimiah[1]. Wallahu a'lam

Kiswah (Kelambu Ka'bah) (الكسوة).

Kiswah ialah kain hitam atau kelambu yang menutupi empat dinding Ka'bah. Telah diriwayatkan bahawa orang yang pertama membuat kiswah ialah Nabi Ismail ﷺ. Ada yang mengatakan bahawa Tubba' Al-Himyari, iaitu raja Yaman yang bernama As'ad, pada seribu tahun sebelum kebangkitan Nabi Muhammad ﷺ menjadi rasul.

Kemudian amalan menutup Ka'bah dengan kiswah berterusan hingga sampai kepada zaman Islam, ketika zaman Rasulullah ﷺ serta khalifah selepasnya dan sampai kepada zaman kita pada masa ini[2].

Sebelum ini, kelambu Ka'bah diperbuat di pelbagai tempat seperti di Mesir, Yaman dan tempat-tempat lain mengikut masa dan sejarah pada waktu itu.

Pada masa sekarang, kiswah ini dibuat di sebuah kilang khas di Makkah. Ianya mula dibuat di kilang ini pada tahun 1346H sehingga 1357H. Kemudian ianya terhenti seketika dan kelambu Ka'bah dibuat di Mesir. Pada tahun 1382H ianya dibuka kembali sehingga terbinanya kilang baru pada hari Sabtu 7 R/Awwal 1397H bersamaan dengan 26/3/1977M di tempatnya hari ini iaitu di *Ummul Jud.*

---

1 Lihat: Ibnu Jama'ah, Hidayah As-Salik 2/788, Ibnu Taimiah, Majmu' Fatawa 26/121, Al-Fasi, Syifa' Al-Gharam 1/112, Abu Sulaiman, Al-Masjidil Haram wa Al-Mas'a 129.

2 Lihat: Fathul Bari 3/536, Tarikh Al-Ka'bah 244, At-Tarikh Al-Qawim 3/542.

Semenjak itu, setiap tahun ia ditukar pada pagi 9 Zulhijjah iaitu pada (hari wuquf).

Kiswah ini diperbuat daripada sutera asli halus. Bahan mentahnya diimport dari luar. Kemudian ia ditenun di kilang ini. Sehelai kelambu memerlukan sebanyak 670kg sutera mentah untuk memprosesnya. Setelah ditenun, ukuran panjang kain kiswah ini adalah 658m persegi. Perbelanjaan keseluruhan membina satu kelambu Ka`bah ini adalah sekitar 17 juta Riyal Saudi, termasuklah kos bahan mentah dan gaji para pekerjanya

Di kilang ini tulisan-tulisan khat ayat Al-Quran di Ka'bah juga dibuat sebagai hadiah Khadimul Haramain kepada tetamu-tetamu kerajaan. Bendera negara Arab Saudi turut dibuat di sini untuk kegunaan rasmi[1].

Kilang Kelambu Ka'bah (Kiswah).

[1] Lihat: Masna' Kiswah Al-Ka'bah, 51, Tarikh Al-Ka'bah 293, Ibnu Duhais, 'Imarah Al-Masjidil Haram 238.

Kunci Ka'bah.

Pada awalnya *As-Sadanah* dan *Al-Hijabah* iaitu kuasa menjaga, memberi khidmat, membuka dan menutup Ka'bah berada di tangan Nabi Ismail عليه السلام, kemudian ianya dikuasai oleh anak-anaknya, kemudian bapa saudaranya Jurhum dan kemudian Bani Khuza'ah, kemudian ianya dikuasai oleh Qusai bin Kilab iaitu datuk Nabi ﷺ yang keempat dan seterusnya oleh 'Abd Ad-Dar bin Qusai. Selepas itu, berlaku perebutan di antara Quraisy untuk menguasainya. Akhirnya kunci Ka'bah berada di tangan Usman bin Thalhah bin Abi Thalhah (nama sebenarnya Abdullah bin Abdul 'Uzza bin Usman bin 'Abd Ad-Dar bin Qusai).

Selepas pembukaan kota Makkah pada tahun 8H Rasulullah ﷺ telah meminta kunci Ka'bah daripada Usman bin Thalhah. Baginda membuka serta memasuki Ka'bah. Setelah keluar daripadanya Rasulullah ﷺ membaca ayat:

﴿ إِنَّ ٱللَّهَ يَأۡمُرُكُمۡ أَن تُؤَدُّواْ ٱلۡأَمَـٰنَـٰتِ إِلَىٰٓ أَهۡلِهَا ﴾ (النساء: ٥٨).

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya...". [Surah An-Nisa': 58] Baginda memanggil Usman bin Thalhah dan menyerahkan kunci Ka'bah kepadanya sambil bersabda:

((خذوها يا بني طلحة، خالدة تالدة، لا ينزعها منكم إلا ظالم)).

Maksudnya: "Ambillah kunci ini wahai Bani Thalhah dan ianya akan kekal selama-lamanya di tangan kamu, tidak ada orang yang mengambilnya daripada kamu kecuali orang zalim"[1].

Menurut Ibnu Kathir ramai ulama' tafsir mengatakan bahawa ayat ini telah diturunkan kepada Usman bin Thalhah, oleh itu Rasulullah ﷺ menyerahkan kunci tersebut kepadanya[2].

Selepas kewafatan Usman pada tahun 42H, beliau tidak mempunyai anak, lalu kunci Ka'bah telah diberikan kepada sepupunya iaitu Syaibah bin Usman bin Abi Thalhah. Kemudian anak-anak Syaibah mewarisinya secara turun temurun sehingga sekarang dan sampai Hari Kiamat insya'Allah. Mereka ini dikenali dengan nama *'Asy-Syaibiyyin'*.

Sebagaimana yang tersebut dalam hadis: "*Kekal selama-lamanya di tangan kamu*" menunjukkan bahawa keturunan Abu Thalhah akan kekal sehingga Hari Kiamat dan penjagaan Ka'bah berada dalam tangan mereka. Ini merupakan mukjizat Rasulullah ﷺ[3].

Kunci Ka'bah adalah sepanjang 40 sentimeter, ianya disimpan di dalam beg yang dibuat daripada sutera yang bersalut emas yang dibuat di kilang kiswah di Makkah[4].

[1] Lihat: At-Tabarani, Al-Mu'jam Al-Kabir 11/120, Fathul Bari 7/612.
[2] Lihat: Tafsir Ibnu Kathir 1/488.
[3] Lihat: Tarikh Al-Ka'bah 319- 335, At-Tarikh Al-Qawim 3/192-197.
[4] Lihat: M. Ilyas, Tarikh Makkah 58.

Muzium Al-Haramain.

Kerajaan Arab Saudi telah membina sebuah muzium yang dikenali dengan nama: *Mathaf Al-Haramain Asy-Syarifain*, ianya mula dibuka pada 25/10/1420H, terletak bersebelahan dengan Kilang Kiswah Ka'bah .

Di muzium ini tersimpan barang-barang lama yang berada di dalam Ka'bah, seperti pintu, kunci serta tiang Ka'bah yang dibina pada tahun 65H dan lain-lainnya.

Tiang Ka'bah di zaman Ibnu Az-Zubair 65H.

Khadam Ka'bah (*Aghawat*).

Mu'awiyah bin Abi Sufyan ﷺ ialah orang pertama yang melantik golongan hamba untuk berkhidmat di Masjidil Haram, kemudian diikuti oleh khalifah lain selepasnya.

Kemudian jawatan tersebut bertukar kepada golongan lelaki yang dikasi kemaluannya. Alat kelamin mereka telah dimatikan semasa kecil pada ketika mereka tidak mengetahui apa-apa. Mereka ini dijadikan sebagai khadam yang berkhidmat di Masjidil Haram dan di Masjid Nabawi.

Golongan ini dikenali dengan nama "*Agha*" ertinya ialah: Lelaki yang mempunyai kemewahan dan kuasa, kerana mereka berkuasa di dalam Masjidil Haram. Dan dikenali di kalangan orang melayu di Makkah dengan nama "*Sepotong*".

Mereka mempunyai jawatan dan pangkat. Biasanya orang lama akan menjadi ketua. Mereka memakai pakaian khas, iaitu jubah dengan kopiah keras serta memakai bengkung di pinggang. Golongan ini sudah semakin pupus sekarang. Kebanyakkan tugas mereka telah digantikan dengan petugas yang berkhidmat dengan syarikat Bin Ladin atau lain-lainnya[1].

Kemusnahan Ka'bah di akhir zaman.

Terdapat hadis Rasulullah ﷺ yang mengesahkan bahawa Ka'bah akan dimusnahkan pada akhir zaman nanti.

Diriwayatkan daripada Abu Hurairah ؓ bahawa Rasulullah ﷺ telah bersabda:

((يخرب الكعبة ذو السويقتين من الحبشة)). البخاري.

1 Lihat: At-Tarikh Al-Qawim 4/26, Tarikh Al-Ka'bah 363.

Maksudnya: "Ka'bah akan dimusnahkan oleh *'Zu As-Suwaiqatain'* (lelaki yang berkaki kurus) dari Habsyah (Ethiopia)"[1].

Juga diriwayatkan bahawa Ali ﷺ berkata:

((استكثروا من الطواف بهذا البيت ما استطعتم قبل أن يحال بينكم وبينه، فكأني أنظر إليه أصعل، أصمع، يهدمها بمسحاته)). رواه الفاكهي.

Maksudnya: "Lakukanlah tawaf di rumah ini (Ka'bah) ini sebanyak mungkin sebelum kamu dihalang dari melakukannya. Seolah-olah aku dapat melihatnya (seorang lelaki dari Habsyah) dengan kepala dan telinga yang kecil, menghancurkannya (Ka`bah) dengan cangkulnya"[2].

Manakala diriwayatkan oleh Ibnu Abbas ﷺ bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

((كأني به أسود، أفحج، يقلعها حجراً حجراً)). رواه البخاري.

Maksudnya: "Seolah-olah aku dapat melihatnya, hitam dan berkaki pengkar (tempang), dia meruntuhkan batunya (Ka'bah) satu demi satu"[3].

Sa'id bin Sam'an berkata bahawa dia mendengar Abu Hurairah ﷺ memberitahu Abu Qatadah bahawa dia telah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda:

((يبايع لرجل ما بين الركن والمقام، ولن يستحل البيت إلا أهله، فإذا استحلوه فلا يسأل عن هلكة العرب، ثم تأتي الحبشة فيخربونه خراباً لا يعمر بعده أبداً، وهم الذين يستخرجون كنزه)). رواه أحمد.

---

1 Al-Bukhari No. 1591.

2 Al-Fakihi, Akhbar Makkah 1/194 No. 313 (Sanadnya Sahih) Lihat: Fathul Bari 3/538.

3 Al-Bukhari No. 1595.

Maksudnya: "Sumpah taat setia akan dilakukan kepada seorang lelaki di antara Rukun dan Maqam, dan tidak ada seorang pun yang akan melanggar kesucian Rumah ini kecuali kaumnya sendiri. Apabila mereka melanggarinya, jangan dipersoalkan lagi akan kemusnahan kaum Arab. Kemudian datang kaum Habsyah yang akan memusnahkannya sama sekali sehingga ia tidak mungkin akan dapat dibina kembali, dan merekalah yang akan mengeluarkan harta perbendaharaannya"[1].

Hadis-hadis ini tidak pula bercanggah dengan hadis 'Aishah ﵄, sabda Rasulullah ﷺ:

« يغزو جيش الكعبة، فإذا كانوا ببيداء من الأرض يخسف بأولهم وآخرهم » البخاري.

Maksudnya: "Satu pasukan tentera akan menyerang Ka'bah dan apabila mereka tiba di satu kawasan lapang, bumi akan menelan mereka semua, daripada yang pertama dan yang terakhir"[2].

Al-Hafiz Ibnu Hajar *-rahimahullah-* berkata: "Ini menjelaskan bahawa akan berlaku beberapa serangan ke atas Ka'bah. Pada suatu masa Allah ﷻ akan musnahkan mereka sebelum mereka sampai kepadanya. Adakalanya Allah ﷻ membiarkan mereka melakukannya. Apa yang jelas daripada hadis bahawa peristiwa meruntuhkan Ka'bah ini berlaku mutakhir daripada hadis mereka ditelan oleh bumi"[3]. Wallahu a'lam.

---

[1] Musnad Imam Ahmad 13/290 No. 7910 (Sanadnya Sahih) Lihat: Fathul Bari 3/539.

[2] Al-Bukhari No. 2118.

[3] Fathul Bari 3/539.

Bab Lima
Hajar Aswad dan Maqam Ibrahim.

1- Hajar Aswad.
a- Sejarah Hajar Aswad.

Ketika Nabi Ibrahim ﷺ membina Ka'bah dan sampai di tempat Hajar Aswad, Nabi Ibrahim ﷺ meminta Ismail ﷺ agar mengambil seketul batu yang boleh dijadikan sebagai tanda tempat permulaan tawaf. Lalu Ismail ﷺ pergi mencarinya, tiba-tiba datang malaikat Jibrail membawa Hajar Aswad kepada Nabi Ibrahim. Allah ﷻ telah menyimpannya di bukit Abi Qubais ketika berlakunya taufan Nabi Nuh dan berfirman kepada Jibrail: "Apabila engkau lihat *khalili* (kekasih-Ku) membina rumah-Ku maka keluarkanlah ia kepadanya".

Apabila Ismail kembali bersama seketul batu, baginda mendapati bapanya telah meletakkan Hajar Aswad di situ. Dia terus bertanya: "Wahai bapaku, siapakah yang telah membawa batu ini kepadamu?". Lalu Ibrahim menjawab: "Ianya telah dibawa kepadaku oleh orang yang tidak mengharapkan batu yang dibawa olehmu, ia telah dibawa oleh Jibrail"[1].

Semasa Quraisy membina Ka'bah, setiap kabilah telah dibahagikan satu penjuru Ka'bah. Apabila sampai binaan ke tempat Hajar Aswad mereka mula berbantah. Setiap kabilah mendakwa mereka lebih berhak untuk

---

[1] Lihat: Al-Azraqi, Akhbar Makkah 1/64, Al-Hakim, Al-Mustadrak 2/321, Fathul Bari 6/468, Fadl Al-Hajaril Aswad wa Maqam Ibrahim 25.

meletak Hajar Aswad di tempat asalnya, sehingga mereka bersumpah untuk berperang sekiranya mereka tidak dapat meletakkannya.

Akhirnya mereka membuat keputusan bahawa: "Orang yang akan memutuskan perkara ini ialah orang yang pertama memasuki masjid ini dari pintu Bani Syaibah". Dan orang pertama yang memasuki pintu tersebut ialah Rasulullah ﷺ. Apabila melihatnya mereka bersetuju untuk menjadikannya sebagai hakim dalam permasalahan tersebut. Mereka memberitahu Rasulullah ﷺ yang berumur 35 tahun pada ketika itu dan terkenal dengan gelaran '*Al-Amin*'.

Rasulullah ﷺ mengambil sehelai kain dan meletakkan Hajar Aswad di atasnya. Kemudian Rasulullah ﷺ mengarahkan seorang wakil dari setiap kabilah untuk mengangkatnya hingga sampai ketempatnya, dan Rasulullah ﷺ mengambil Hajar Aswad dengan tangan Baginda yang mulia dan meletakkan ia di tempatnya[1].

Hajar Aswad merupakan batu yang tertanam di penjuru Ka'bah yang sangat penting, kerana ia adalah sebagai tanda permulaan dan akhir tawaf. Asalnya ia merupakan satu ketul batu sahaja, tetapi sekarang sudah pecah menjadi 8 kepingan batu kecil. Kepingan yang terbesar sebesar sebiji tamar, ianya tertanam di batu besar lain yang dilingkungi dengan sebuah penutup yang diperbuat daripada perak.

Menurut Sheikh Mohd Tahir Al-Kurdi (meninggal dunia tahun 1400H): "Yang jelas daripada Hajar Aswad pada zaman kita -pertengahan abad 14 hijrah- yang kita

[1] Lihat: Tarikh Al-Ka'bah 50-66, Lunas Perceritaan 28-37.

sentuh dan kita kucup merupakan lapan kepingan batu kecil yang mempunyai saiz yang berbeza. Kepingan yang terbesar adalah sebesar sebiji tamar. Perpecahan Hajar Aswad kepada beberapa kepingan kecil ini adalah disebabkan oleh angkara khianat yang dilakukan oleh beberapa golongan penjahat pada masa yang lalu.

Semenjak 50 tahun dahulu -pada awal abad 14 hijrah-bilangannya adalah sebanyak 15 keping. Kemudian ianya semakin berkurangan disebabkan oleh proses baik pulih yang dilakukan terhadap lingkungan Hajar Aswad. Bahagian-bahagian batu yang kecil dan sudah hancur telah diuli semula dengan lilin dan kasturi. Kemudian ia diletakkan semula di tempatnya. Warnanya bertambah hitam kerana terlalu banyak air wangi diletakkan ke atasnya"[1].

Perhatian:

Berdasarkan maklumat ini, pada masa sekarang bukan semua batu yang berada dalam lingkungan perak adalah Hajar Aswad. Hajar Aswad adalah 8 keping batu kecil yang berada di dalamnya. Sesiapa yang ingin mengucup Hajar Aswad maka dia hendaklah meletakkan mukanya ke atas kepingan batu tersebut, wallahu a'lam.

[1] At-Tarikh Al-Qawim 3/237, Fadl Al-Hajaril Aswad wa Maqam Ibrahim 38.

Gambar menunjukkan lapan keping hajar Aswad yang masih wujud hingga sekarang. Pada tahun 1376H

b- Beberapa peristiwa yang menimpa Hajar Aswad.

Hajar Aswad telah melalui beberapa peristiwa sepanjang kewujudannya di muka bumi ini, yang menyebabkan ianya menjadi pecah dan hancur.

Antara peristiwa yang menyebabkan Hajar Aswad menjadi pecah dan hancur ialah:

1- Kesan daripada kebakaran yang pernah berlaku di Ka'bah, sewaktu pemerintahan Quraisy dan pemerintahan Abdullah bin Az-Zubair ﷺ pada tahun 64H. Hajar Aswad telah retak menjadi tiga bahagian lalu Ibnu Az-Zubair mengikatnya dengan perak. Beliau merupakan orang yang pertama melakukan perkara tersebut.

2- Peristiwa *Al-Qaramithah*, iaitu salah satu cabang Syiah Isma'iliyyah Al-Batiniyyah yang telah mencabut Hajar Aswad pada tahun 317H dan membawanya ke Al-

Ahsa' (dalam sirah di sebut: Hajar, Arab Saudi) tetapi kemudian ianya dikembalikan pada tahun 339H.

Pada Hari Tarwiyah (8 Zulhijjah tahun 317H) Abu Tahir Al-Qurmuthi bersama 900 orang pengikutnya telah melakukan keganasan di Makkah khasnya di dalam Masjidil Haram. Mereka telah membunuh para jemaah haji dan mencampakkan mayat mereka ke dalam telaga Zamzam. Lebih 30,000 orang telah dibunuhnya.

Mereka telah mencabut Hajar Aswad dan membawanya ke negeri mereka dengan tujuan untuk menarik orang ramai ke sana untuk mengerjakan haji, sebagaimana Abrahah telah membina Ka'bah di negerinya. Maka tempat Hajar Aswad telah menjadi kosong selama 22 tahun. Sehingga tahun 339H Sanbar bin Al-Hasan Al-Qurmuthi telah menghantar kembali Hajar Aswad ke tempatnya, selepas binasanya Abu Tahir.

Serta beberapa peristiwa lagi[1].

c- Warna Hajar Aswad.

Sabda Rasulullah ﷺ:

((نزل الحجر الأسود من الجنة، وهو أشد بياضا من اللبن، فسودته خطايا بني آدم)). رواه الترمذي.

Maksudnya: "Hajar Aswad itu diturunkan dari syurga. Warnanya lebih putih daripada susu. Maka dosa anak-anak Adam yang telah menjadikannya hitam"[2].

---

[1] Lihat: At-Tarikh Al-Qawim 3/261, Fadl Al-Hajaril Aswad wa Maqam Ibrahim 29-35.

[2] Sunan At-Tirmizi No. 877. (Sahih) Lihat: Al-Ghabban, Fadhail Makkah 680, Sahih Al-Jami' No. 3169, 6632.

Bahagian yang berwarna hitam ialah bahagian depan yang disentuh oleh manusia, tetapi bahagian dalamnya yang tertanam di Ka'bah warnanya tidak berubah[1].

Dapat dibuat pengajaran di sini bahawa dosa-dosa manusia boleh menghitamkan batu yang putih bersih dari syurga, apatah lagi pengaruh dan kesannya terhadap hati manusia. Kita wajib menghindarkan diri daripada melakukan dosa dan maksiat yang menjadikan hati kita hitam oleh dosa-dosa yang dilakukan.

d- Kelebihan (Fadhail) Hajar Aswad.

Antara kelebihannya ialah:

1- Berasal dari batu syurga (yaqut) yang mulia.

Sabda Nabi ﷺ:

« إن الركن والمقام ياقوتتان من ياقوت الجنة، طمس الله نورهما، ولو لم يطمس نورهما لأضاءتا ما بين المشرق والمغرب » رواه الترمذي.

Maksudnya: "Hajar Aswad dan Maqam Ibrahim merupakan dua biji batu daripada batu syurga. Allah ﷻ telah menghilangkan cahaya pada kedua-duanya. Jika tidak, nescaya cahaya kedua-duanya akan menerangi di antara timur dan barat"[2].

2- Hajar Aswad mendapat kelebihan dan ketinggian yang tidak diberikan kepada batu-batu yang lain. Kedudukannya berada dipenjuru rumah Allah ﷻ yang mulia. Ditambah lagi dengan kucupan Rasulullah ﷺ

[1] Lihat: Fadl Al-Hajaril Aswad wa Maqam Ibrahim 36.

[2] Sunan At-Tirmizi No. 878, Sahih Ibnu Hibban, Al-Ihsan 9/24, Sahih Ibnu Khuzaimah 4/219. (Sahih) Lihat: An-Nawawi, Al-Majmu' 8/36, Sahih Al-Jami' As-Saghir No. 1633.

kepadanya, sebagaimana yang pernah dilakukan oleh nabi-nabi sebelumnya. Hajar Aswad menjadi tempat pertemuan bibir para nabi, orang-orang soleh, para jemaah haji dan umrah di sepanjang lipatan sejarah. Ia juga menjadi tempat permulaan dan berakhirnya tawaf, sekaligus ia adalah tempat doa yang mustajab (dikabulkan doa)[1].

3- Hajar Aswad akan menjadi saksi kelak kepada orang-orang yang telah menyalaminya (menziarah dan mengusapnya) dengan kebenaran pada Hari Kiamat.

Sabda Rasulullah ﷺ:

((والله! ليبعثنه الله يوم القيامة له عينان يبصر بهما، ولسان ينطق به، يشهد على من استلمه بحق)). رواه الترمذي.

Maksudnya: "Demi Allah, Allah ﷻ akan membangkitkannya pada Hari Kiamat kelak, baginya dua mata. Dia akan melihat dengannya. Baginya lidah yang dia akan berkata-kata dengannya, menjadi saksi kepada sesiapa saja yang telah mengusapnya dengan kebenaran"[2].

Menurut riwayat Ibnu Khuzaimah: "Hajar Aswad akan dibangkitkan pada Hari Kiamat besarnya seperti Bukit Uhud di Madinah"[3]. Ada juga riwayat mengatakan ianya sebesar Bukit Abi Qubais di Makkah[4].

---

[1] Lihat: At-Tarikh Al-Qawim 3/241, Fadl Al-Hajaril Aswad wa Maqam Ibrahim 47.

[2] Sunan At-Tirmizi No.961, (Sahih) Lihat: Sahih Al-Jami' No. 2180, 5222, 6975. Al-Ghabban, Fadhail Makkah 705.

[3] Sahih Ibnu Khuzaimah 4/220.

[4] Lihat: Sahih At-Targhib wa At-Tarhib 2/29, Fadl Al-Hajaril Aswad wa Maqam Ibrahim 51.

4- Mengucup Hajar Aswad dan mengusap Rukun Yamani dapat menghapuskan dosa.

Sabda Rasulullah ﷺ:

((إن مسح الركن اليماني و الركن الحجر الأسود يحط الخطايا حطا)).

رواه أحمد.

Maksudnya: "Mengusap Rukun Yamani dan mengucup Hajar Aswad akan menghapuskan kesalahan (dosa)"[1].

Ibnu Abbas ؓ mengatakan: "Rasulullah ﷺ tidak mengusap tangannya melainkan pada Hajar Aswad dan Rukun Yamani"[2].

Abdullah bin Umar ؓ mengusap Hajar Aswad kemudian mengucup tangannya dan berkata: "Aku tidak pernah meninggalkannya semenjak aku melihat Rasulullah ﷺ melakukannya"[3].

5- Rasulullah ﷺ sangat mengambil berat terhadap Hajar Aswad dan memuliakannya.

Suwaid bin Ghafalah telah berkata: Saya lihat Umar ؓ mengucup Hajar Aswad dan berada berhampiran dengannya sambil berkata:

((رأيت رسول الله ﷺ بك حَفِيًّا)).

Maksudnya: "Aku lihat Rasulullah sangat mengambil berat (menghormati, mengucup, mengusap) engkau"[4].

---

[1] Musnad Imam Ahmad 9/442 No. 5621 (Hasan). Lihat: Al-Fakihi, Akhbar Makkah 1/126 No.122, Al-Ghabban, Fadhail Makkah 701.
[2] Sunan At-Tirmizi No. 858.
[3] Sahih Muslim No. 1268.
[4] Sahih Muslim No. 1271.

Umar bin Al-Khattab ﷺ mengucup Hajar Aswad dan berkata:

« إني أعلم أنك حجر لا تضر ولا تنفع، ولولا أني رأيت النبي ﷺ يقبلك ما قبلتك ». رواه البخاري.

Maksudnya: "Aku tahu kamu hanyalah sebiji batu yang tidak dapat memberi musibah mahupun memberi manfaat. Jika tidak kerana aku telah melihat Rasulullah ﷺ mengucupmu, aku tidak akan melakukannya"[1].

Hikmah daripada ucapan Umar: "*Engkau tidak dapat memberi musibah mahupun memberi manfaat*".

Kata ulama': Umar berkata sedemikian kerana pada ketika itu manusia sangat dekat dengan zaman penyembahan berhala, maka dibimbangi akan ada orang jahil yang menyangka bahawa mengucup Hajar Aswad adalah sama dengan perbuatan orang jahiliyah mengagungkan berhala. Maka Umar ﷺ ingin mengajar mereka bahawa mengucup Hajar Aswad adalah bertujuan untuk membesarkan Allah ﷻ semata-mata dan mengikuti ajaran Rasulullah ﷺ. Perbuatan tersebut juga termasuk dalam amalan haji yang telah diperintah oleh Allah ﷻ.

Perbuatan tersebut berbeza dengan amalan jahiliyah kerana mereka menyangka perbuatan menyembah berhala adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah, maka Umar ﷺ memberi peringatan agar membezakan perbuatan ini daripada i'tiqad jahiliyah, bahawa ibadat tidak dilakukan

[1] Sahih Al-Bukhari No. 1597, Sahih Muslim No. 1270.

kecuali kepada Tuhan yang boleh memberi mudharat dan manfaat iaitu hanya kepada Allah ﷻ[1].

Rahsia mengapa orang kafir tidak menyembah Hajar Aswad atau Ka'bah.

Sheikh Mohd. Tahir Al-Kurdi *rahimahullah* berkata: "Antara perkara yang patut disebut dan diambil perhatian ialah: Amalan orang Arab di zaman jahiliyah ialah mereka menyembah batu, khasnya batu-batu Makkah dan Tanah Haram, namun tidak ada riwayat yang mengatakan mereka telah menyembah Hajar Aswad atau Maqam Ibrahim, dalam keadaan mereka cukup menghormati dan menjaganya. Setelah kami *taammul* (perhati) rahsia disebaliknya, jelas ia merupakan *'ismah* (pemeliharaan) daripada Allah ﷻ, kerana sekiranya ia disembah pada zaman jahiliyah kemudian datang Islam membesarkannya dengan arahan agar mengucupnya serta melakukan solat di belakang Maqam Ibrahim, maka orang munafiq dan seteru Islam akan berkata: Islam menerima penghormatan kepada berhala dan masih wujud unsur-unsur syirik. Orang yang pernah menyembahnya pula akan terus berpegang dengan kepercayaannya. Untuk itu Allah ﷻ telah menjaganya semenjak dari zaman Nabi Ibrahim عليه السلام hingga ke hari ini, daripada disembah oleh orang jahil, sama seperti pemeliharaan-Nya terhadap Ka'bah"[2].

[1] Lihat: Ibnu Al-Jauzi, Muthir Al-'Azm 1/370, Fathul Bari 3/541, Fadl Al-Hajaril Aswad wa Maqam Ibrahim 58.

[2] Al-Kurdi, Maqam Ibrahim 107, At-Tarikh Al-Qawim 3/241, Fadl Al-Hajaril Aswad wa Maqam Ibrahim 59.

e-Beberapa Hukum mengenai Hajar Aswad.

1- Sunat mengucup atau mengusapnya pada bila-bila masa.

2- Sunat mengucup atau mengusapnya ketika mula melakukan tawaf.

3- Sunat meletakkan muka ke atasnya ketika mengucupnya.

4- Sunat mengucup atau mengusapnya ketika ingin keluar ke Safa untuk melakukan Sa'ie.

5- Mengucupnya dengan cara tidak mengeluarkan bunyi seperti mencium anak.

6- *Istilam* Hajar Aswad boleh dilakukan dengan mengucup atau mengusapnya dengan tangan atau dengan tongkat atau dengan mengisyaratkan tangan ke arahnya, kemudian mencium apa yang diisyaratkan kepadanya.

7- Kaum wanita hendaklah mencari waktu yang sesuai agar tidak bercampur dengan lelaki.

8- Tidak menyakiti orang lain sewaktu berebut untuk mengucupnya.

9- Tidak berhenti di garisan Hajar Aswad sewaktu melambaikan tangan, khasnya pada waktu orang ramai, kerana ianya akan menganggu perjalanan orang yang sedang menunaikan tawaf dan akan menyakiti orang lain. Dan lain-lain lagi[1].

---

[1] Lihat: Fadl Al-Hajaril Aswad wa Maqam Ibrahim 55-86, M. Ilyas, Tarikh Makkah 44-45. dan kitab-kitab fiqah dalam bab haji.

2- Sejarah Maqam Ibrahim.

Ta'rif Maqam Ibrahim.

Dari segi bahasa, "*Maqam*" bererti tempat berpijak[1].

Maqam Ibrahim ialah batu yang dibawa oleh Ismail ﷺ untuk dijadikan sebagai tempat berpijak bapanya Nabi Ibrahim ﷺ ketika mereka membina Ka'bah. Dari atas batu inilah Nabi Ibrahim ﷺ membina Ka'bah dengan tangannya sendiri daripada batu-batu yang dibawa oleh Ismail ﷺ. Setiap kali bangunan Ka'bah bertambah tinggi, batu (maqam) tersebut ikut naik seolah-olah ianya berfungsi seperti tangga kren.

Diriwayatkan bahawa Said bin Jubair berkata: "Batu Maqam Ibrahim ini, Allah ﷻ telah menjadikannya lembut dan ianya sebagai rahmat. Ibrahim ﷺ berdiri di atasnya manakala Ismail ﷺ menghulurkan batu-batan kepadanya"[2].

Di atas batu ini juga Nabi Ibrahim ﷺ menyeru manusia supaya datang mengerjakan haji setelah selesai membina Ka'bah[3].

Al-Fakihi meriwayatkan bahawa: "Apabila selesai membina Ka'bah, Allah ﷻ telah memerintahkan agar Ibrahim menyeru manusia untuk datang mengerjakan haji. Nabi Ibrahim naik ke atas batu (Maqam Ibrahim) lalu

---

[1] Lihat: Al-Fairuz Aabadi, Al-Qamus Al-Muhit, maddah (Qaf wau mim) 1487.

[2] Lihat: Ibnu Al-Jauzi, Muthir Al-'Azm 2/36, Al-Mubarakfuri, Tarikh Makkah 48.

[3] Lihat: Fathul Bari 1/595, Fadl Al-Hajaril Aswad wa Maqam Ibrahim 101. Ada lagi beberapa pendapat lain yang *marjuhah* (tidak kuat) mengatakan Maqam Ibrahim ialah: 1-Amalan haji seluruhnya. 2-Arafah, Muzdalifah dan Jamarat. 3-Tanah Haram seluruhnya. Lihat: Tafsir Ibnu Kathir 1/160, Al-Mu'allimi, Maqam Ibrahim 41.

berseru: Wahai manusia! Telah difardhukan ke atas kamu mengerjakan haji. Maka ianya telah diperdengarkan kepada mereka yang berada dalam sulbi lelaki dan dalam rahim perempuan. Mereka yang beriman serta mereka yang telah ditulis oleh Allah ﷻ akan datang untuk mengerjakan haji hingga Hari Kiamat telah menyahutnya dengan menyebut: *Labbaikallhumma labbaik*"[1].

Oleh kerana perbuatan ini merupakan salah satu daripada amalan yang dicintai oleh Allah, maka Allah ﷻ telah menjadikan kesan tapak kaki Nabi Ibrahim عليه السلام ini kekal sebagai peringatan kepada orang-orang yang beriman dari keturunannya, bagi mereka dan seluruh manusia.

a-Kedudukan Maqam Ibrahim.

Ulama' telah berselisih pendapat tentang kedudukan tempat asal Maqam Ibrahim.

Pertama: Pada zaman Nabi Ibrahim عليه السلام, seterusnya hingga ke zaman Rasulullah ﷺ, zaman Abu Bakar As-Siddiq dan Umar رضي الله عنه Maqam ini berada di tempat yang ada sekarang. Kemudian berlaku banjir pada zaman Umar bin Al-Khattab رضي الله عنه lalu membawanya ke bahagian bawah Makkah. Maka penduduk Makkah membawa dan meletakkannya di tepi Ka'bah, hingga datang Umar. Beliau telah bermesyuarat mengenai tempatnya yang asal dan meletakkan ia di tempat tersebut hingga ke hari ini.

[1] Al-Fakihi, Akhbar Makkah 1/446.

Pendapat ini diriwayatkan oleh Al-Azraqi dengan sanad yang sahih[1] dan disokong oleh Sheikh Said Bakdas[2].

Kedua: Pada zaman Ibrahim ﷺ dan selepasnya, Maqam ini bersambung dengan Ka'bah dan diletakkan sebelah kanan pintu, sehinggalah ia dipindahkan oleh khalifah Umar bin Al-Khattab ﷺ ke tempatnya hari ini.

Pendapat ini diriwayatkan oleh Abdur Razzak di dalam Al-Musannaf dengan sanad yang sahih daripada 'Ata' dan lain-lain, juga daripada Mujahid. Al-Baihaqi pula meriwayatkan daripada 'Aishah ﷺ dengan sanad yang kuat bahawa:

"Pada zaman Rasulullah ﷺ dan Abu Bakar As-Siddiq ﷺ, Maqam ini bersambung dengan Ka'bah, kemudian Umar bin Al-Khattab ﷺ mengalihkannya ke belakang (ke tempatnya hari ini)"[3].

Tiada seorang daripada kalangan para sahabat dan orang yang selepasnya mempertikaikan perbuatan Umar ini. Mereka semuanya bersetuju di dalam hal ini.

Umar berpendapat kedudukan asalnya telah menyempitkan kawasan tawaf dan solat, lalu dia meletakkannya di tempat yang lebih baik bagi maslahat umum. Perbuatannya itu mungkin sudah diilhamkan oleh Allah ﷻ kerana dialah yang mencadangkan pada awalnya agar tempat tersebut dijadikan sebagai tempat solat[4].

---

[1] Lihat: Akhbar Makkah 2/34, Fathul Bari 1/595, Al-Mu'allimi, Maqam Ibrahim 55.

[2] Lihat: Fadl Al-Hajaril Aswad wa Maqam Ibrahim 121, 139.

[3] Lihat: Al-Musannaf 5/48, As-Sunan Al-Kubra 5/75, Tafsir Ibnu Kathir 1/162, Fathul-Bari 8/19, ulasan tentang Hadis No. 4483.

[4] Lihat: Fathul-Bari 8/19.

Pendapat ini disokong oleh Al-Hafiz Ibnu Kathir, Al-Hafiz Ibnu Hajar dan Al-Mu'allimi *rahimahumullah*[1]. Wallahu a'lam.

b-Cubaan untuk memindahkan Maqam Ibrahim ke belakang.

Memandangkan bertambahnya bilangan jemaah haji dan umrah, kawasan tempat tawaf telah menjadi sempit. Tambahan pula ada sebahagian jemaah berhenti melakukan solat di belakang Maqam Ibrahim.

Pada tahun 1377H timbul *fikrah* (pendapat atau cadangan) untuk memindahkan Maqam Ibrahim ke belakang selepas pembesaran Masjidil Haram. Maka timbul pro dan kontra di kalangan ulama' Islam mengenai cadangan tersebut.

Buku pertama yang menyokong pemindahannya telah ditulis oleh Sheikh Abdur Rahman Al-Mu'allimi Al-Yamani, Pengarah Perpustakaan Al-Haram Al-Makki (meninggal dunia tahun 1386H) dan disokong oleh Sheikh Muhammad bin Ibrahim, iaitu bekas Mufti Am Arab Saudi (meninggal dunia tahun 1389H) dan ulama'-ulama' lain.

Ramai pula ulama' yang menentang cadangan tersebut, kerana tempat tersebut telah dipilih oleh Rasulullah ﷺ dan Khalifah Umar ؓ. Mengekalkan Hajar Aswad di tempatnya adalah lebih baik, lebih-lebih lagi pada zaman yang penuh fitnah ini.

[1] Lihat: Tafsir Ibnu Kathir 1/162, Fathul Bari 8/19, At-Tabari, Al-Qira 344, Al-Mu'allimi, Maqam Ibrahim 74.

Pada musim haji tahun 1385H, Muktamar Rabitah Al-'Alam Al-Islami telah membuat keputusan bahawa Maqam Ibrahim dikekalkan di tempatnya dengan diubahsuai lingkungan kaca tebal dengan ukuran yang lebih kecil untuk mengelakkan kesesakan, maka ia kekal hingga ke hari ini, Ahamdulillah[1].

Maqam Ibrahim

c- Kelebihan Maqam Ibrahim.

Antara kelebihannya ialah:

1) Dijadikan sebagai tempat solat yang diarahkan oleh Allah ﷻ sebagaimana dalam firman-Nya:

---

[1] Lihat: Al-Mu'allimi, Maqam Ibrahim 21, 111, At-Tarikh Al-Qawim 3/362, Fadl Al-Hajaril Aswad wa Maqam Ibrahim 15.

﴿ وَإِذْ جَعَلْنَا ٱلْبَيْتَ مَثَابَةً لِّلنَّاسِ وَأَمْنًا وَٱتَّخِذُوا مِن مَّقَامِ إِبْرَٰهِـۧمَ مُصَلًّى ﴾

(البقرة: ١٢٥).

Maksudnya: "Dan ingatlah ketika kami jadikan Baitullah tempat berkumpul bagi manusia dan tempat yang aman. Dan jadikanlah sebahagian Maqam Ibrahim tempat solat". (Al-Baqarah: 125).

Anas bin Malik ﷺ meriwayatkan bahawa Umar bin Al-Khattab ﷺ telah berkata:

"Pendapatku telah diterima oleh Tuhanku di dalam tiga perkara. Aku berkata: "Wahai Rasulullah, kenapa tidak kita jadikan Maqam Ibrahim ini sebagai tempat solat?..." Kemudian ayat inipun diturunkan[1].

Qatadah *rahimahullah* menerangkan tentang ayat ini: "Kamu disuruh bersolat di situ, tetapi tidak disuruh menyentuhnya. Kami telah diberitahu oleh mereka yang telah melihat kesan tapak kaki dan jarinya (Ibrahim ﷺ). Manusia berterusan menyentuhnya sehingga kesannya tanggal dan hilang"[2].

Solat sunat tawaf di Maqam Ibrahim.

Jabir ﷺ telah meriwayatkan mengenai cara perlaksanaan haji Rasulullah ﷺ dengan katanya: "Ketika aku sampai di Ka'bah bersama Rasulullah ﷺ, Baginda terus mencium Hajar Aswad, kemudian (tawaf tujuh pusingan) berlari-lari anak pada tiga pusingan yang awal dan empat pusingan dengan berjalan biasa. Baginda lalu ke Maqam Ibrahim dan membaca: "Dan jadikanlah

---

[1] Lihat: Tafsir Ibnu Kathir 1/161, Fathul Bari 8/19

[2] Lihat: Fathul Bari 8/19.

Maqam Ibrahim sebagai tempat solat". Rasulullah ﷺ menjadikan Maqam Ibrahim berada di tengah antara Baginda dan Ka'bah"[1].

2) Maqam Ibrahim merupakan batu dari syurga. Rasulullah ﷺ telah bersabda:

« إن الركن والمقام ياقوتتان من ياقوت الجنة، طمس الله نورهما، ولو لم يطمس نورهما؛ لأضاءتا ما بين المشرق والمغرب ». رواه أحمد والترمذي.

Maksudnya: "Sesungguhnya Hajar Aswad dan Maqam Ibrahim merupakan batu-batan dari syurga, Allah ﷻ telah menghilangkan cahaya kedua-duanya, seandainya Allah ﷻ tidak menghilangkan cahaya kedua-duanya, nescaya ia akan menerangi seluruh timur dan barat dunia"[2].

Menurut riwayat Al-Baihaqi: "Jika tidak kerana dosa anak cucu Adam, nescaya cahayanya akan mampu menerangi seluruh timur dan barat dunia"[3].

3) Tempat dikabulkan doa.

Menurut Hasan Al-Basri (meninggal dunia tahun 110H) dan ulama'-ulama' lain, berdoa di belakang Maqam Ibrahim عليه السلام adalah amat mustajab[4].

---

[1] Sahih Muslim No. 1218.

[2] Musnad Ahmad 11/577 No. 7000, At-Tirmizi No. 878, Ibnu Khuzaimah No. 2732, Al-Fakihi, Akhbar Makkah 1/440, Al-Ghabban, Fadhail Makkah 686.

[3] Al-Baihaqi, As-Sunan Al-Kubra 5/75, Hadis Sahih.

[4] Lihat: Risalah Al-Hasan Al-Basri dalam Akhbar Makkah li Al-Fakihi, 2/291, Fadl Al-Hajaril Aswad wa Maqam Ibrahim 153.

4) Maqam Ibrahim adalah bukti nyata (*Aayaatun Bayyinat*) tentang kekuasaan Allah ﷻ dan mukjizat Nabi Ibrahim ؑ yang kekal sehingga ke hari ini.

Firman Allah:

﴿ إِنَّ أَوَّلَ بَيْتٍ وُضِعَ لِلنَّاسِ لَلَّذِى بِبَكَّةَ مُبَارَكًا وَهُدًى لِّلْعَٰلَمِينَ ۝ فِيهِ ءَايَٰتٌۢ بَيِّنَٰتٌ مَّقَامُ إِبْرَٰهِيمَ وَمَن دَخَلَهُۥ كَانَ ءَامِنًا ﴾ (آل عمران: ٩٦-٩٧).

Maksudnya: "Sesungguhnya rumah yang mula-mula dibangunkan untuk (tempat beribadat) bagi manusia ialah Baitullah yang berada di Bakkah (Makkah) yang diberkati dan menjadi petunjuk bagi manusia. Padanya terdapat tanda-tanda (kekuasaan Allah) yang nyata, (di antaranya) Maqam Ibrahim. Sesiapa yang memasukinya akan mendapat keamanan". (Surah Aali 'Imran: 96).

Maqam Ibrahim merupakan suatu tanda yang besar, mengandungi beberapa tanda kekuasaan Allah ﷻ dan mukjizat yang nyata yang telah dizahirkan-Nya melalui batu ini, antaranya:

1-Kesan tapak kaki Nabi Ibrahim ؑ di batu yang pejal.

Allah ﷻ akan menundukkan apa saja daripada kalangan makhluk-Nya jika seseorang itu benar-benar beriman kepada Allah.

Kesan ini terukir di Maqam yang telah dikenali oleh penduduk Tanah Haram, Abu Talib -bapa saudara Nabi ﷺ pernah berkata mengenainya:

وَمَوطِئِ إبرَاهِيمَ فِي الصَّخرِ رَطْبَةً - على قدميه حافيا غير ناعل

Tempat letak tapak kaki Ibrahim di batu yang dilembutkan - bagi kedua tapak kaki yang tidak beralas[1].

Persamaannya dengan tapak kaki Rasulullah ﷺ.

Juga diketahui bahawa tapak kaki Rasulullah ﷺ mirip dengan tapak kaki datuknya Ibrahim ﵇. Sebagaimana yang diriwayatkan oleh seorang sahabat, Jahm bin Huzaifah Al-Qurasyi (seorang yang pakar dalam ilmu mengenali waris) yang menyaksikan proses pembinaan Ka'bah oleh Quraisy dan Ibnu Az-Zubir, berkata: "Sesungguhnya aku tidak pernah melihat sesuatu yang lebih sama, seperti samanya tapak kaki Rasulullah ﷺ dengan tapak kaki Ibrahim yang pernah kami lihat di Maqam"[2].

Imam Al-Bukhari juga meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ pernah bersabda dalam hadis Isra': "Aku melihat Nabi Ibrahim dan aku ini merupakan seorang anak (cucu) Ibrahim yang sangat hampir rupa dengannya"[3].

Ukurannya.

Seorang ahli sejarah iaitu Sheikh Mohd. Tahir Al-Kurdi mengatakan bahawa kesan tapak kaki di Maqam itu sebelahnya sedalam 10cm manakala sebelah lagi 9cm, panjangnya 22cm dan mempunyai kelebaran 11cm. Ini menunjukkan bahawa Nabi Ibrahim ﵇ mempunyai ketinggian yang lebih kurang sama dengan kebanyakan lelaki pada masa ini. Hari ini bekas jari-jari kaki tidak

---

[1] Lihat: Fathul Bari 8/19.
[2] Lihat: Fadl Al-Hajaril Aswad wa Maqam Ibrahim 116.
[3] Sahih Al-Bukhari No. 3437.

nampak kerana Maqam dulunya terbuka dan ianya hilang akibat sering disentuh oleh orang ramai[1].

Kesan Tapak Kaki Nabi Ibrahim

2- Kekalnya sepanjang sejarah, tidak sepertimana kesan para nabi dan rasul yang lain, walaupun terdapat beberapa usaha untuk mencurinya, juga terdedah terhadap cuaca dan banjir yang melanda Masjidil Haram selama beribu-ribu tahun, namun sehingga kini ia tetap terpelihara dengan baik.

[1] At-Tarikh Al-Qawim 3/311.

Pada zaman Khalifah Umar bin Al-Khattab ﷺ berlaku banjir besar yang dikenali dengan nama 'Banjir Ummu Nahsyar'. Apabila banjir mulai surut, Umar segera pergi ke Maqam Ibrahim dan mendapatinya telah dihanyutkan ke satu dataran rendah di Makkah. Lalu Umar ﷺ mengambil dan meletakkan ia di tempatnya semula[1].

Diriwayatkan oleh Al-Fakihi pada suatu masa di Makkah terdapat seorang yang bernama Juraij (Yahudi atau Nasrani). Pada suatu malam Maqam Ibrahim didapati telah hilang, setelah dicari ternyata ada padanya, rupa-rupanya dia ingin membawanya kepada Raja Rom. Lalu diambil kembali Maqam Ibrahim daripadanya dan dipenggal lehernya[2].

Al-Qaramithah yang telah mencuri Hajar Aswad juga cuba untuk mengambil Maqam Ibrahim, tetapi ia sempat disembunyikan oleh penjaga Masjidil Haram.

Banyak lagi kejadian-kejadian dan peristiwa yang menimpa Maqam Ibrahim sepanjang sejarah, Allah ﷻ sahajalah yang menjaganya.

3- Terpelihara daripada menjadi sembahan kaum Musyrikin.

Pada zaman jahiliyyah, orang-orang Arab menyembah berhala daripada batu-batan, tetapi tidak ada seorang pun yang diketahui pernah menyembah Hajar Aswad dan Maqam Ibrahim. Hal ini kerana penghormatan mereka terhadap kedua-duanya. Perkara ini merupakan kesucian yang dipelihara oleh Allah ﷻ, kerana Islam

---

[1] Lihat: Al-Jami' Al-Latif 21,

[2] Akhbar Makkah 1/452, Al-Fasi, Syifa' Al-Gharam 1/210.

menghormati Hajar Aswad dengan cara mencium dan mengusapnya, manakala Maqam Ibrahim dihormati dengan cara bersolat di belakangnya. Jadi, tidak dapat dikatakan bahawa Islam telah memberi (atau memperakui) kehormatan terhadap sebahagian daripada berhala, kerana ini merupakan jenis ibadah yang membawa kepada syirik[1].

Dan banyak lagi kelebihannya[2].

Mengusap atau mencium Maqam Ibrahim.

Mengikut sunnah Rasulullah ﷺ yang telah diajarkan bahawa mencium dan mengusap itu hanya khusus untuk Hajar Aswad dan Rukun Yamani. Sementara bagi Maqam Ibrahim, keutamaan dan kemuliannya ialah dengan menjadikannya sebagai tempat solat. Oleh itu, mencium dan mengusap Maqam Ibrahim bukan sebahagian daripada sunnah Rasulullah ﷺ. Sehinggakan ketika Abdullah bin Az-Zubair ؓ melihat sekumpulan manusia yang sedang mengusap Maqam Ibrahim beliau berkata: "Wahai manusia kamu tidak disuruh untuk menyentuhnya tetapi disuruh untuk bersolat di situ"[3].

Perlu diingatkan di sini bahawa kebencian para ulama' salaf dahulu terhadap perbuatan mengusap dan mencium Maqam Ibrahim ini terjadi ketika Maqam masih terbuka dan belum ditutup dengan sesuatupun. Jadi, jika ia telah diletakkan di dalam kotak kaca yang tertutup pada masa sekarang, tentulah mengusap dan menciumnya lebih dibenci dan sangat tidak disukai[4].

---

[1] Lihat: At-Tarikh Al-Qawim, 3/241

[2] Lihat: Fadl Al-Hajaril Aswad wa Maqam Ibrahim 145-160.

[3] Al-Fakihi, Akhbar Makkah 1/457 No. 1004.

[4] Lihat: M. Ilyas, Tarikh Makkah 71-76.

Bab Enam
Masjidil Haram

a- Kelebihan dan Kemuliaannya.

Masjidil Haram meliputi Ka'bah, tempat tawaf di sekelilingnya serta semua bangunan dan halaman untuk bersolat termasuk bahagian pembesaran yang dimulai pada zaman Khalifah Umar bin Al-Khattab ﷺ sehingga ke zaman *Khadimul Haramain* Raja Fahd bin Abdul Aziz pada hari ini.

Masjidil Haram mempunyai kelebihan yang mulia dan unik, yang tidak dimiliki oleh mana-mana tempat di dunia ini. Kemuliaan ini kerana kedudukannya yang berada di Makkah, ianya merupakan bumi yang sangat mulia dan terdapat binaan Ka'bah di dalamnya.

Terdapat banyak dalil-dalil dari Al-Quran yang menyebut dengan jelas tentang hubungan dan kaitan yang rapat antara Ka'bah, Masjidil Haram dan Makkah secara umum.

Pertama: Perkataan "*Masjidil Haram*" bermaksud "*Ka'bah*". Firman Allah ﷻ:

﴿ قَدْ نَرَىٰ تَقَلُّبَ وَجْهِكَ فِي ٱلسَّمَآءِ فَلَنُوَلِّيَنَّكَ قِبْلَةً تَرْضَىٰهَا فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ ﴾ (البقرة: ١٤٤).

Maksudnya: "Kami sering melihat engkau (wahai Muhammad) mengangkat mukamu ke langit, maka sungguh kami akan memalingkan kamu ke arah kiblat yang engkau sukai. Palinglah mukamu ke arah Masjidil Haram". (Al-Baqarah: 144).

Kedua: *"Masjidil Haram"* bermaksud *"Makkah"*. Firman Allah:

﴿ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِنَّمَا ٱلْمُشْرِكُونَ نَجَسٌ فَلَا يَقْرَبُوا۟ ٱلْمَسْجِدَ ٱلْحَرَامَ بَعْدَ عَامِهِمْ هَٰذَا ﴾ (التوبة: ٢٨).

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman, sesungguhnya orang-orang musyrik (kafir) itu najis, maka janganlah mereka mendekati Masjidil Haram selepas tahun ini". (At-Taubah: 28).

Perkataan ***"Masjidil Haram"*** ini telah disebut sebanyak 15 kali di dalam Al-Quran.

Tidak syak lagi semua dalil ini menunjukkan kelebihan serta kemuliaan Masjidil Haram dan Makkah keseluruhannya.

Masjidil Haram telah dimuliakan sejak sebelum Islam lagi. Kaum Arab tidak memasuki kawasan Haram dengan kasut mereka sebelum Islam. Mereka mengelilingi Ka'bah dengan tidak berpakaian kerana mereka percaya bahawa pakaian mereka telah dikotori oleh dosa-dosa mereka. Kaum lelaki melakukan tawaf pada waktu siang dan perempuan pada malam hari[1].

Sebagai memuliakan Ka'bah, Arab Quraisy juga tidak membina rumah-rumah mereka dengan bentuk empat segi, tetapi dengan bentuk bulatan[2].

---

[1] Lihat: Ad-Dahhas, Masjidil Haram 111-118.

[2] Lihat: Al-Fakihi, Akhbar Makkah 3/252, Ad-Dahhas, Masjidil Haram 118.

b-Kedudukan binaannya sebelum Islam (Nabi Muhammad ﷺ).

Lebih kurang dua ratus tahun sebelum hijrah, Makkah telah menjadi sebuah bandar. Sebelum itu tiada binaan di kawasan sekitar Ka'bah. Penduduk Makkah tinggal di sekitar lurah Bukit Merah (sekitar kawasan Mudda'a dan Al-Ma'lah) dan Jabal Abu Qubais yang menghadap ke arah lembah itu.

Apabila Qusai bin Kilab memegang pemerintahan Makkah, beliau telah menerajui binaan bandar Makkah dan reka bentuknya. Semua rumah telah dibina mengelilingi Ka'bah dengan satu kawasan persegi dikosongkan sekitarnya. Dengan permulaan yang ringkas ini, Makkah telah berkembang menjadi Bandar Suci bagi seluruh dunia Islam[1].

Sejak zaman Nabi Ibrahim عليه السلام hingga ke zaman Qusai keadaan Masjidil Haram hanyalah kawasan lapang sekitar Ka'bah, tidak ada bangunan, ianya dilingkungi oleh rumah orang Quraisy[2].

Makkah Zaman Qusai Pada tahun 470M.

[1] Lihat: Masyru' Al-Malik Ab. Aziz Li Tausi'atil Masjidil Haram 23.
[2] Lihat: Ba Salamah, Tarikh 'Imarah Al-Masjidil Haram 5-6, Ad-Dahhas, Masjidil Haram 133.

c- Perkembangan selepas Islam.

Selepas kedatangan Islam dan pembukaan kota Makkah pada tahun ke 8 Hijrah sehinggalah ke zaman pemerintahan Khalifah Abu Bakar ﷺ, tidak berlaku sebarang perubahan mahupun pembinaan terhadap Ka'bah serta kawasan di sekitarnya. Kerana pada waktu itu tidak ada keperluan untuk meluaskan kawasan Ka'bah atau memagarinya[1].

d-Binaan dan perkembangannya di dalam sejarah.

Pertama: Pembesaran pada zaman Khalifah Umar bin Al-Khattab ﷺ pada tahun 17H/638M.

Ianya merupakan pembesaran yang pertama. Khalifah Umar ﷺ mengambil keputusan ini apabila Ka'bah telah rosak dilanda banjir. Beliau juga mendapati kawasan solat menjadi begitu sesak dan sempit, lalu beliau membeli kawasan di sekitar Ka'bah dan menjadikannya kawasan masjid. Beliau juga mengarahkan agar pagar dibina di sekeliling masjid dengan beberapa pintu dan lampu-lampu dipasang di dindingnya[2].

Kedua: Pembinaan oleh Khalifah Usman bin Affan ﷺ, pada tahun 26H/646M.

Apabila Khalifah Usman ﷺ datang ke Makkah untuk mengerjakan umrah pada tahun 26H, beliau mendapati tempat tersebut menjadi begitu sesak dan penduduk Makkah telah bertambah dengan pesatnya. Beliau mengarahkan agar dilaksanakan proses pembesaran

---

[1] Lihat: Ba Salamah, Tarikh 'Imarah Al-Masjid Al-Haram 8.
[2] Lihat: Ba Salamah, Tarikh 'Imarah Al-Masjid Al-Haram 11.

Masjid dengan meruntuhkan rumah dan bangunan di sekitarnya dengan membayar pampasan kepada pemiliknya. Pembesaran yang dilakukan oleh Usman ini berbeza sekali dari segi binaan dengan yang sebelumnya. Beliau telah membina atap untuk melindungi para pengunjungnya daripada panas matahari. Pembesaran masjid yang dilakukan oleh Usman رضي الله عنه ini dianggarkan keluasannya ialah 2040m persegi[1].

Ketiga: Pembinaan oleh Abdullah bin Az-Zubair رضي الله عنه pada tahun 65H/684M.

Abdullah bin Az-Zubair رضي الله عنه merasakan adalah menjadi tanggungjawabnya untuk membaiki semula binaan Masjidil Haram dan Ka'bah apabila ianya terjejas akibat kepungan yang telah dilakukan oleh penduduk Syam terhadap Ka'bah. Beliau memutuskan untuk membaiki kerosakan yang berlaku terhadap Masjidil Haram serta meruntuh dan membina semula Ka'bah. Beliau tidak terus melakukannya, bahkan beliau meminta nasihat serta pandangan daripada beberapa orang sahabat Rasulullah ﷺ yang lain. Sebahagian daripada mereka bersetuju dan sebahagiannya tidak. Tetapi beliau berpegang dengan hadis yang diriwayatkan oleh 'Aisyah رضي الله عنها bahawa Rasulullah ﷺ telah bersabda:

Maksudnya: "Wahai 'Aishah! Kalaulah bukan kerana kaummu (Quraisy) yang masih baru meninggalkan suasana jahiliyyah (kufur) nescaya aku akan mengarahkan supaya diruntuhkan Ka'bah dan dibina semula dengan memasukkan sudut yang telah dikeluarkan (oleh Quraisy)

---

[1] Lihat: Ba Salamah, Tarikh 'Imarah Al-Masjid Al-Haram 15, Ad-Dahhas, Masjidil Haram 137.

dan merendahkan binaan (pintunya) di atas tanah, kemudian menjadikan baginya dua pintu, iaitu satu di sebelah timur dan satu lagi di sebelah barat, menjadikan binaannya menurut asas yang telah dibina oleh Nabi Ibrahim ﷺ"[1].

Lalu beliau menunaikan kehendak Rasulullah ﷺ.

Kebetulan keadaan Ka'bah pada ketika itu perlu diruntuhkan dan dibina semula. Abdullah meletakkan Hajar Aswad di Ka'bah, membina pintunya rapat ke tanah dan membuka sebuah lagi pintu di bahagian baratnya.

Apabila selesai pembinaan tersebut, beliau merenjisnya dengan wangian dan haruman serta menutupinya dengan *dibaj* (kain sutera asli). Beliau juga telah meluaskan kawasan Masjidil Haram di bahagian timur, utara dan selatan. Untuk tujuan ini, beliau telah mengarahkan agar beberapa rumah dan bangunan di sekitar Masjidil Haram diruntuhkan dan dibayar pampasan kepada pemiliknya dan dijadikan masjid. Beliau juga mengarahkan agar atap masjid dibina[2].

Keempat: Pembaikian Masjid oleh Khalifah Abdul Malik bin Marwan pada tahun 75H/694M.

Pada tahun 75H Khalifah Abdul Malik telah memerintahkan agar dilakukan penambahan dan peninggian terhadap binaan dinding Masjid. Manakala atapnya dibuat daripada *saj* (kayu jati). Emas seberat 50 *misqal* (Satu *misqal* = 4.25g. 4.25 X 50= 212.5g) diletakkan di atas setiap tiang panjang yang bulat. Binaan

[1] Al-Bukhari No. 1586.
[2] Lihat: Ba Salamah, Tarikh 'Imarah Al-Masjid Al-Haram 17, Ad-Dahhas, Masjidil Haram 138.

ini dikira sebagai proses pembaikian terhadap bangunan dan peninggian dinding Masjid tanpa merubah kawasan sekitarnya[1].

Makkah Zaman Al-Amawiyyah
Tahun 91H/710M.

Kelima: Pembesaran oleh Khalifah Al-Walid ibn Abdul Malik pada tahun 91H/709M.

Pada tahun 91H, Al-Walid telah mengambil keputusan untuk merombak semua pembaikian yang dilakukan oleh bapanya. Beliau membinanya semula secara terancang dan lebih sempurna. Beliau merupakan orang pertama yang membawa masuk tiang marmar dari Mesir dan Syam ke Makkah. Beliau juga telah membina pintu gerbang utama di setiap empat penjuru masjid. Bahagian hadapan setiap serambi masjid pula dibina seperti gerbang dengan tiang marmar yang bersalut emas. Serambi yang telah dihiasi marmar ini juga dilengkapi

[1] Lihat: Ba Salamah, Tarikh 'Imarah Al-Masjid Al-Haram 19, Ad-Dahhas, Masjidil Haram 138.

dengan beranda yang dihiasi dengan batu kapur. Beliau juga memerintahkan agar dinding masjid disaluti dengan marmar sehingga berukuran satu meter tinggi. Atap masjid diperbuat daripada kayu jati yang berukir[1].

Keenam: Pembesaran oleh Khalifah Abu Ja'far Al-Mansur pada tahun 137H/754M.

Di bawah pemerintahan Al-Abbasiyah, binaan Masjidil Haram telah memasuki era baru dari segi reka bentuk dan senibina. Keluasan kawasan Masjidil Haram juga bertambah berbanding keadaan sebelumnya. Pembesaran ini termasuk di bahagian utara dan barat masjid. Khalifah Abu Ja'far Al-Mansur telah membeli kesemua rumah di bahagian utara dan barat dan memasukkannya ke dalam kawasan masjid. Beliau juga mengarahkan pembinaan menara masjid apabila selesai pembesaran tersebut.

Pembinaan Al-Mansur ini termasuklah satu pintu gerbang besar yang diperbuat daripada marmar di sekeliling kawasan tengah masjid. Bahagian depan gerbang ini dihiasi dengan mozek dan emas. Bahagian dalam masjid pula ditutupi dengan marmar. Hijr Ismail juga dihiasi dengan marmar dan disaluti dengan batu pualam putih *(alabaster)* di bahagian dalam, luar dan di atasnya.

Pembesaran Al-Mansur ini bermula pada tahun 137H dan berakhir pada tahun 140H[2].

---

[1] Lihat: Ba Salamah, Tarikh 'Imarah Al-Masjid Al-Haram 23, Ad-Dahhas, Masjidil Haram 139.

[2] Lihat: Ba Salamah, Tarikh 'Imarah Al-Masjid Al-Haram 25, Ad-Dahhas, Masjidil Haram 139.

Ketujuh: Pembesaran oleh Khalifah Muhammad Al-Mahdi pada tahun 160H/776M.

Pada tahun 160H, Khalifah Muhammad Al-Mahdi bin Abi Ja'far Al-Mansur telah datang ke Makkah untuk menunaikan haji. Beliau bertekad untuk membesarkan Masjidil Haram dan memperbaharui binaannya. Perluasan ini melibatkan bahagian timur, barat dan selatan masjid. Beliau telah memerintahkan agar tiang-tiang marmar dibawa masuk ke Makkah dari Syam dan Mesir. Beliau juga menambah dua serambi di atas tiang yang diperbuat daripada marmar. Atap masjid dibuat daripada kayu jati berukir.

Pembinaan ini siap pada tahun 164H.

Pembesaran yang kedua oleh Al-Mahdi pada tahun 164H.

Apabila beliau mengerjakan haji pada tahun 164H, beliau mendapati bahawa kedudukan Ka'bah lebih hampir dengan bahagian selatan masjid daripada bahagian-bahagian lain. Ia tidak berada di tengah-tengah masjid. Beliau terus mengarahkan agar semua rumah-rumah yang terletak di bahagian tersebut diruntuhkan. Pelan baru telah direka, di mana Masjidil Haram dijadikan dalam bentuk empat segi dan Ka'bah terletak ditengah-tengahnya. Masjidil Haram dibina dengan sempurnanya dan menjadi permata yang indah di dalam dunia seni bina di zaman Abbasiyah. Binaan Al-Mahdi ini kekal sebagai binaan yang teragung sehingga ke zaman moden. Beliau juga telah membina tiga buah menara masjid[1].

---

[1] Lihat: Ba Salamah, Tarikh 'Imarah Al-Masjid Al-Haram 28, Ad-Dahhas, Masjidil Haram 140-142.

Kelapan: Pembesaran oleh Khalifah Al-Mu'tadhid pada tahun 284H/894M.

Pembesaran ini turut dikenali sebagai pembesaran *Dar An-Nadwah.* Dar An-Nadwa merupakan istana persinggahan bagi para khalifah apabila mereka berada di Makkah. Ianya terletak di bahagian selatan kawasan masjid serta mempunyai halaman yang luas. Keluasan kawasannya adalah lebih-kurang 1250m persegi. Apabila rumah ini telah menjadi buruk ianya telah diruntuhkan dan dijadikan sebagai masjid yang bersambung dengan Masjidil Haram. Bangunan ini dibina dengan tiang persegi serta melengkung dengan atap daripada kayu jati. 12 buah pintu telah dibuka dari Masjidil Haram untuk ke masjid ini. Pada tahun 306H bangunan tambahan ini telah disatukan dengan binaan Masjidil Haram setelah ia menjadi masjid yang berasingan buat seketika. Para jemaah yang bersolat di Dar An-Nadwa ini dapat melihat Ka'bah di hadapan mereka[1].

Makkah Zaman Al-Abbasiyah
Tahun 210H/923M.

[1] Lihat: Ba Salamah, Tarikh 'Imarah Al-Masjid Al-Haram 54, Ad-Dahhas, Masjidil Haram 142.

Kesembilan: Pembesaran oleh Khalifah Al-Muqtadir Billah pada tahun 306H/918M.

Pembesaran ini dikenali sebagai pembesaran *Bab Ibrahim*. Ianya terletak di bahagian barat Masjidil Haram, iaitu di antara dua rumah Siti Zubaidah (isteri Khalifah Harun Ar-Rasyid), bersebelahan Bab *Al-Khayyatin* dan pintu *Banu Juma'*. Kawasan ini telah dimasukkan ke dalam Masjidil Haram, di mana dua pintu tersebut telah dibuang dan digantikan dengan satu pintu besar yang dinamakan sebagai Bab Ibrahim[1].

Pada zaman pemerintahan Al-Mamalik. 802H.

Selepas kejatuhan kerajaan Abbasiyah di tangan Monggol pada tahun 656H/1258M, kekuasaan untuk menjaga Masjidil Haram telah bertukar kepada pemerintahan Al-Mamalik di Mesir. Mereka telah bekerja keras dalam usaha untuk membaiki dan menjaga Masjidil Haram demi mendapatkan pahala dan ganjaran daripada Allah ﷻ. Beberapa orang sultan Al-Mamalik telah melakukan pembaharuan yang sepatutnya terhadap Masjidil Haram. Pembaharuan ini telah bermula pada tahun 802H semasa pemerintahan Sultan An-Nasir bin Barquq, manakala pembaharuan yang terakhir ialah pada tahun 882H/1477M semasa pemerintahan Sultan Al-Asyraf Qaitbai[2].

---

[1] Lihat: Ba Salamah, Tarikh 'Imarah Al-Masjid Al-Haram 63, Ad-Dahhas, Masjidil Haram 143.

[2] Lihat: Ba Salamah, Tarikh 'Imarah Al-Masjid Al-Haram 69, Duhais, 'Imarah Al-Masjidil Haram 67-72.

Pembaikian Masjidil Haram pada zaman Uthmaniyyah 979-984H.

Kerajaan Uthmaniyyah juga telah memainkan peranan besar dalam menunaikan tanggungjawab menjaga dan memperbaharui Masjidil Haram, semenjak bumi Hijaz berada di bawah kekuasaan mereka pada tahun 923H/1517M yang dipimpin oleh Sultan Salim I. Sejak itu mereka menjadi pengawal kepada hal ehwal bagi dua Tanah Haram. Setiap tahun mereka menghantar *kiswah* (kelambu) Ka'bah, begitu juga dengan gaji dan elaun pekerja dan mereka telah membaiki dan menghiaskan Masjidil Haram.

Zaman Uthmaniyah tahun 1215H/1800M.

Pada zaman pemerintahan Sultan Salim dan Sultan Murad, serambi bahagian timur masjid kelihatan melengkong ke arah Ka'bah. Ini disebabkan atap dan dinding kayu yang buruk telah menjadi reput dan berkarat kerana terdedah kepada cahaya matahari. Kerja-kerja pembaikan di bahagian timur ini dimulakan pada tahun 980H. Ianya telah diruntuhkan dan dibina semula. Pada

akhir proses pembaikan ini, Sultan Salim Khan Ibnu Sultan Sulaiman telah meninggal dunia dan digantikan oleh anaknya Sultan Murad yang mengarahkan agar projek tersebut diselesaikan dengan segala usaha yang terdaya. Akhirnya projek ini selesai pada akhir tahun 984H dan Masjidil Haram terus mendapat perhatian dan penjagaan istimewa dari Sultan *Aal* (keluarga atau dinasti) Uthmani[1].

Perhatian:

Pembesaran terakhir dilakukan oleh Al-Muqtadir Al-Abbasi, dan selepas itu Masjidil Haram tidak diperbesarkan sepanjang sejarah di bawah pemerintahan Al-Fatimiyyin, Al-Ayyubiyyin, Al-Mamalik dan Al-Uthmaniyah. Masjidil Haram cuma dibaiki dan dihiasi dengan keluasan yang sedia ada, hinggalah sampai kepada pembesaran yang dibuat oleh kerajaan Arab Saudi pada tahun 1375H[2].

Kesepuluh: Masjidil Haram di bawah Kerajaan Arab Saudi.

Jasa-jasa Raja Abdul Aziz Ibnu Abdul Rahman Aal Sa'ud *rahimahullah*.

Almarhum Raja Abdul Aziz Al-Sa'ud telah memberi perhatian yang besar dalam kerja-kerja membaiki Masjidil Haram, sama ada di bahagian dalam atau luarnya untuk

[1] Lihat: Ba Salamah, Tarikh 'Imarah Al-Masjid Al-Haram 78, Duhais, 'Imarah Al-Masjidil Haram 73-82.

[2] Lihat: Abu Sulaiman, Al-Mas'a Al-Masy'ar Wa Asy-Sya'irah 107.

memastikan penampilan yang sesuai dan setaraf dengan kemuliaannya. Perhatian ini termasuklah projek membaik-pulih semua kerosakan pada dinding, atap dan tiang masjid. Ia turut melibatkan proses membaiki kawasan laluan, sekeliling tempat tawaf, kesemua pintu dan mengecat Maqam Ibrahim dengan warna hijau, di samping tiang tembaga, beranda di ke empat-empat bahagian masjid, serta perhiasan dalam dan luar dinding masjid. Semua kubah telah dibersihkan, pintu-pintu masjid dibaiki dan dicat semula begitu juga tiang-tiang masjid. Raja Abdul Aziz begitu bersungguh untuk membaiki dengan sempurnanya keseluruhan Masjidil Haram untuk menjadikannya cantik berseri. Semua kerja-kerja ini selesai pada tahun 1347H[1].

Pembesaran Saudi yang pertama pada tahun 1375-1396H /1955M.

Perintah Diraja telah dikeluarkan untuk memulakan proses pembesaran Masjidil Haram, iaitu dengan meruntuhkan kesemua bangunan yang berada di sekelilingnya dan pemiliknya dibayar pampasan. Projek ini telah dijalankan dalam beberapa peringkat selama 20 tahun, di bawah pemerintahan Raja Sa'ud dan Raja Faisal. Projek ini bertujuan untuk mengekalkan binaan berserambi Uthmaniyyah. Sebahagian besarnya telah diruntuhkan dan dibina semula.

Pembinaan bermula di bahagian selatan masjid, dan diikuti kawasan seterusnya. Kerja-kerja pembinaan ini dimulakan dengan membina kawasan *Mas'a* (tempat Sa'ei

---

[1] Lihat: Ba Salamah, Tarikh 'Imarah Al-Masjid Al-Haram 282, Ad-Dahhas, Al-Masjidil Haram 146.

dari Safa ke Marwah). Panjangnya ialah 394.5m dan lebarnya 20m. Kawasan *Mas'a* tersebut dibina menjadi dua tingkat. Banyak pintu dan jendela baru telah dibuka. Kawasan bawah tanah dan serambi juga telah dibina. Tujuh menara baru didirikan. Nama-nama lama bagi pintu dan pagar dikekalkan. Bilangan kesemua pintu setelah selesai pembinaan ini 51 buah, meliputi pintu kecil dan besar.

Jumlah keseluruhan pembiayaan projek ini mencapai angka 662 juta Riyal Saudi. Luas keseluruhan kawasan Masjidil Haram menjadi 180,850 meter persegi, dan boleh menampung seramai 400,000 jemaah, iaitu lebih dua kali ganda berbanding jumlah sebelum ini yang hanya mempunyai keluasan 27,850m persegi[1].

Pembesaran kedua oleh *Khadimul Haramain*, Raja Fahd Ibn Abdul Aziz pada tahun 1409H/1988M.

Pada bulan Safar 1409H, *Khadimul Haramain*, Raja Fahd Ibn Abdul Aziz telah meletakkan batu asas untuk perlaksanaan projek pembesaran Masjidil Haram di bahagian timur masjid iaitu di antara Bab Al-Malik dan Bab Al-Umrah. Pembesaran ini termasuklah pembinaan satu tingkat bawah tanah, dua lapisan tingkat atas, satu pintu utama yang dinamakan Bab Al-Malik Fahd dan 14 buah pintu tambahan (kecil) yang menjadikan jumlah keseluruhannya sebanyak 95 buah pintu yang bernombor. Dua menara baru telah ditambah di Bab Al Malik Fahd yang menjadikan keseluruhan menara Masjidil Haram adalah sebanyak sembilan buah. Pembesaran ini selaras dan seimbang dengan pembesaran yang dibuat

[1] Lihat: Ad-Dahhas, Al-Masjidil Haram 147.

sebelumnya. Kawasan atap (*sutuh*) masjid turut disiapkan untuk menampung lebih daripada 80,000 jemaah. Ia boleh dinaiki dengan 7 tangga elektrik (escalator) yang ditempatkan di sekeliling masjid.

Khadimul Haramain juga telah mengarahkan agar kawasan (medan) terbuka di sekeliling masjid dilapisi dengan marmar dan dilengkapi dengan lampu yang mencukupi. Luas medan ini berukuran 88,000m².

Terowong bawah tanah telah dibina untuk kenderaan bagi mengelakkan kesesakan lalu-lintas di kawasan Masjidil Haram. Kawasan khas disediakan untuk kenderaan berhenti bagi menurunkan penumpang serta mengambil pengunjung masjid yang kemudiannya akan dibawa naik dengan tangga elektrik ke medan Raja tadi. Sistem lampu, peredaran udara dan kawalan komputer yang canggih dipasang di dalam terowong ini.

Pusat pendinginan udara telah dibina di daerah Kudai untuk menyejukkan Masjidil Haram dan kawasan Mas'a. Sistem penyejukan air juga diadakan untuk menyejukkan air Zamzam. Sebanyak sembilan ribu bilik air yang dilengkapi dengan tandas dan tempat berwudhuk telah dibina, semuanya dilengkapi dengan sistem yang termoden dan tercanggih.

Projek pembinaan Masjidil Haram dan persekitarannya ini selesai pada bulan Zulqi'dah tahun 1413H/1993M.

Ukuran Masjidil Haram sekarang.

Luas keseluruhan bangunan masjid selepas projek pembesaran baru ini ialah 76,000 meter persegi. Ini tidak termasuk kawasan atap dan medan luar masjid (88,000m persegi). Pembesaran ini telah menjadikan kawasan

Masjidil Haram tiga kali ganda lebih besar daripada pembesaran Saudi yang pertama. Jumlah keseluruhan luas Masjidil Haram sekarang ialah 278,000m^2, dan boleh menampung seramai 694,000 orang. Luas kawasan sekitar Masjidil Haram pula ialah 366,000m^2, boleh menampung seramai 220,000 orang. Oleh yang demikian, Masjidil Haram boleh menampung seramai sejuta orang lebih, disebabkan peningkatan pengunjung yang begitu ramai ke Makkah khususnya pada musim haji dan bulan Ramadhan[1].

Pada tahun 1424H/2003M kerajaan Saudi telah melakukan pembaikan *Al-Mataf* (tempat tawaf) di semua tingkat, khasnya di tingkat atas yang bentuknya tidak sekata, menjadikan jaraknya jauh dan susah bagi para jemaah untuk menjaga posisi sewaktu melakukan tawaf. Pembaikan ini dapat menampung lebih ramai jemaah yang melakukan tawaf, khasnya pada bulan Ramadhan dan musim haji.

Imam An-Nawawi *-rahimahullah-* telah menjelaskan bahawa sah melakukan tawaf di tingkat atas Masjidil Haram. Pendapat ini telah dipersetujui oleh Majlis Fatwa Arab Saudi[2].

---

[1] Lihat: Ad-Dahhas, Masjidil Haram 148, Duhais, 'Imarah Al-Masjidil Haram 186, M. Ilyas, Tarikh Makkah 96.

[2] Lihat: An-Nawawi, Al-Idhah 223, Fatawa Al-Lajnah Ad-Daimah 11/231. Fatwa No. 3970,4329.

e- Cara penyusunan saf di sekitar Ka'bah.

Pada mulanya, orang ramai bersolat bersama imam di belakang Maqam Ibrahim. Namun disebabkan bertambahnya bilangan kaum muslimin, tempat ini menjadi bertambah sempit. Sehinggalah Khalid bin Abdullah Al-Qasri (meninggal dunia tahun 120H), iaitu Gabenor Makkah pada masa itu menyatakan pendapatnya untuk menyusun dan mengatur saf para jemaah yang bersolat[1].

Pendapatnya ini mendapat sokongan daripada ulama'-ulama' besar dari kalangan tabi'in pada masa itu. Maka usaha penyusunan saf ini diteruskan.

Ibnu Juraij bertanya kepada 'Ata' –*rahimahumallah*-: "Jika orang yang bersolat di Masjidil Haram sedikit bilangannya, manakah yang lebih baik bagimu, sama ada mereka bersolat di belakang Maqam Ibrahim atau dengan

---

[1] Al-Azraqi, Akhbar Makkah 2/65,66

cara membentuk satu saf sahaja di sekeliling Ka'bah?". 'Ata' menjawab, "Satu saf di sekeliling Ka'bah dan seterusnya". Pendapatnya ini berdasarkan firman Allah:

Maksudnya: "Dan kamu (Muhammad) akan melihat para malaikat bersaf-saf di sekeliling Arasy sambil bertasbih memuji Tuhannya". (Az-Zumar: 75).

Harus diingat bagi orang yang bersolat di dalam masjid adalah wajib ke atasnya untuk menghadap tepat ke arah Ka'bah sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abdullah ibnu Umar ﷺ bahawa antara timur dan barat itu semuanya kiblat kecuali di Ka'bah (yakni wajib menghadap ke arahnya)[1].

Manakala riwayat daripada Ibnu Abi Husain mengatakan: "Ka'bah ialah kiblat bagi orang yang berada di dalam masjid, manakala masjid itu kiblat bagi penduduk di Tanah Suci...."[2].

Setelah proses pembesaran Saudi yang pertama dan kedua selesai dilaksanakan adalah sukar bagi para jemaah untuk melihat Ka'bah secara langsung kerana terhalang oleh tiang, atap bangunan, tempat sa'ei, halaman sekitar masjid dan sebagainya. Untuk mengatasi masalah ini, Kerajaan Saudi di bawah pemerintahan Raja Fahd telah membuat garisan lengkung mengelilingi Ka'bah di lantai masjid bagi memudahkan jemaah solat membuat saf yang betul.

---

[1] Al-Fakihi, Akhbar Makkah 1/186 No. 291.
[2] Al-Azraqi, Akhbar Makkah 2/21.

f- Al-Mas'a (Tempat Sa'ie).

Mas'a ialah jarak di antara bukit Safa dan Marwah. Sa'ie di dalamnya adalah termasuk di dalam ibadat haji dan umrah. Tanah tempat Sa'ie ini, asalnya merupakan tanah yang berliku, curam dan tidak rata. Pembaikan dan pembaharuannya dilakukan sedikit demi sedikit sepanjang sejarah sehinggalah keadaannya seperti hari ini.

Sebelum ini, Mas'a serta Masjidil Haram tidak bersambung dan dipisahkan oleh bangunan-bangunan. Ia terletak di kawasan pasar yang di kiri kanannya terdapat kedai-kedai dan para penjaja. Jadi pada waktu itu orang bersa'ei dengan segala kesibukan di tengah-tengah deretan kedai[1].

Ini adalah satu perkara yang pelik, walaupun Mas'a ini merupakan salah satu tempat ibadat yang penting bagi haji dan umrah, tetapi sebelum ini tidak ada satu pun pihak berkuasa Tanah Haram yang terfikir untuk menjadikannya satu tempat ibadat yang khusus, sedangkan mereka telah melakukan pelbagai pembesaran dan pembaikan terhadap masjid. Keadaan ini berkekalan sehinggalah pada zaman Asy-Syarif Husain dan perluasan serta penyatuan oleh Kerajaan Arab Saudi.

Orang pertama yang membina atap bagi Mas'a ialah Asy-Syarif Husain bin Ali. Pada tahun 1335H beliau telah mengarahkan pembinaan atap untuk Mas'a bermula dari sebelah Marwah sehingga ke Bab Al-'Abbas (sekarang Bab Ali), manakala bahagian yang selebihnya tidak beratap. Tetapi atap ini tidak kukuh dan lama-kelamaan

---

[1] Lihat: At-Tarikh Al-Qawim 6/112.

setelah terdedah kepada cuaca dan matahari ia menjadi berkarat dan bocor di sana-sini.

Maka pada tahun 1366H Raja Abdul Aziz *rahimahullah* telah memerintahkan agar semua atap tersebut diruntuhkan dan diganti dengan atap yang baru. Maka atap baru dibuat daripada besi yang tahan karat dan utuh untuk melindungi Mas'a dari panas sepenuhnya, bermula dari Safa hingga ke Marwah kecuali satu bahagian kecil sepanjang 8m di hadapan Bab Ali yang tidak ditutup. Ini kerana ia merupakan medan yang luas dan keadaan yang terbuka begitu lebih elok dan baik. Keluasan atap ini ialah lebih kurang 20.5m. Apabila berlaku perluasan Saudi yang pertama pada tahun 1375H, (yang menyatukan Masjidil Haram dan Mas'a) atap ini dibuang seluruhnya dan dipasang semula di atas jalan Mudda'a dan Judriyyah. Sebahagian daripadanya masih kekal sehingga ke hari ini (1424H/2003M).

Untuk memudahkan orang ramai melakukan sa'ei, Kerajaan Arab Saudi telah mengeluarkan arahan agar pasar tersebut ditutup serta semua bangunan yang memisahkannya dengan Masjidil Haram diruntuhkan dan kedua-duanya dijadikan satu bangunan.

Mas'a ini telah dibina dua tingkat dengan lantai marmar. Panjang setiap tingkat Mas'a ini lebih kurang 394.5m. Bermula dari hujung dinding di atas bukit Safa sehingga hujung dinding di atas bukit Marwah. Lebarnya pula kira-kira 20m. pada masa sekarang, atapnya (sutuh) telah dijadakan Mas'a.

Tingkat bawah telah dibahagikan kepada dua bahagian. Satu bahagian untuk melakukan sa'ei dari Safa ke Marwah dan satu lagi untuk sa'ie dari Marwah ke Safa. Di antara dua jalan ini, terdapat satu lorong khas untuk

kerusi roda atau kereta sorong bagi orang yang memerlukannya. Ia juga dilengkapi dengan pendingin udara yang dikawal bersama dengan masjid[1].

Mas'a *Safa*

Setelah pembesaran Masjidil Haram dan Mas'a siap dilaksanakan, satu binaan yang bersambung telah dibuat di antara keduanya. Pembinaan ini telah menimbulkan beberapa persoalan:

Pertama: Hukum melakukan Sa'ie di tingkat atas Mas'a.

Ahli Majlis Ulama' Besar (The Great Ulama's Board) Arab Saudi dalam persidangan yang ke 4, pada 19/10/1393 dan 12/11/1393H telah membuat keputusan:

"Adalah harus melakukan sa'ie di tingkat atas jika perlu, dengan syarat seseorang itu mesti melalui semua jarak di antara Safa dan Marwah dan tidak keluar daripada sempadan kawasan Mas'a..."[2].

---

[1] Lihat: Ba Salamah, Tarikh 'Imarah Al-Masjid Al-Haram 293, At-Tarikh Al-Qawim 4/454, Abu Sulaiman, Al-Mas'a Al-Masy'ar Wa Asy-Sya'irah 135.

[2] Lihat: Abhas Hai-ah Kibar Al-Ulama' 1/24, Abu Sulaiman, Al-Mas'a Al-Masy'ar Wa Asy-Sya'irah 20.

Kedua: Adakah Mas'a termasuk dalam hukum Masjidil Haram? Oleh yang demikian, wanita haid atau nifas tidak boleh memasukinya untuk melakukan sa'ie dan sebagainya.

Al-Majma' Al-Fiqhi Al-Islami (Islamic Fiqh Council) di bawah Rabitah Al-'Alam Al-Islami dalam persidangannya yang ke 14 pada 20 Sya'ban 1415H bersamaan dengan 21/1/1995M telah membuat keputusan dengan pendapat ramai: "Bahawa Mas'a selepas dibina bersambung dengan binaan Masjidil Haram tidak termasuk dalam binaan dan hukum Masjidil Haram. Mas'a adalah suatu *masy'ar* (tempat ibadat) yang tersendiri, firman Allah ﷻ:

﴿ إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِن شَعَائِرِ اللَّهِ ﴾ (البقرة: ١٥٨).

Maksudnya: "Sesungguhnya Safa dan Marwah adalah sebahagian daripada syi'ar agama Allah". (Al-Baqarah: 158).

Begitu juga menurut pendapat jumhur ulama', antaranya ialah imam mazhab empat, dari segi hukum adalah harus melakukan solat padanya dan berimamkan imam Masjidil Haram, sama seperti tempat suci yang lain. Orang yang berhadas besar; haid atau junub boleh duduk dan melakukan sa'ie, namun adalah disunatkan untuk melakukan saie dengan berwudhu. Wallahu a'lam"[1].

---

[1] Lihat: Resolusi Islamic Fiqh Council 295, Abu Sulaiman, Al-Mas'a Al-Masy'ar Wa Asy-Sya'irah 13.

Bab Tujuh
Al-Masya'ir

1- Arafat.

Arafat juga dikenali sebagai Arafah. Arafat ialah nama untuk *mufrad* (singular) dengan lafaz *jama'* (plural). Dalam Al-Quran ianya di sebut sebagai : "Arafat".

﴿ فَإِذَآ أَفَضۡتُم مِّنۡ عَرَفَٰتٖ ﴾ (البقرة: ١٩٨).

Arafah dan Arafat merupakan nama bagi tempat ini, disebut dengan kata *jama'* walaupun tempatnya satu kerana semua sudut tempat ini dinamakan Arafah.

Ada juga ulama' yang membezakan antara dua lafaz ini, Arafah dengan lafaz mufrad (singular) ialah hari Arafah (9 Zulhijjah) manakala Arafat dengan lafaz jama' (plural) pula ialah nama tempat, iaitu bumi Arafah.

Ianya dinamakan sebagai Arafah kerana Adam ﷺ dan Hawa dipertemukan dan saling kenal mengenali semula di bumi ini. Adam yang diturunkan di India dan Hawa di Jeddah, buat pertama kalinya mereka bertemu di Arafah.

Juga kerana di sanalah tempat Jibril mengajar Nabi Ibrahim ﷺ tentang *manasik* (amalan) haji. Setelah selesai menerangkan amalan haji, Jibrail bertanya: "*Arafta?*" maksudnya: Sudah tahukah kamu? Jawab Ibrahim: "*Araftu*". Maksudnya: Ya Saya tahu.

Mungkin juga kerana di situlah tempat manusia mengakui segala dosa dan kesalahannya[1].

---

[1] Lihat: Al-Fakihi, Akhbar Makkah 5/9 No. 2724, An-Nawawi, Tahzib Al-Asma' 2/55, Abu Sulaiman, Arafat Al-Masy'ar wa Asy-Sya'irah 16, 'Atiyyah, Ma'a Ar-Rasul fi Hajjatil wada' 50. Ibnu Nasirudin, Juz Fi Fadl Yaum Arafah 33.

Arafah merupakan salah satu *masy'ar* (tempat ibadat) haji di luar batas Tanah Haram Makkah. Jaraknya kira-kira 22km dari sebelah tenggara Masjidil Haram. Luasnya kira-kira 10.4km persegi[1].

Wukuf di Arafah merupakan rukun haji yang utama. Sesiapa yang meninggalkannya maka hukumnya adalah seperti tidak melakukan haji, kerana Rasulullah ﷺ telah bersabda:

((الحج عرفة)) رواه أبو داود والترمذي.

Maksudnya: "Haji itu ialah Arafah"[2].

Jika seseorang yang telah berniat haji tidak sempat untuk berwukuf maka terlepaslah hajinya pada tahun tersebut.

a- Fadhilat Hari Arafah.

Hari Arafah mempunyai banyak kelebihan sebagaimana yang diriwayatkan di dalam banyak hadis. Di antaranya ialah:

1- Pembebasan daripada api neraka.

'Aishah ؓ berkata, Rasulullah ﷺ telah bersabda:

((ما من يوم أكثرَ من أن يعتق الله فيه عبداً من النار، من يوم عرفة، وإنه ليدنو ﷻ ثم يباهي بهم الملائكة فيقول: ما أراد هؤلاء)). مسلم.

Maksudnya: "Tidak ada hari yang Allah ﷻ membebaskan ramai hamba-Nya daripada api neraka lebih ramai dari hari Arafah. Allah ﷻ hampir dengan hamba-

[1] Lihat: Al-Fasi, Syifa' Al-Gharam 1/306, At-Tarikh Al-Qawim 5/324, Al-Biladi, Ma'alim Makkah 182, Abu Sulaiman, Arafat 17.

[2] Sunan Abu Daud No. 1949, Sunan At-Tirmizi No. 889. (Sahih).

Nya dan berbangga-bangga dengan mereka kepada malaikat dengan berfirman: "Apa yang mereka mahu?"[1].

2- Limpahan rahmat dan pengampunan dosa.

Sabda Rasulullah ﷺ:

عن ابن عمر رضي الله عنه قال رسول الله ﷺ: ((وأما وقوفك عشية عرفة؛ فـإن الله يهبط إلى سماء الدنيا فيباهي بكم الملائكة يقول: عبادي جاؤني شعثاً من كل فج عميق يرجون جنتي، فلو كانت ذنوبكم كعدد الرمل، أو كقطـر المطر، أو كزبد البحر؛ لغفرها، أفيضوا عبادي مغفوراً لكم، ولمن شـفعتم له)). رواه الطبراني في الكبير والبزار وغيرهما.

Maksudnya: "Wukuf yang kamu lakukan pada hari Arafah, sesungguhnya Allah ﷻ turun ke langit dunia (paling bawah) dan berbangga-bangga dengan kamu kepada malaikat dengan firman-Nya: "Hamba-hamba-Ku datang dari segenap pelusuk dunia yang jauh, dalam keadaan tidak terurus dan berdebu-debu tubuh mereka, semata-mata mengharapkan syurga-Ku. Jika mereka datang dengan dosa sebanyak bilangan pasir, titisan hujan atau buih di lautan nescaya Aku akan menghapuskan kesemuanya. Allah ﷻ berfirman: "Keluarlah kamu daripada Arafah dengan dosa yang telah diampunkan daripada kamu dan bagi sesiapa yang kamu meminta ampun untuk mereka"[2].

---

[1] Sahih Muslim No. 1348.

[2] Hadis ini diriwayatkan oleh Al-Bazzar. Kata Al-Haithami: "Perawi hadis Al-Bazzar *mauthuqun* (boleh dipercayai). Lihat: Majma' Az-Zawaid 3/274. At-Tobarani, Al-Kabir 12/425. Sahih At-Targhib wa At-Tarhib 2/10 (Hasan Li Ghairihi), Sahih Al-Jami' As-Saghir 1/429 No. 1373, Al-Ghabban, Fadhail Makkah 649.

Rasulullah ﷺ bersabda:

((ما رئي الشيطان يوماً هو فيه أصغر، ولا أدحر، ولا أحقر، ولا أغيظ منه في يوم عرفة، وما ذاك إلا لما يرى فيه من تَنَزُّلِ الرحمة، وتجاوز الله عن الذنوب العظام)) رواه مالك والبيهقي من طريقه وغيرهما وهو مرسل.

Maksudnya: "Syaitan tidak pernah kelihatan lebih kecil, lebih lemah dan kalah dan lebih marah selain daripada hari Arafah kerana ia melihat limpahan rahmat diturunkan dan Allah mengampunkan dosa-dosa besar"[1].

3- Kelebihan berpuasa pada hari Arafah.

Di antara kelebihan hari Arafah juga, sesiapa yang berpuasa pada hari tersebut (bagi mereka yang tidak mengerjakan haji[2]) dosanya akan dihapuskan untuk tahun yang sebelum dan selepasnya.

Diriwayatkan daripada Abu Qatadah bahawa seorang lelaki telah berkata:

"Wahai Rasulullah, beritahu kepada kami mengenai kelebihan puasa pada hari Arafah." Baginda ﷺ bersabda:

((أحتسب على الله أن يكفر السنة الباقية والماضية)). مسلم

Maksudnya: "Aku berharap agar Allah ﷻ akan menghapuskan dosa pada tahun yang sebelum dan selepasnya"[3].

---

[1] Al-Muwatta' 1/422, Al-Fakihi, Akhbar Makkah 5/26. (Dha'if) Lihat: Dha'if At-Targhib wa At-Tarhib 367 No. 739.

[2] Menurut mazhab Asy-Syafi'ie, bagi jemaah haji lebih baik tidak berpuasa untuk menguatkan diri dengan amalan zikir dan doa. Lihat: An-Nawawi, Al-Idhah 283, Ibnu Nasirudin, Juz Fi Fadl Yaum Arafah 40.

[3] Sahih Muslim No. 1162.

4- Sebaik-baik doa ialah doa hari Arafah.

عن عمرو بن شعيب عن أبيه عن جده ﷺ أن النبي ﷺ قـــال: ((خير الدعاء دعاء يوم عرفة، وخير ما قلت أنا والنبيون من قبلي: لا إله إلا الله وحده لا شريك له، له الملك وله الحمد، وهو على كل شيء قـــدير)).

رواه الترمذي.

Maksudnya: "Sebaik-baik doa ialah doa yang dibaca pada hari Arafah, dan sebaik-baik ucapan yang aku ucapkan serta nabi-nabi sebelumku ialah:

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ .

"Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah Yang Esa tiada sekutu bagi-Nya, bagi-Nya kerajaan dan bagi-Nya kepujian, dan Dia berkuasa ke atas setiap sesuatu"[1].

Arafah

[1] Sunan At-Tirmizi No. 3585 (Hasan) Lihat: Al-Albani, Sahih At-Tirmizi 3/184 No. 2837, As-Silsilah As-Sahihah 4/6 No. 1503.

b- Wasiat Rasulullah ﷺ di Arafat.

Baginda Rasulullah ﷺ bertolak ke Arafah dari Mina setelah naik matahari pada pagi 9 Zulhijjah. Sebuah khemah telah didirikan untuknya di sana. Baginda berada di dalam khemah tersebut sehingga tergelincir matahari (zuhur). Rasulullah ﷺ mengarahkan agar disiapkan untanya Al-Qaswa', lalu dinaiki oleh Baginda sehingga ke Wadi 'Uranah, di mana lebih kurang 124 atau 144 ribu manusia sedang berhimpun di sekeliling Baginda. Di situ Baginda telah bangun berdiri lalu menyampaikan khutbah yang bersejarah ini:

"الحمد لله نحمده ونستعينه، ونستغفره ونتوب إليه، ونعوذ بالله من شرور أنفسنا ومن سيئات أعمالنا، من يهدي الله فلا مضل له، ومن يضلل فلا هادي له، وأشهد أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له، وأشهد أن محمداً عبده ورسوله...

"Wahai manusia! Sila dengar apa yang akan ku katakan ini. Aku tidak tahu apakah aku akan dapat bersama kamu semua lagi di sini selepas tahun ini, di tempat ini selamanya.

1- Sesungguhnya darah kamu, harta benda kamu dan kehormatan diri kamu telah terpelihara (diharamkan) sebagaimana diharamkan hari ini, bulan ini dan bandar ini (Makkah dan kawasan sekitarnya).

2- Sesiapa yang memegang amanah, maka dia hendaklah mengembalikan amanah tersebut kepada tuan punyanya.

3- Ingatlah! Segala amalan jahiliyyah telah berada di bawah tapak kakiku (iaitu telah dihapuskan).

4- Tuntutan hutang darah di zaman Jahiliyyah (sebelum Islam) telah diampunkan. Tuntutan darah pertama yang aku batalkan adalah darah Ibnu Rabi'ah bin

Al-Haris yang disusukan oleh Bani Sa'ad kemudian telah dibunuh oleh Huzail.

5- Riba adalah haram dan aku memulainya dengan membatalkan riba yang akan diterima oleh Abbas bin Abdul Muttalib. Sesungguhnya ia dihapuskan keseluruhannya.

6- Wahai manusia! Takutilah Allah ﷻ di dalam urusan yang berkaitan dengan wanita. Sesungguhnya kamu telah mengambil mereka sebagai amanah daripada Allah ﷻ, dan mereka telah dihalalkan kepada kamu dengan Kalimat Allah. Wajib ke atas mereka untuk menjaga kehormatan kamu dan menjaga diri daripada melakukan perbuatan buruk, jika mereka lakukannya maka kamu berhak untuk menghukum mereka, tetapi bukanlah dengan pukulan yang mencederakan. Jika isteri-isteri kamu setia dan jujur terhadapmu, maka wajib ke atas kamu menjaga makan-pakai mereka dengan baik.

7- Semua orang mukmin adalah bersaudara, oleh itu, tidak halal bagi seseorang muslim mengambil harta orang lain kecuali setelah mendapat kebenaran daripada tuannya.

8- Jangan kamu kembali menjadi kafir selepas pemergianku, di mana sebahagian daripada kamu memerangi sebahagian yang lain. Aku telah tinggalkan untuk kamu suatu panduan, jika kamu berpegang teguh dengan ajarannya, maka kamu tidak akan sesat selama-lamanya; Kitab Allah dan Sunnah Nabi-Nya.

9- Wahai manusia! Sesungguhnya tidak ada lagi nabi selepasku dan tidak ada lagi umat selepas kamu. Maka aku menyeru agar kamu menyembah Allah ﷻ Tuhan kamu dan menunaikan solat lima waktu, berpuasa pada bulan Ramadhan serta mengeluarkan zakat hartamu dengan

kerelaan. Dan kerjakanlah haji ke Rumah Suci Tuhanmu (Ka'bah), untuk itu kamu akan masuk syurga Tuhanmu.

10- Tuhan kamu adalah Esa, datuk kamu pula adalah satu, kamu semua berasal daripada Adam dan Adam telah dijadikan daripada tanah. Orang yang paling baik di kalangan kamu ialah mereka yang paling bertakwa kepada Allah. Tidak ada kelebihan bagi bangsa Arab terhadap bangsa lain kecuali dengan takwa.

11- Allah ﷻ telah menetapkan hak menerima pesaka kepada keluarga si mati, oleh itu tidak boleh membuat wasiat kepada penerima pesaka. Sesungguhnya laknat Allah ﷻ ke atas sesiapa yang mengaku sebagai bapa kepada bukan bapanya yang sebenar, juga laknat dari para malaikat dan seluruh manusia.

12- Kemudian kamu akan disoal tentang aku, maka apa yang akan kamu jawab?

Mereka menjawab: Kami bersaksi bahawa tuan telah menyampaikan dan menyempurnakan Risalahmu.

Baginda ﷺ lalu mengangkat tangannya ke langit dan menurunkannya ke arah orang ramai sambil berkata: "Ya Allah! Saksikanlah".

Baginda Rasulullah telah mengucapkannya sebanyak tiga kali. Orang yang mengulang kembali ucapan Rasulullah ﷺ dengan kuatnya di Arafah ialah Rabi'ah bin Umayyah bin Khalaf ؓ[1].

Ulama' telah berbeza pendapat mengenai khutbah hari Arafah. Jumhur ulama' (Hanafi, Maliki dan Syafi'ie) mengatakan ianya adalah dua khutbah, seperti khutbah

[1] Lihat: Sahih Muslim No. 1218, Al-Mubarakfuri, Ar-Rahiq Al-Maktum 542-544, M. Al-Wathaiq As-Siyasiyyah 306-309.

Jumaat. Manakala Ulama' Hanbali pula mengatakan: ianya adalah satu khutbah sahaja[1].

c- Wadi 'Uranah.

Suatu lembah yang terletak di akhir Tanah Haram, iaitu sebelum sampai ke Arafat. Wadi 'Uranah merupakan sempadan di antara Tanah Haram dengan Tanah Halal. Hari ini, sebahagian daripadanya berada di bahagian depan Masjid Namirah.

Wadi Uranah

d- Masjid Namirah.

Nama masjid ini diambil daripada nama bukit Namirah atau Namrah yang terletak di bahagian barat masjid. Masjid ini juga dikenali dengan nama Masjid Ibrahim, nisbah kepada Nabi Ibrahim ﷺ[2].

---

[1] Lihat: Abu Sulaiman, Arafat 38.

[2] Sebahagian ulama' mengatakan nisbah Masjid Namirah kepada Nabi Ibrahim ﷺ tidak ada asal yang boleh dijadikan sandaran kepadanya. Lihat: Ibnu Jama'ah, Hidayah As-Salik 3/988.

Pada hari Arafah, Rasulullah ﷺ berkhemah di Namirah, dan setelah tergelincir matahari Baginda berpindah ke bahagian tengah lembah 'Uranah. Kemudian Baginda berkhutbah, menunaikan solat Zuhur dan Asar secara *jama' taqdim* di situ. Selepas itu Baginda berpindah semula ke tempat wukuf di pinggir Bukit *Ilal* (Rahmah) di Arafah. Apabila terbenamnya matahari, Nabi ﷺ berangkat menuju ke Muzdalifah.

Masjid ini mempunyai struktur binaan yang sangat ***ajaib***. Bahagian depannya terkeluar dari tanah Arafah manakala bahagian belakangnya termasuk ke dalam sempadan Arafah. Keadaan ini berlaku kerana di awal pembinaannya oleh kerajaan Abbasiyah, masjid ini telah didirikan di tempat khutbah dan solat Nabi ﷺ di Lembah 'Uranah yang bukan daripada bahagian Arafah. Selepas pembesaran masjid ini sepanjang sejarah, bahagian belakangnya telah masuk ke dalam sempadan Arafah manakala bahagian depannya tetap terkeluar dari tanah Arafah.

Masjid Namirah

Di dalamnya terdapat tanda-tanda yang menunjukkan bahagian-bahagian tersebut. Oleh itu, jika ingin berwukuf di dalam masjid tersebut, para jemaah haji hendaklah memastikan yang mereka berada di bahagian yang betul agar sah haji mereka[1].

e- Jabal (Bukit) Rahmah di Arafah.

Bukit ini mempunyai beberapa nama. Namanya yang disebut dalam kitab serta masyhur di kalangan ahli bahasa ialah "Jabal *Ilal*" atau "*Alal*". Ia dikenali juga dengan nama "Jabal *Arafah*".

Namun begitu, nama yang masyhur sekarang dikenali dengan nama "Jabal *Rahmah*".

Menurut Sheikh Bakar Abu Zaid: Buku terawal yang mencatat nama ini ialah "*Safar Namah*" yang telah ditulis oleh seorang pengembara yang bernama Nasir Khasru (meninggal dunia tahun 444H). Selepas itu, nama ini mula dicatit oleh ulama' dalam kitab-kitab mereka. Mungkin diberi nama tersebut sempena dengan limpahan rahmat Allah ﷻ yang dikurniakan kepada jemaah haji yang berwukuf di Arafah[2].

Ianya juga disebut sebagai "*An-Nabit*" (kerana seperti sebuah *nabtah* iaitu tanaman di dataran yang sama) atau "*Al-Qurain*" yang bererti bukit kecil.

Bukit Rahmah adalah sebuah bukit kecil yang terbentuk daripada batu-batu besar yang keras, terletak di timur Arafah, di antara jalan No.7 dan 8. Jaraknya dari masjid Namirah lebih kurang 1.5 km. Jumlah anak tangga

---

[1] Lihat: At-Tarikh Al-Qawim 5/338.
[2] Lihat: Abu Zaid, Jabal Ilal 17.

untuk naik ke puncaknya adalah sebanyak 168 buah. Puncaknya cukup luas, dikelilingi oleh dinding yang mempunyai ketinggian lebih kurang 57cm. Di tengahnya terdapat tiang bersegi empat yang berukuran 8m tinggi dan 1.8m lebar setiap sisinya[1].

Jabal Rahmah (Ilal) dan As-Sakhrah

f- As-Sakhrah.

As-Sakhrah ialah batu tempat Rasulullah ﷺ berwukuf, sebagai tanda baginya, sebuah masjid telah dibina di tempat ini. Masjid ini terletak di pinggir Jabal Rahmah, iaitu terletak di bahagian kanan tangga untuk naik ke bukit, juga berdekatan dengan batu besar. Masjid ini sudah tiada lagi, kesannya masih ada bekas binaan yang dibuat seperti lingkungan.

---

[1] Lihat: Abu Zaid, Jabal Ilal 10-14, Abu Sulaiman, Arafat 77, M. Ilyas, Tarikh Makkah 119.

Di sini adalah tempat Rasulullah ﷺ berwukuf pada hari Arafah sewaktu mengerjakan Hajjatul Wada'. Baginda berada di atas untanya dan menghadap ke arah kiblat, sambil mengangkat kedua tangannya serta berdoa kepada Allah ﷻ sehingga terbenam matahari[1].

Ayat ini telah turun di sini:

﴿ ٱلْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِى وَرَضِيتُ لَكُمُ ٱلْإِسْلَٰمَ دِينًا ﴾ (المائدة: ٣).

Maksudnya: "Pada hari ini Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, mencukupkan nikmat-Ku ke atas kamu dan meredhai bagi kamu Islam sebagai agamamu"[2].

Apabila mendengar ayat ini, Umar bin Al-Khattab ؓ terus menangis. Apabila ditanya beliau menjawab: "Tidak akan datang selepas kesempurnaan melainkan kekurangan"[3].

Diriwayatkan bahawa Tariq bin Shihab berkata: Seorang lelaki yahudi datang kepada Umar bin Al-Khattab dan berkata: "Wahai Amirul Mukminin, terdapat satu ayat dalam kitab kamu jika ianya diturunkan kepada kami kaum yahudi, kami akan jadikan hari itu sebagai satu perayaan". Lalu Umar bertanya: "Apakah ayat itu?" Katanya:

﴿ ٱلْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ .... ﴾ الآية.

---

[1] Lihat: At-Tarikh Al-Qawim 5/343, Abu Zaid, Jabal Ilal 15, Abu Sulaiman, Arafat 75, M. Ilyas, Tarikh Makkah 118.

[2] Surah Al-Maidah: 3.

[3] Lihat: Al-Mubarakfuri, Ar-Rahiq Al-Maktum 544.

Umar menjawab: "Kami tahu hari dan tempat di mana ayat tersebut diturunkan kepada Rasulullah ﷺ; iaitu ketika Baginda sedang berdiri di Arafah pada hari Jumaat"[1].

Perhatian:

Ramai ulama' telah menyebut bahawa tidak ada dalil khusus yang menyebut tentang kelebihan bukit ini, bahkan ianya sama seperti bumi Arafah yang lain. Maka tidak disyariatkan untuk naik ke atasnya. Begitu juga dengan perbuatan sebahagian daripada jemaah haji yang menganggap naik ke atas bukit tersebut dengan bertujuan untuk melambai atau menyeru orang yang belum datang mengerjakan haji akan menyebabkan mereka akan terpilih untuk datang mengerjakan haji[2].

Bagi orang yang mengerjakan haji adalah lebih afdhal jika boleh berwukuf di tempat Nabi ﷺ berwukuf. Jika tidak, maka berwukuflah di mana-mana bahagian bumi Arafah, kerana Nabi ﷺ telah bersabda:

((وقفت هاهنا، وعرفة كلها موقف)) مسلم.

Maksudnya: "Aku berwukuf di sini dan bumi Arafah semuanya adalah tempat wukuf"[3].

---

[1] Sahih Al-Bukhari No. 45, Sahih Muslim No. 3017.
[2] Lihat: An-Nawawi, Al-Majmu' 8/.107, Abu Zaid, Jabal Ilal 32,75.
[3] Sahih Muslim No. 1218.

2- Muzdalifah.

Ianya terletak di antara Mina dan Arafah.

Muzdalifah juga dikenali sebagai *Jam'* (جمع) kerana manusia berkumpul (*ijtima'*) di situ.

Dinamakan dengan Muzdalifah kerana beberapa sebab:

1- Kerana manusia mendatanginya pada permulaan malam atau tengah malam.

2- Kerana manusia meninggalkannya secara serentak.

3- Kerana di sana manusia telah berada berhampiran dengan Mina.

4- Juga dikatakan Adam dan Hawa telah berjumpa di situ, serta kerana manusia berkumpul di situ[1].

Ia terletak di antara dua *ma'zim* (lorong di antara dua bukit), iaitu di antara *Arafat* dan *Muhassir*. Ma'zim Arafat dipanggil *Al-Madhiq* yang bererti lorong yang sempit.

Beberapa orang ulama' telah memberi pengertian ini termasuk Imam Asy-Syafi'ie dalam kitabnya "Al-Umm". Beliau berkata: "Sempadan Muzdalifah terbentang di antara dua Ma'zim Arafat, sehingga kamu berada di Qarn Muhassir. Begitu juga di bahagian kanan dan kiri seluruh kawasan ini, lorong-lorong bukit dan pokok-pokok. Kesemuanya merupakan kawasan Muzdalifah"[2].

Jarak di antara dua Ma'zim dengan Wadi Muhassir ialah 4km lebih. Luasnya pula ialah 12.25km[3].

---

[1] Lihat: Al-Fakihi, Akhbar Makkah 4/312, M. Ilyas, Tarikh Makkah 113.

[2] Al-Umm 3/549. Cet. Dar Al-Wafa' 1422H.

[3] Lihat: Abu Sulaiman, Al-Muzdalifah Al-Masy'ar wa Asy-Sya'irah 16, M. Ilyas, Tarikh Makkah 113.

Muzdalifah merupakan suatu tempat ibadat (*Al Masy'ar Al-Haram*) yang telah disebut oleh Allah Ta'ala di dalam kitab-Nya:

(البقرة: ١٩٨).

Maksudnya: "Apabila kamu berangkat dari Arafah maka sebutlah nama Allah di Al-Masy'ar Al-Haram (Muzdalifah)". (Al-Baqarah: 198).

Pendapat yang masyhur menyatakan bahawa Al-Masy'ar Al-Haram ialah seluruh kawasan di dalam sempadan Muzdalifah.

Namun, ada sebahagian ulama' mengatakan Al-Masy'ar Al-Haram hanyalah sebahagian daripada Muzdalifah, bukan seluruhnya. Dalam hadis Jabir ﷺ yang terperinci mengenai haji Rasulullah ﷺ, terdapat dalil yang menunjukkan bahawa Al-Masy'ar Al-Haram hanyalah sebahagian daripada Muzdalifah dan bukan seluruh kawasannya, kerana dalam hadis ini -menyebut bahawa Rasulullah ﷺ bermalam di Muzdalifah dan menunaikan solat fajar di situ-: "Rasulullah menunggang untanya Al-Qaswa' sehingga Baginda tiba di Al-Masy'ar Al-Haram. Baginda terus berpaling ke arah Kiblat dan berdoa serta bertahmid dan bertakbir sambil berdiri".

Pada 9 Zulhijjah para jemaah haji diwajibkan bermalam (mabit) di Muzdalifah selepas meninggalkan Arafat setelah terbenamnya matahari.

Semasa Haji Wada', Rasulullah ﷺ melakukan solat Maghrib dan Isya' secara *jama' ta'khir* di sini[1].

---

[1] Sahih Al-Bukhari No. 1673.

Bermalam (*mabit*) di Muzdalifah adalah salah satu daripada wajib haji. Sesiapa yang meninggalkannya maka diwajibkan ke atasnya membayar dam. Adalah sesuatu yang *mustahab* (disukai) untuk mengikut contoh yang telah dilakukan oleh Rasulullah ﷺ dengan bermalam di Muzdalifah sehingga waktu fajar lalu menunggu sehingga hari siang. Tetapi tidak menjadi kesalahan bagi orang-orang yang lemah dan orang perempuan untuk keluar lebih awal dan pergi ke Mina sebelum terbit matahari[1].

Masjid Al-Masy'ar Al-Haram.

Perkataan *Al-Masy'ar* ini diambil daripada *Asy-Syi'ar* yang bermaksud: Alamat atau tanda. Tempat ini dinamakan sedemikian kerana ianya merupakan salah satu daripada amalan haji, dan disifatkan dengan "*Al-Haram*" kerana kedudukannya yang berada di dalam Tanah Haram. Tidak boleh dilakukan sesuatu perkara yang tidak diizinkan padanya[2].

Disifatkan dengan "*Al-Haram*" untuk membezakan dengan Arafah yang merupakan *masy'ar* (tempat ibadat haji) yang berada di luar Tanah Haram, Wallahu a'lam.

Masjid ini terletak di jalan No.5 di Muzdalifah. Ini merupakan tanda tempat di mana Rasulullah ﷺ bermabit di Muzdalifah. Jaraknya dari Masjid Khaif adalah sekitar 5km dan dari Masjid Namirah jaraknya ialah 7km[3].

---

[1] Lihat: At-Tarikh Al-Qawim 5/315, Al-Mubarakfuri, Tarikh Makkah 102-103.

[2] Lihat: At-Tarikh Al-Qawim 5/315.

[3] Lihat: At-Tarikh Al-Qawim 5/315, Abu Sulaiman, Al-Muzdalifah 101, M. Ilyas, Tarikh Makkah 115.

Diriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ melalui jalan "*Dhab*" ketika menuju masuk ke Arafah dan keluar darinya menuju ke Muzdalifah melalui jalan "*Ma'zimain*"[1].

Menurut Dr. Ab. Malik Ibnu Duhais: "Ma'zim Arafah (Ma'zamain) yang dikenali oleh penduduk Makkah pada masa sekarang dengan nama '*Akhsyabain*' terletak di antara jalan No. 5 dan 6, juga merupakan laluan untuk pejalan kaki (pedestrian). Manakala jalan 'Dhab' terletak di antara jalan No. 3 dan 4"[2].

Masjid Al-Masy'ar Al-Haram

[1] Lihat: Al-Azraqi, Akhbar Makkah 2/194, An-Nawawi, Al-Idhah 271.

[2] Lihat: Ta'lik kepada Akhbar Makkah Lil Fakihi 4/312.

3- Mina.

Mina merupakan salah satu daripada *Al-Masy'ar Al-Haram.* Ia terletak di dalam kawasan Tanah Haram di antara Makkah dan Muzdalifah, iaitu sekitar 7km dari bahagian timur laut Masjidil Haram. Jika melalui terowong (tunnel) pula jaraknya adalah 4km.

Tempat ini dinamakan sebagai Mina kerana beberapa sebab, antaranya:

1) Kerana banyak darah korban (*hadyu*) yang ditumpahkan di situ.
2) Bermaksud tempat manusia berkumpul, kerana di situ berkumpulnya para manusia (jemaah haji).
3) Juga bermaksud cita-cita atau harapan.

Kisahnya adalah seperti berikut, ketika Jibril mahu berpisah dengan Nabi Adam ﷺ di Mina, (iaitu meninggalkannya di bumi ini) beliau telah bertanya kepada Adam tentang perkara yang dihajatinya. Adam menjawab: "Aku mengharapkan syurga"[1].

Kata Imam An-Nawawi: Pendapat yang pertama ialah pendapat yang betul menurut ahli bahasa dan sejarah[2].

Mina adalah tempat para jemaah haji berkumpul pada hari Tarwiyah (8 Zulhijjah) sehingga matahari naik di atas Bukit *Thabir* pada hari Arafah (9 Zulhijjah) dan kembali semula pada Hari Raya Korban serta bermalam (mabit) pada hari-hari Tasyriq (11,12 dan 13 Zulhijjah) yang berikutnya. Di sini para jemaah haji melakukan salah satu amalan yang wajib dalam ibadat haji iaitu melontar di tiga

---

[1] Lihat: Al-Fakihi, Akhbar Makkah 4/246, Al-Azraqi, Akhbar Makkah 2/180, Mizzi, Buhus 'An Masya'ir 111.

[2] Lihat: Al-Majmu' 8/147.

Jamarat. Menyembelih *hadyu* (korban atau dam) mereka sebagai mengikuti sunnah Rasulullah ﷺ, yang melakukannya kerana mengikut sunnah Nabi Ibrahim عليه السلام yang telah melontar syaitan dan menyembelih kibas sebagai ganti sembelihan untuk anaknya Nabi Ismail عليه السلام. Mina akan dipenuhi manusia pada musim haji, tetapi ianya hampir kosong pada waktu lain pada sepanjang tahun kecuali orang-orang yang tinggal di situ[1].

Kawasan sempadan bagi Mina ialah daripada *Wadi Muhassir* sehingga ke *Al-Aqabah*, iaitu tempat terletaknya Jamrah yang paling dekat dengan Makkah dan dinamakan sebagai Jamratul Aqabah.

Perjanjian Aqabah Pertama dan Kedua berlaku berdekatan dengan Jamratul Aqabah ini, iaitu tempat di mana Rasulullah ﷺ telah menerima sumpah setia (*bai'ah*) daripada kaum Ansar dahulu[2].

Jamrah Aqabah adalah sempadan Mina dan ianya tidak termasuk di dalam Mina menurut pendapat yang *rajih* (kuat) bagi *jumhur* (kebanyakan) ulama'[3].

Jumlah semua keluasan Mina menurut sempadan syara' ialah 8.16 km persegi. Setelah ditolak kawasan lembah (wadi), puncak bukit, jalan raya dan pejabat

---

[1] Menurut Dr. Abu Sulaiman: Kebanyakan orang yang tinggal di Mina ialah dari keturunan Quraisy, namun pada tahun 1421H pihak kerajaan telah mengarahkan semua bangunan di Mina diruntuhkan dan diganti dengan khemah kalis api. Lihat: Mina Al-Masy'ar dalam Majalah Al-Buhus Al-Fiqhiyah 11.

[2] Lihat: M. Ilyas, Tarikh Makkah 103, Al-Mubarakfuri, Tarikh Makkah 99.

[3] Lihat: Abu Sulaiman, Mina 19.

kerajaan, kawasan yang tinggal untuk khemah bagi para jemaah haji adalah lebih kurang 2.5 km persegi[1].

Peta Mina

a- Kelebihan Mina.

Antara kelebihannya ialah Mina merupakan salah satu tempat *manasik* haji, terdapatnya Masjid Khaif, juga tempat Allah ﷻ telah menghantar kibas kepada Nabi Ibrahim عليه السلام sebagai ganti sembelihan untuk anaknya Ismail عليه السلام, di dalam kisah korban yang masyhur itu.

Pada hari Hajjatul Wada' Surah *An-Nasr*[2] telah diturunkan di Mina.

Surah *Al-Mursalat*[3] juga telah diturunkan ketika Rasulullah ﷺ berada di dalam sebuah gua di Mina, dan gua tersebut dinamakan Gua *Mursalat*. Gua ini terletak di

---

[1] Lihat: Abu Sulaiman, Mina 25-26.
[2] Lihat: Ibnu Hisyam, As-Sirah 1/431, Fathul-Bari 8/734.
[3] Lihat: Sahih Al-Bukhari No. 1830.

sebuah bukit yang menghadap ke arah Yaman iaitu di belakang Masjid Khaif. Kedudukannya ini adalah sebagaimana yang diperturunkan dari satu generasi ke generasi yang berikutnya[1].

Menurut Al-Biladi pula, gua tersebut berada di antara Masjid Khaif dan Bukit Sobih (sebelah barat daya masjid), iaitu di kaki sebuah bukit yang agak tinggi di bahagian selatan masjid[2].

b- Hari-hari Mina.

Hari-hari Mina merupakan hari yang besar dalam Islam. Oleh itu, hari pertama (10 Zulhijjah) mempunyai beberapa nama seperti: "*Yaum An-Nahri*" bermakna: Hari sembelih korban, "*Yaum 'Eidil Adha*", "*Yaum Hajj Al-Akbar*" yang bermakna: Hari haji yang besar, disebabkan beberapa amalan haji dilakukan pada hari Mina.

Ketiga-tiga hari pada 11, 12 dan 13 Zulhijjah dinamakan hari Tasyriq. Sebab dinamakan sedemikian kerana para jemaah haji menjemur daging korban mereka atau kerana Mina dicerahi dengan cahaya matahari pada siang hari dan pada malamnya disirami dengan cahaya bulan.

Setiap hari-hari Mina itu pula mempunyai gelaran tertentu seperti pada hari ke 11 dikenali dengan nama "*Yaum Al-Qarr*" yang bermaksud: hari tetap dan hari rehat di Mina. Manakala hari ke 12, adalah hari "*Nafar awal*" yang bermaksud: hari para jemaah haji dibenarkan berangkat untuk meninggalkan Mina dan hari ke 13 dinamakan sebagai hari "*Nafar Thani*".

---

[1] Lihat: Al-Fasi, Syifa' Al-Gharam 1/283.
[2] Lihat: Ma'alim Makkah At-Tarikhiyyah 276.

Sebelum itu, hari ke 8 Zulhijjah dikenali dengan nama "*Hari Tarwiyah*" kerana para jemaah haji menyediakan air untuk kegunaan mereka di Arafah dan Mina selama tempoh mereka mengerjakan haji[1].

Manakala hari-hari Mina ini terbahagi kepada dua, sebagaimana yang disebut dalam Al-Quran:

Pertama: "*Ayyam Ma'dudat*" iaitu hari-hari yang berbilang, firman Allah Ta'ala:

﴿ وَاذْكُرُوا اللَّهَ فِي أَيَّامٍ مَعْدُودَاتٍ ۚ فَمَنْ تَعَجَّلَ فِي يَوْمَيْنِ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ وَمَنْ تَأَخَّرَ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ ۚ لِمَنِ اتَّقَىٰ ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّكُمْ إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ ﴾

(البقرة: ٢٠٣).

Maksudnya: "Dan berzikirlah (dengan menyebut) Allah dalam beberapa hari yang berbilang. Barangsiapa yang ingin cepat berangkat (dari Mina) sesudah dua hari, maka tiada dosa baginya. Dan barangsiapa yang ingin menangguhkan (keberangkatannya dari dua hari itu), maka tidak ada dosa pula baginya bagi orang yang bertakwa. Dan bertakwalah kepada Allah, dan ketahuilah bahwa kamu akan dikembalikan kepada-Nya". (Al-Baqarah: 203).

Maksud zikir di sini ialah membaca takbir, tasbih, tahmid, talbiyah dan sebagainya. Sebaiknya para jemaah haji meninggalkan Mina pada petang hari terakhir dari hari Tasyriq. Mereka juga boleh meninggalkan Mina pada petang hari yang kedua sebelum terbenam matahari.

---

[1] Lihat: Ibnu Nasirudin, Juz Fi Fadl Yaum Arafah 40, Abu Sulaiman, Mina 13.

Kedua: "*Ayyam Ma'lumat*" iaitu hari-hari yang maklum (ditentukan), firman Allah:

﴿ لِّيَشْهَدُوا مَنَافِعَ لَهُمْ وَيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ فِي أَيَّامٍ مَّعْلُومَاتٍ عَلَىٰ مَا رَزَقَهُم مِّن بَهِيمَةِ الْأَنْعَامِ ۖ فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطْعِمُوا الْبَائِسَ الْفَقِيرَ ﴾ (الحج: ٢٨)

Maksudnya: "Supaya mereka menyaksikan berbagai-bagai manfaat bagi mereka dan supaya mereka menyebut nama Allah pada hari yang telah ditentukan, atas rezeki yang Allah telah berikan kepada mereka berupa binatang ternak. Maka makanlah sebahagian daripadanya dan (sebahagian lagi) berikanlah untuk dimakan oleh orang-orang yang sengsara lagi fakir". (Al-Haj: 28).

Menurut Sheikh Muhammadul Amin: *At-Tahqiq* (pendapat yang benar) iaitu setelah di teliti dalam tafsir: "*Ayyam Ma'dudat*" iaitu hari-hari yang berbilang ialah hari-hari Tasyriq yang dibenarkan melontar Jamarat. Dan "*Ayyam Ma'lumat*" iaitu hari-hari yang dimaklumi pula ialah hari-hari yang dibenarkan menyembelih korban, iaitu bermula pada hari raya dan dua atau tiga hari selepasnya[1].

c- Masjid Khaif.

Masjid ini terletak di kaki bukit Sobih di bahagian selatan Mina, iaitu berhampiran dengan Jamrah As-Sughra (Jamrah Kecil).

Makna "*Khaif*" menurut bahasa ialah: tempat yang rendah di tepi bukit yang keras dan lebih tinggi daripada laluan air. Nama masjid ini diambil dari kalimah ini.

---

[1] Lihat: Tafsir Adwa' Al-Bayan 5/501, Abu Sulaiman, Mina 19.

Dari segi sejarah pula, tidak ada ahli sejarah yang mencatatkan tarikh Masjid Khaif dibina. Catatan terawal cuma menyebut ia telah dibina oleh Kerajaan Abbasiyah dan kerajaan seterusnya[1].

Masjid Khaif merupakan salah satu daripada masjid yang mempunyai pelbagai kelebihan, antaranya:

1- Ibnu Abbas ؓ berkata:

(صلّى في مسجد الخَيف سبعون نبياً، منهم موسى ؑ) رواه الفاكهي.

Maksudnya: "Tujuh puluh orang Nabi telah bersolat di masjid Khaif, antara mereka ialah Nabi Musa ؑ"[2].

2- Rasulullah ﷺ telah bersolat di sini semasa menunaikan haji. Dari Yazid bin Al-Aswad Al-'Amiri katanya: Saya bersama Rasulullah ﷺ semasa Hajjatul Wada' dan saya telah bersolat subuh bersama Rasulullah ﷺ di Masjid Khaif. Setelah selesai solat, Rasulullah ﷺ melihat ada dua orang lelaki di bahagian belakang masjid yang tidak bersolat bersama jemaah. Lalu Rasulullah ﷺ memanggil mereka dan bertanya: "Mengapa kamu tidak bersolat bersama kami?" Mereka berdua menjawab: "Kami telah menunaikan solat di tempat kami tinggal." Nabi ﷺ bersabda: "Jangan kamu berkelakuan demikian. Walaupun kamu sudah selesai solat di tempat kamu tinggal, jika kamu datang ke masjid yang orang sedang solat berjamaah hendaklah kamu bersolat bersama mereka. Solat kamu yang kedua itu merupakan sunat bagi kamu"[3].

---

[1] Lihat: Abu Sulaiman, Mina 159.

[2] Al-Fakihi, Akhbar Makkah 4/266. (Hasan) Lihat: Majma' Az-Zawaid, 3/297, Al-Albani, Tahzir As-Sajid 106, Ghabban, Fadhail Makkah 930.

[3] Hadis riwayat Imam Ahmad, Al-Musnad 29/18 (17474) Sunan At-Tirmizi No. 219. (Sahih).

Para sahabat juga mengakui akan kelebihan masjid ini dan sentiasa memujinya. Mereka juga menggalakkan orang ramai untuk bersolat di sini semasa menunaikan haji.

Diriwayatkan bahawa Ibnu Juraij berkata: "Aku berkata kepada 'Ata': Seorang peniaga sangat sibuk dengan perniagaannya semasa hari haji dan dia tidak sempat untuk menunaikan solat di Masjid Khaif sehingga selesainya haji'. 'Ata' berkata: "Biarkan dia bersolat di situ (Al-Khaif)". Aku bertanya: Adakah wajib untuk bersolat di situ?. Beliau menjawab: "Tidak, tetapi bersolatlah di situ jika mampu. Aku telah mendengar Abu Hurairah ؓ berkata: "Jika aku adalah penduduk Makkah, tidak akan berlalu hari Jumaat (Sabtu) kecuali aku akan bersolat di situ"[1].

Masjid Khaif

[1] Al-Fakihi, Akhbar Makkah 4/270-271 (Hasan).

d-Soalan di Masjid Khaif.

Abdullah bin Umar ﷺ berkata: "Aku duduk bersama Rasulullah ﷺ di Masjid Mina, tiba-tiba datang dua orang lelaki, seorang dari kalangan Ansar (orang Madinah) dan seorang lagi dari bani Thaqif (Taif). Mereka berdua memberi salam kemudian berkata: "Wahai Rasulullah, kami datang ingin bertanya kepada tuan!".

Rasulullah ﷺ pun bersabda: "Jika kamu mahu, aku khabarkan kepada kamu tentang tujuan kedatangan kamu, atau aku diam dan kamu bercakap?" Jawab dua lelaki tersebut: "Khabarkanlah kepada kami wahai Rasulullah".

Sabda Nabi ﷺ: "Kamu datang kerana ingin bertanyakan kepadaku tentang tujuan kamu keluar daripada rumah dan menuju ke Baitullah, melakukan dua rakaat solat sunat selepas tawaf, sa'ie di antara Safa dan Marwah, wukuf pada hari Arafah, melontar di Jamarat, menyembelih korban, bercukur kepala dan tawaf Ifadhah di Baitullah, semua yang kamu lakukan itu apakah yang kamu dapat daripadanya?" Jawabnya: "Demi Allah yang telah mengutuskan tuan dengan kebenaran, memang kami datang ingin bertanya tentang perkara ini".

Nabi ﷺ bersabda "Apabila kamu keluar daripada rumah kamu menuju ke Baitullah, tidak mengangkat dan meletak unta kamu kakinya melainkan Allah ﷻ tuliskan bagi kamu kebaikan dan dihapuskan kejahatan. Dua rakaat solat sunat tawaf yang kamu lakukan pahalanya adalah sama seperti memerdekakan seorang anak cucu Nabi Ismail ﷺ. Manakala sa'ie di antara Safa dan Marwah pahalanya adalah sama seperti memerdekakan tujuh puluh orang hamba.

Wukuf yang kamu lakukan pada hari Arafah, sesungguhnya Allah ﷻ turun ke langit dunia (langit yang paling bawah) dan berbangga-bangga dengan kamu di hadapan malaikat dengan firman-Nya: "Hamba-hamba-Ku datang dari segenap pelusuk dunia yang jauh, dalam keadaan tidak terurus serta berdebu-debu tubuh mereka, semata-mata mengharapkan rahmat-Ku dan takutkan azab-Ku, sedangkan mereka tidak pernah melihat-Ku, bagaimana jika mereka melihat Aku? Jika mereka datang dengan dosa sebanyak bilangan pasir, titisan hujan atau buih di lautan nescaya Aku akan hapuskan kesemuanya. Allah ﷻ berfirman lagi: "Keluarlah kamu daripada Arafah dengan dosa yang telah diampunkan daripada kamu dan bagi sesiapa yang kamu meminta ampun untuk mereka".

Setiap biji batu yang kamu lontar di Jamrah akan menghapuskan dosa kamu. Korban yang kamu lakukan pahalanya akan disimpan untuk kamu di sisi Tuhan kamu. Kepala yang kamu cukur, setiap helai rambut akan diberi pahala dan dihapuskan dosa. Tawaf Ifadhah yang kamu lakukan menjadikan kamu sudah tiada dosa lagi. Malaikat datang meletakkan tangannya di atas bahu kamu lalu berkata: Beramallah dengan amalan yang baik selepas ini, sesungguhnya dosa kamu yang lepas telah diampunkan"[1].

---

[1] Hadis ini diriwayatkan oleh Al-Bazzar. Kata Al-Haithami: "Perawi hadis Al-Bazzar *mauthuqun* (boleh dipercayai). Lihat: Majma' Az-Zawaid 3/274, Kasyf Al-Astar 2/8, Al-Ihsan 5/5, At-Tobarani, Al-Kabir 12/425. Sahih At-Targhib wa At-Tarhib 2/9, Sahih Al-Jami' As-Saghir 1/429 No. 1373, Al-Ghabban, Fadhail Makkah 649.

e- Jamrah (Jamarat).

Dalam bahasa Arab '*jamrah*' bererti batu kecil.

Terdapat tiga Jamrah yang termasuk dalam *manasik* (ibadah) haji di Mina, iaitu Jamrah As-Sughra (kecil/pertama), Jamrah Al-Wustha (tengah/kedua), Jamrah Al-Aqabah (besar).

Sebab ianya dinamakan dengan Jamrah kerana anak batu dilontar di tempat tersebut atau kerana batu lontaran yang terkumpul di situ[1].

Tiang yang berada di tengah Jamrah itu merupakan tanda sebagai tempat melontar, bukan untuk dilontar kepadanya. Kolam yang mengelilingi tiang pula telah dibina selepas tahun 1292H dengan tujuan untuk meluaskan kawasan melontar dan sekaligus dapat mengumpulkan batu lontaran.

Pada asalnya Jamrah Aqabah terletak di tepi sebuah bukit. Lontaran hanya boleh dilakukan dari satu sudut sahaja. Setelah bilangan jemaah semakin bertambah serta memerlukan kawasan tersebut untuk diluaskan, maka pada tahun 1376H Kerajaan Saudi telah meratakan kawasan Jamrah Aqabah dengan meruntuhkan bukit tersebut, kemudian dinding dibuat di sebelah bukit yang diratakan itu

Jamrah Aqabah Lama

[1] Lihat: Al-Qamus Al-Muhith, j-m-r. Abu Sulaiman, Mina 179.

sebagai tanda melontar dari sudut lontaran yang asal[1].

Kemudian dinding tersebut telah dibuang bagi mengelakkan kesesakan yang teruk pada musim haji. Akhirnya, hanya kolam bahagian tempat asal jamrah itu sahaja yang masih kekal.

Pada tahun 1383H, sebuah jambatan telah dibina untuk melontar dari tingkat atas bagi mengurangkan kesesakan, bersandar kepada fatwa Samahah Sheikh Muhammad bin Ibrahim, Mufti Arab Saudi, yang dikeluarkan pada 25/6/1382H[2].

Jarak di antara Jamrah Aqabah dengan Jamrah Wusta ialah 247meter manakala jarak di antara Jamrah Wusta dengan Jamrah Ula ialah 200 meter[3].

Ketika menunaikan haji, kita diwajibkan untuk melontar Jamrah sebagai menunaikan perintah Allah ﷻ serta mengikuti sunnah datuk kita, Nabi Ibrahim ﵇.

Allah Ta'ala telah berfirman:

﴿ قَدْ كَانَتْ لَكُمْ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ فِىٓ إِبْرَٰهِيمَ وَٱلَّذِينَ مَعَهُۥ ﴾ (الممتحنة: ٤)

Maksudnya: "Sesungguhnya telah ada contoh teladan yang baik bagimu pada Ibrahim dan orang-orang yang bersama dengannya". (Al-Mumtahanah: 4).

---

[1] Lihat: At-Tarikh Al-Qawim 5/297.

[2] Lihat: Abu Sulaiman, Mina 122.

[3] Lihat: M. Ilyas, Tarikh Makkah 112.

Juga sebagai mengikuti sunnah Nabi Muhammad ﷺ yang telah bersabda:

((خذوا عني مناسككم)).

Maksudnya: "Ambillah daripadaku pekerjaan haji kamu". Sabda Nabi ﷺ:

((إنما جعل رمي الجمار، والسعي بين الصفا والمروة، لإقامة ذكر الله عز وجل)). رواه الترمذي وقال: حديث حسن صحيح.

Maksudnya: "Sesungguhnya dijadikan (ibadat) melontar jamrah (di Mina) dan sa'ie antara Safa dan Marwah adalah untuk menghidupkan ingatan (zikir) kepada Allah"[1].

Melontar Jamrah juga menunjukkan simbolik pertentangan serta permusuhan kita dengan syaitan.

Diriwayatkan oleh Ibnu Abbas, dikisahkan bahawa ketika Nabi Ibrahim عليه السلام telah diperintahkan untuk mengerjakan haji, baginda yang ditemani Jibril bergerak menuju ke Jamrah Aqabah. Dalam perjalanan itu syaitan cuba menghalangnya, tetapi telah dilontar oleh Nabi Ibrahim عليه السلام dengan tujuh biji anak batu sehingga ia tersungkur di bumi. Ketika sampai di Jamrah Wusta, sekali lagi syaitan cuba menghalangnya dan Ibrahim عليه السلام pun melontarnya dengan tujuh biji anak batu sehingga ia tersungkur di bumi, begitu juga ketika sampai di Jamrah Ula, dan selepas itu syaitan terus lenyap tidak kelihatan lagi. Kata Ibnu Abbas: "Syaitan kamu rejam, agama datuk kamu Nabi Ibrahim, kamu ikut"[2].

---

[1] Sunan At-Tirmizi No. 902. Lihat: Dha'if At-Tirmizi No. 154-910.

[2] Lihat: Al-Azraqi, Akhbar Makkah 2/176, Sahih At-Targhib wa At-Tarhib 2/37 (Sahih), Majma' Az-Zawaid 3/259. At-Tabari, Al-Qira 49, At-Tarikh Al-Qawim 5/293.

Diceritakan juga, bahawa orang Arab Jahiliyah ketika mengerjakan haji sebelum Islam, mereka akan pergi ke jamrah untuk melontar kerana mengikut kepercayaan mereka syaitan telah dilontar di situ. Ketika Allah ﷻ memerintahkan Ibrahim عليه السلام untuk mengorbankan anaknya Ismail عليه السلام, syaitan segera datang untuk meracuni fikiran Ibrahim dengan godaan jahatnya. Akan tetapi Ibrahim sedikitpun tidak menghiraukannya bahkan melontarnya dengan batu. Peristiwa ini telah berlaku di Jamrah As-Sughra. Kemudian syaitan yang keji itu pergi pula kepada Hajar, tetapi gagal juga untuk menggodanya, bahkan telah dilontarnya dengan batu oleh Hajar di Jamrah Al-Wustha. Akhirnya, ia cuba merosakkan iman Ismail pula, tetapi Ismail عليه السلام seorang nabi yang mulia anak kepada nabi yang terpilih itu tidak tergugat sedikitpun, bahkan syaitan yang hina itu turut dilontari olehnya dengan batu. Peristiwa ini telah berlaku di Jamrah Aqabah[1].

Pada hari Haji Akhir (wada'), Rasulullah ﷺ telah menyampaikan khutbah Hari Raya Korban (*Yaum An-Nahr*) di antara Jamrah-Jamrah ini.

f- Korban.

Antara amalan yang dilakukan di Mina selain daripada melontar ialah menyembelih *hadyu*; korban atau dam.

Sewaktu Hajjatul Wada', Rasulullah ﷺ telah mengorbankan 100 ekor unta dan sebanyak 63 ekor telah disembelihnya sendiri dengan tangan Baginda yang mulia manakala yang selebihnya disembelih oleh Ali رضي الله عنه[2].

---

[1] Lihat: At-Tarikh Al-Qawim 5/292.
[2] Lihat: Sahih Muslim No. 1218.

Ini merupakan antara tanda-tanda yang ditunjukkan oleh Rasulullah ﷺ bahawa umur Baginda hanya setakat itu.

Amalan ini adalah rentetan warisan daripada sejarah yang panjang, yang sentiasa diperbaharui setiap tahun dan insya'Allah akan berkekalan sehingga ke akhir zaman. Ia merupakan satu ingatan yang berkekalan tentang satu sikap yang unik dan terpuji yang mungkin tidak akan ditemui di dalam dunia ini. Iaitu keutuhan iman Nabi Ibrahim عليه السلام serta kepatuhan mutlaknya terhadap Tuhannya Yang Maha Agung. Kedatangannya ke lembah gersang lagi kering ini (Makkah) lalu meninggalkan keluarganya di situ kerana menurut perintah Tuhannya, telah mencipta satu sejarah agung.

Setelah anaknya meningkat dewasa dan dapat membantu bapanya untuk melakukan kerja-kerja, datang pula cubaan dan dugaan yang amat besar dalam hidup mereka sebagaimana yang diceritakan sendiri oleh Allah ﷻ melalui firman-Nya ini:

﴿ وَقَالَ إِنِّي ذَاهِبٌ إِلَىٰ رَبِّي سَيَهْدِينِ ﴿٩٩﴾ رَبِّ هَبْ لِي مِنَ الصَّالِحِينَ ﴿١٠٠﴾ فَبَشَّرْنَاهُ بِغُلَامٍ حَلِيمٍ ﴿١٠١﴾ فَلَمَّا بَلَغَ مَعَهُ السَّعْيَ قَالَ يَا بُنَيَّ إِنِّي أَرَىٰ فِي الْمَنَامِ أَنِّي أَذْبَحُكَ فَانظُرْ مَاذَا تَرَىٰ ۚ قَالَ يَا أَبَتِ افْعَلْ مَا تُؤْمَرُ ۖ سَتَجِدُنِي إِن شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّابِرِينَ ﴿١٠٢﴾ فَلَمَّا أَسْلَمَا وَتَلَّهُ لِلْجَبِينِ ﴿١٠٣﴾ وَنَادَيْنَاهُ أَن يَا إِبْرَاهِيمُ ﴿١٠٤﴾ قَدْ صَدَّقْتَ الرُّؤْيَا ۚ إِنَّا كَذَٰلِكَ نَجْزِي الْمُحْسِنِينَ ﴿١٠٥﴾ إِنَّ هَٰذَا لَهُوَ الْبَلَاءُ الْمُبِينُ ﴿١٠٦﴾ وَفَدَيْنَاهُ بِذِبْحٍ عَظِيمٍ ﴿١٠٧﴾ وَتَرَكْنَا عَلَيْهِ فِي الْآخِرِينَ ﴿١٠٨﴾ سَلَامٌ عَلَىٰ إِبْرَاهِيمَ ﴿١٠٩﴾ كَذَٰلِكَ نَجْزِي الْمُحْسِنِينَ ﴿١١٠﴾ ﴾ (الصافات: ٩٩-١١٠).

Maksudnya: (Kisah ini berlaku apabila Nabi Ibrahim ﷺ mahu meninggalkan kaumnya yang engkar dan tidak menerima dakwahnya) "Dan Ibrahim berkata: Sesungguhnya aku pergi menghadap Tuhanku, dan Dia akan memberi petunjuk kepadaku. (Ibrahim ingin pergi ke suatu negeri yang dia dapat menyembah Allah ﷻ dan berdakwah). Wahai Tuhanku, anugerahkanlah kepadaku (seorang anak) yang soleh. Maka Kami sampaikan kepadanya khabar gembira dengan seorang anak yang amat sabar (Nabi Ismail ﷺ). Maka tatkala anak itu sudah dewasa dan mampu berusaha bersama-sama Ibrahim, Ibrahim berkata: "Hai anakku, sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku menyembelihmu. Maka fikirkanlah apa pendapatmu!". Ismail menjawab: "Hai bapaku, kerjakanlah apa yang diperintahkan kepadamu; insya'Allah kamu akan mendapati diriku termasuk di kalangan orang-orang yang sabar". Tatkala keduanya telah berserah diri dan Ibrahim membaringkan anaknya di atas lambungnya. Dan Kami menyerunya: "Hai Ibrahim! sesungguhnya kamu telah membenarkan mimpi itu. Sesungguhnya demikianlah Kami memberi balasan kepada orang-orang yang berbuat baik. Sesungguhnya ini benar-benar suatu ujian yang nyata". Dan Kami tebuskan anak itu dengan seekor sembelihan yang besar. (setelah ternyata kesabaran dan ketaatan Ibrahim dan Ismail ﷺ. Maka Allah melarang menyembelih Ismail dan tidak meneruskan korban. Allah ﷻ menggantikannya dengan seekor kibas yang besar. Peristiwa ini menjadi dasar pensyariatan korban yang dilakukan pada hari Raya Haji). Kami abadikan untuk Ibrahim itu (pujian yang baik) di kalangan orang-orang yang datang kemudian. (iaitu) Kesejahteraan dilimpahkan atas Ibrahim. Demikianlah

Kami memberi balasan kepada orang-orang yang berbuat baik". (As-Saffat: 99-110).

Menurut pendapat sesetengah ahli tafsir kibas tersebut telah dibawa oleh Jibril dari Syurga, dan juga dikatakan ianya merupakan kibas kepunyaan Habil iaitu korbannya yang telah diterima oleh Allah pada suatu masa dulu[1]. Wallahu a'lam.

Tempat berlakunya peristiwa penyembelihan (korban) ini telah ditanda melalui pembinaan sebuah masjid yang dinamakan Masjid *Al-Kabsy.* Masjid ini terletak di utara Jamrah Aqabah iaitu di sebelah kirinya jika menuju ke Arafah. Menurut Al-Biladi, masjid ini masih wujud pada tahun 1402H, tetapi pada hari ini 1424H, kesannya sudah tiada lagi. Kawasan masjid ini sudah termasuk di dalam kawasan pembesaran jamrah[2].

Pada tahun 1402H (1982M), Kerajaan Saudi telah membina satu tempat khas di Mu'aisim untuk proses penyembelihan serta dilengkapi dengan segala kemudahan terkini dan canggih untuk memanfaatkan daging sembelihan. Pusat penyembelihan ini boleh mengendalikan kerja-kerja menyembelih sehingga 120,000 ekor binatang sehari. Daging-daging tersebut dibekukan dan dibahagikan kepada fakir miskin di dalam negeri dan di seluruh dunia. Selepas proses pembesaran dilakukan pada tahun 1420H, pusat penyembelihan ini mampu mengendalikan kerja-kerja menyembelih sehingga 200,000 ekor sehari[3].

---

[1] Lihat: Tafsir Ibnu Kathir 4/18, Atiyyah, Ma'a Ar-Rasul fi Hajjatil Wada', 84-86.

[2] Lihat: Abu Sulaiman, Mina 174, Al-Biladi, Ma'alim Makkah 275.

[3] Lihat: Abu Sulaiman, Mina 209.

Sebelum ini daging-daging yang ditinggalkan oleh para jemaah haji akan terbiar begitu sahaja sehingga menjadi busuk dan mencemarkan kawasan sekitar. Alhamdulillah, setelah pusat penyembelihan yang canggih ini dapat didirikan, masalah-masalah seperti ini telah dapat diatasi.

Sabda Nabi ﷺ:

((نحرت ههنا، ومنى كلها منحر، فانحروا في رحالكم)) رواه مسلم.

Maksudnya: "Aku sembelih korbanku di sini (Aqabah), Mina seluruhnya adalah tempat sembelihan, sembelihlah di tempat kamu berada"[1].

---

[1] Sahih Muslim No. 1218.

Bab Lapan
Masjid-Masjid Bersejarah Di Makkah.

Masjid Bai'ah Al-'Aqabah

1- Masjid Bai'ah Al-'Aqabah.

Perjanjian Aqabah Pertama telah termaktub di sini (Mina) pada tahun ke 12 selepas kenabian Rasulullah ﷺ (621M), di antara Rasulullah ﷺ dan 12 orang daripada Kaum Aus dan Khazraj yang datang dari Yathrib (Madinah). Kumpulan tersebut terdiri 5 daripada 6 orang yang telah memeluk Islam pada musim haji tahun sebelumnya, yang diketuai oleh As'ad bin Zurarah, dan tujuh orang yang baru datang.

Lima orang yang pertama tersebut ialah: As'ad bin Zurarah, Auf bin Al-Haris, Rafi' bin Malik, Qutbah bin 'Amir, 'Uqbah bin 'Amir. Manakala Jabir bin Abdullah bin Riab ؓ (tidak datang pada tahun ini).

Mereka ini disertai oleh tujuh orang lagi. Rombongan dari kabilah Khazraj terdiri daripada: Mu'az bin Al-Harith

Ibnu 'Afra, Zakwan bin Abdul Qais, 'Ubadah bin As-Somit, Yazid bin Tha'labah, Al-Abbas bin 'Ubadah bin Nadlah, dan dua orang dari kabilah Aus iaitu: Abu Al-Haitham bin At-Taihan dan 'Uwaim bin Sa'idah ﷺ.

Mereka menyatakan keimanan mereka kepada Nabi Muhammad ﷺ dan mengakuinya sebagai Rasulullah serta mereka bersumpah setia dengan Baginda ﷺ.

Imam Al-Bukhari meriwayatkan dari 'Ubadah bin As-Somit ﷺ yang telah merakamkan peristiwa tersebut bahawa Rasulullah ﷺ telah bersabda yang bermaksud:

"Mari dan berjanjilah! Bahawa kamu tidak akan mempersekutukan Allah dengan sesuatu apapun, bahawa kamu tidak akan mencuri, tidak akan berzina, tidak akan membunuh anak-anak kamu, tidak akan menyebarkan fitnah yang diada-adakan, juga tidak akan melanggar kebenaran yang telah dibawa olehku. Sesiapa yang memenuhi semua ini, Allah ﷻ akan membalasnya dengan ganjaran yang baik dan sesiapa yang tidak menghiraukannya dan ditimpa bala di dunia ini, ianya mungkin suatu *kaffarah* (pengampunan baginya di akhirat nanti). Manakala sekiranya dosa itu tersembunyi daripada mata manusia dan tiada bala yang menimpanya, maka itu merupakan urusannya dengan Allah. Jika Allah ﷻ menghendaki, mungkin dikenakan azab ke atasnya atau Allah mengampunkannya"[1].

Perjanjian Aqabah Kedua.

Perjanjian Aqabah Kedua juga berlaku di sini, iaitu pada musim Haji tahun ke 13 selepas kenabian (622M).

---

[1] Sahih Al-Bukhari No. 3892. Lihat: Ar-Rahiq Al-Makhtum 169.

Perjanjian ini juga dikenali dengan "Perjanjian Aqabah Kubra".

Orang Islam Madinah yang telah berbai'ah dengan Rasulullah ﷺ menjadi begitu teguh dengan iman mereka serta berusaha menyebarkan Islam di kalangan kaum mereka dengan penuh semangat dan dedikasi. Pada tahun berikutnya Rasulullah ﷺ menerima *bai'ah* daripada 73 orang lelaki dan 2 orang perempuan daripada penduduk Madinah.

Mereka menjemput Rasulullah ﷺ agar berpindah ke Al-Madinah Al-Munawwarah. Sebagaimana yang diceritakan oleh Jabir bin Abdullah ؓ: "Sesungguhnya Nabi ﷺ telah menghabiskan masanya selama sepuluh tahun mengekori orang ramai ke tempat perhimpunan mereka di '*Majannah*' dan '*Ukaz*' (nama pasar) juga di Mina (pada musim haji) sambil bersabda: "Siapakah yang akan membantu dan mengikutku sehingga aku boleh menyampaikan Risalah Tuhanku dan baginya ganjaran syurga?". Tidak ada seorang pun yang mengikut dan menyambut seruannya, bahkan jika ada orang luar yang datang untuk melawat keluarga mereka di Makkah, mereka akan ditakuti dengan kata-kata ini: "Berhati-hatilah dengan pemuda Quraisy itu, jangan sampai kamu terfitnah olehnya". Apabila dia berjalan dicelah-celah khemah mereka sambil menyeru kepada Allah ﷻ, mereka akan menunjukkan ke arahnya, sehingga Allah ﷻ menghantar kami dari Yathrib (Madinah) kepadanya, maka datang seorang lelaki yang beriman dengannya dan Al-Quran dibacakan kepadanya, lalu dia kembali kepada keluarganya, berdakwah dan mengislamkan mereka, sehingga tidak ada sebuah rumah di Yathrib yang tiada

orang Islam di dalamnya. Kemudian Allah ﷻ telah memilih kami, lantas kami menerimanya serta berkumpul lebih 70 orang lelaki dari kalangan kami dan berkata: "Sampai bila kita akan membiarkan Rasulullah ﷺ dihalau di celah-celah bukit dan (berdakwah) dalam ketakutan?" Maka kami pergi kepadanya pada musim haji dan berjanji setia dengannya di Aqabah.

Al-Abbas رضي الله عنه bapa saudaranya berkata: "Wahai anak saudaraku, aku tidak mengetahui kaum mana yang datang kepada kamu, sedangkan aku amat mengenali penduduk Yathrib".

Maka kami pun berkumpul bersama Rasulullah ﷺ dan apabila Al-Abbas رضي الله عنه melihat kami, beliau berkata: "Mereka ini adalah golongan pemuda, aku tidak mengenali mereka". Kami pun bertanya: "Wahai Rasulullah ﷺ apakah ikatan setia yang kita hendak janjikan?" Lantas Rasulullah ﷺ bersabda: "Hendaklah kamu berbai'ah denganku:

1-Untuk mendengar serta taat ketika rajin dan malas.

2-Untuk membelanjakan harta pada jalan Allah ﷻ ketika susah dan senang.

3-Untuk melaksanakan amar ma'ruf dan nahi munkar.

4-Ketika menyampaikan kebenaran, hendaklah jangan takut kepada sesiapa melainkan Allah ﷻ.

5-Untuk menolongku ketika aku berada bersama kamu serta melindungiku daripada semua perkara sebagaimana kamu melindungi anak dan isteri kamu daripadanya.

Oleh itu syurga adalah balasan bagi kamu".

Maka kami semua bersumpah setia bersamanya, manakala As'ad bin Zurarah رضي الله عنه memegang tangan

Rasulullah ﷺ dia adalah yang termuda di kalangan 70 orang itu kecuali aku (Jabir)"[1].

Pada tahun 144H, Abu Ja'far Al-Mansur telah membina sebuah masjid untuk menanda tempat perjanjian ini sebagaimana yang tertulis di papan tanda (*lauhah*) yang masih terlekat pada dinding masjid itu sehingga ke hari ini. Ia mempunyai halaman terbuka yang dipagari dan dibina peneduh di bahagian depan. Masjid ini terletak kira-kira 300m dari Jamrah Aqabah, iaitu di sebelah kanan jambatan untuk turun dari Mina ke Makkah[2].

2- Masjid Jin.

Masjid ini terletak di tepi Al-Hujun, iaitu di sebelah kiri jalan menuju ke perkuburan Ma'la. Masjid ini dibina di tempat Rasulullah ﷺ melukis sebuah lingkaran di sekeliling Abdullah bin Mas'ud ؓ. Rasulullah ﷺ telah diperintahkan untuk memperdengarkan Al-Quran kepada kaum jin. Baginda pergi dan membawa bersamanya Abdullah bin Mas'ud ؓ ke Hujun yang terletak berhampiran dengan Shi'ib Abi Dubb. Sekumpulan jin datang untuk berbai'ah dengan Rasulullah ﷺ. Sekumpulan jin telah bertemu dengan Rasulullah ﷺ di An-Nakhlah ketika dalam perjalanan pulang dari berdakwah kepada kaum Thaqif di Taif. Masjid ini juga dikenali dengan nama Masjid *Al-Haras*[3].

---

[1] Lihat: Al-Fakihi, Akhbar Makkah 4/231-232, M. Al-Wathaiq As-Siyasiyyah 31, Ar-Rahiq Al-Makhtum 176.

[2] Lihat: At-Tarikh Al-Qawim 5/309, S. A. Majid, Asyhar Al-Masajid 166, M. Ilyas, Tarikh Makkah 131.

[3] Lihat: Al-Azraqi, Akhbar Makkah 2/201, At-Tarikh Al-Qawim 5/81, S. A. Majid, Asyhar Al-Masajid 98, M. Ilyas, Tarikh Makkah 133.

Masjid Jin

Abdullah bin Mas'ud ﷺ berkata: "Rasulullah ﷺ mengerjakan solat Isya'. Setelah selesai menunaikannya Baginda pun keluar dari masjid. Baginda memegang tangan Abdullah dan mereka berjalan keluar sehingga tiba di kawasan tanah yang rata di Makkah, Baginda mendudukkan Abdullah dan melukis garisan di sekelilingnya sambil berpesan kepadanya: "Jangan kamu keluar daripada garisan ini. Jika kamu keluar daripadanya maka kecelakaan akan menimpa ke atas kamu. Aku terpaksa menghalangmu kerana beberapa orang akan mendatangi kamu, tetapi kamu jangan bercakap kepada mereka dan mereka tidak akan bercakap dengan kamu".

Kemudian Rasulullah ﷺ pergi sehingga aku tidak dapat melihat Baginda. Sedang aku duduk dalam keadaan begitu, aku dapat melihat beberapa orang lelaki yang kelihatan seperti *Az-Zut* (sejenis orang hitam atau India), rambut dan badan mereka seperti bangsa itu. Mereka terus datang sehingga ke garisan itu tetapi tidak melintasinya.

Kemudian mereka pergi kepada Rasulullah ﷺ. Pada akhir malamnya Rasulullah ﷺ kembali dan mendapatiku masih di dalam garisan tersebut. Baginda bersabda: "Orang-orang ini telah menyusahkan aku pada malam ini". Baginda lalu masuk ke dalam garisan tersebut bersamaku serta meletakkan kepalanya di atas pahaku dan tidur. Apabila Baginda lena bunyi nafasnya dapat didengar"[1].

Selain daripada mendengar bacaan Al-Quran, mereka juga meminta agar diberikan bekalan (makanan), maka Rasulullah ﷺ telah memberikan kepada mereka tulang.

Dalam hadis yang lain Rasulullah ﷺ telah berpesan: "Jangan ber*istinjak* (buat bersuci selepas membuang air kecil atau besar) dengan menggunakan tulang, kerana ia adalah makanan saudara kamu dari kalangan jin[2].

3- Masjid Syajarah (Pokok).

Ahli-ahli sejarah seperti Al-Azraqi, Al-Fakihi dan Ibnu Al-Jauzi berpendapat bahawa masjid ini terletak berhadapan dengan Masjid Jin. Menurut sejarah, di situ terjadinya mukjizat tentang sebatang pokok yang tercabut dari bumi dan datang mengadap di hadapan Rasulullah ﷺ setelah dipanggil oleh Baginda. Rasulullah ﷺ kemudian menyuruhnya kembali, maka pokok tersebut kembali ke tempat asalnya[3].

---

[1] Hadis riwayat Ahmad 1/399, At-Tirmizi No. 2861, Al-Fakihi, Akhbar Makkah 4/22.

[2] Lihat: Sahih Muslim No. 450, Al-Fakihi, Akhbar Makkah 4/22.

[3] Lihat: Al-Azraqi, Akhbar Makkah 2/202, Ibnu Al-Jauzi, Muthir Al-'Azm 2/84.

Masjid Syajarah (Pokok).

Umar bin Al-Khattab ﷺ menceritakan bahawa ketika Rasulullah ﷺ sedang berada di Hujun, orang kafir menolaknya, maka Rasulullah ﷺ pun berdoa: "Wahai Tuhanku, tunjukkanlah kepadaku pada hari ini akan suatu tanda (kekuasaan Engkau), selepas itu aku tidak akan peduli kepada pendustaan kaum kafir terhadap dakwahku". Maka Rasulullah ﷺ diarah agar memanggil pokok yang berada di hadapannya, pokok tersebut pun datang serta menyampaikan salam kepadanya. Kemudian Rasulullah ﷺ mengarahkannya agar kembali semula ke tempatnya"[1].

Al-Fakihi pula meriwayatkan bahawa peristiwa ini berlaku ketika Rasulullah ﷺ sedang berada di Masjid Jin (sekarang), dimana Jin meminta bukti atau dalil daripada Baginda tentang kebenaran risalahnya, maka Rasulullah ﷺ memanggil pokok tersebut, lalu pokok itu pun datang bersama dengan akarnya dan menyaksikan bahawa

[1] Peristiwa ini diriwayat oleh Al-Bazzar dan Abu Ya'la. Kata Al-Haithami: Isnadnya 'Hasan'. Lihat: Majma' Az-Zawaid 9/10.

Muhammad adalah Rasulullah. Kemudian Rasulullah ﷺ memerintahnya agar kembali semula ke tempatnya. Setelah terjadinya mukjizat itu, lalu mereka memeluk Islam dan ber*bai'ah* (sumpah setia) kepada Baginda[1].

Daripada riwayat tersebut dapat disimpulkan bahawa mukjizat tersebut berlaku di Hujun, di mana pokok tersebut terletak di tempat bangunan Masjid Syajarah yang berhadapan dengan Masjid Jin pada masa ini. Wallahu a'lam.

Masjid ini telah diperbaharui binaannya bersama-sama dengan pembaharuan Masjid Jin pada tahun 1421H.

4- Masjid Bai'ah Ar-Ridhwan di Hudaibiyyah.

Masjid Hudaibiyyah terletak kira-kira 24km dari Masjidil Haram dan 2km di luar sempadan Tanah Haram Makkah, iaitu di jalan lama Makkah-Jeddah. Namanya diambil daripada nama telaga Hudaibiyyah. Ia juga dikenali dengan nama Asy-Syumaisi, yang diambil daripada "Telaga Syumaisi" (*Bi'r Syumaisi*).

Kawasan masjid ini merupakan tempat para sahabat melakukan *bai'ah* (janji setia) kepada Rasulullah ﷺ untuk memerangi orang kafir Quraisy, yang dikenali sebagai "*Bai'ah Ar-Ridhwan*" pada tahun 6H. Masjid ini didirikan sebagai menanda tempat tersebut[2].

---

[1] Lihat: Al-Fakihi, Akhbar Makkah 4/23, M. Ilyas, Tarikh Makkah 133.

[2] Lihat: At-Tarikh Al-Qawim 5/155, M. Ilyas, Tarikh Makkah 20.

Masjid Bai'ah Ar- Ridwan

Bai'ah Ar- Ridwan (janji setia yang diredhai).

Kisahnya, pada tahun ke 6 Hijrah Rasulullah ﷺ telah bermimpi memasuki Makkah bersama para muslimin dengan selamat dan dalam keadaan mereka sedang menunaikan umrah. Lalu Baginda ﷺ memberitahu kepada sahabatnya tentang mimpinya itu. Mereka menyangka akan dapat menawan kota Makkah pada tahun tersebut. Rasulullah ﷺ bersama para sahabat telah keluar menuju ke Makkah untuk mengerjakan umrah di samping melawat keluarga dan kampung halaman yang telah ditinggalkan selama lebih lima tahun, tetapi setelah sampai di Hudaibiyyah, kaum Quraisy menghalang mereka daripada memasuki Makkah.

Rasulullah ﷺ telah mengutus Usman bin Affan ؓ untuk berunding dengan mereka. Setelah lama menunggu, Usman tidak juga kembali. Kemudian tersebar pula khabar menyatakan bahawa beliau telah mati dibunuh. Berita ini telah menimbulkan kemarahan para sahabat lalu mereka

berbai'ah dengan Rasulullah ﷺ untuk memerangi kaum kafir sehingga ke titisan darah terakhir.

Apabila mendengar kisah ini, pihak kafir Quraisy menjadi gentar lalu mereka membebaskan semula Usman. Usman ؓ pun kembali kepada Rasulullah ﷺ dengan selamat dan turut berbai'ah bersama para sahabat yang lain. kecuali seorang munafik yang bernama Jad bin Qais.

Rasulullah ﷺ menerima bai'ah ini di bawah sebatang pokok dengan Umar memegang tangannya dan Ma'qil bin Yasar ؓ memegang dahan pokok tersebut daripada terkena Rasulullah ﷺ.

Ini adalahlah Perjanjian Ridwan (*Bai'ah Ar-Ridwan*) yang disebut oleh Allah ﷻ di dalam surah Al-Fath:

﴿ إِنَّ ٱلَّذِينَ يُبَايِعُونَكَ إِنَّمَا يُبَايِعُونَ ٱللَّهَ ﴾ (الفتح: ١٠).

Maksudnya: "Sesungguhnya orang-orang yang (berbai'ah) berjanji setia dengan kamu sesungguhnya mereka telah berbai'ah dengan Allah...". (Al-Fath :10).

﴿ لَّقَدْ رَضِيَ ٱللَّهُ عَنِ ٱلْمُؤْمِنِينَ إِذْ يُبَايِعُونَكَ تَحْتَ ٱلشَّجَرَةِ ﴾ (الفتح: ١٨)

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah telah meredhai orang-orang yang beriman yang telah berbai'ah dengan kamu di bawah pokok (di Hudaibiyyah)". (Al-Fath:18).

Pokok ini telah ditebang pada zaman Khalifah Umar bin Al-Khattab ؓ apabila beliau melihat ramai orang mengusap dan menyapunya untuk mengambil berkat.

Sulh (Perjanjian Damai).

Apabila pihak kafir Quraisy melihat kesungguhan kaum muslimin untuk mempertahankan iman mereka sehingga ke titisan darah terakhir, mereka mula menyedari

bahawa mereka tidak akan dapat menakutkan kaum muslimin dengan taktik tersebut.

Setelah bertukar-tukar beberapa orang utusan sebelum ini, akhirnya mereka bersetuju untuk membuat satu perjanjian damai dengan pihak muslimin.

Utusan yang terakhir bernama Suhail bin Amr (Suhail bererti mudah) apabila Rasulullah ﷺ melihat Suhail datang Baginda tersenyum sambil bersabda: "Insya'Allah, hari ini urusan kita akan dimudahkan". (Ini menunjukkan bahawa nama insan juga memainkan peranan yang penting, kerana itu Islam menyukai nama-nama yang baik dan indah).

Rasulullah ﷺ menerima perjanjian ini yang kemudiannya dikenali dengan nama "Perjanjian Hudaibiyyah" *(Sulh Al-Hudaibiyyah)* pada bulan Zulqi'dah tahun 6H.

Antara isi perjanjian tersebut ialah:

1-Kaum Muslimin tidak boleh memasuki Makkah pada tahun tersebut. Mereka boleh kembali semula pada tahun berikutnya tetapi tidak boleh berada di Makkah lebih daripada tiga hari. Mereka juga tidak boleh membawa sebarang senjata kecuali pedang bersarung yang mesti disimpan di dalam beg.

2-Gencatan senjata berlansung selama sepuluh tahun, yang memberi jaminan kepada kedua belah pihak untuk hidup aman dan tidak akan menyerang antara satu sama lain.

3-Sesiapa saja yang ingin bersama dengan Rasulullah ﷺ dan membuat perjanjian dengannya boleh melakukannya. Begitu juga mereka yang ingin mengikut dan membuat perjanjian dengan pihak Quraisy juga bebas melakukannya.

4-Jika sesiapa daripada kaum Quraisy yang pergi kepada Muhammad ﷺ tanpa izin penjaganya (yakni sebagai pelarian), dia hendaklah dihantar pulang kepada Quraisy, tetapi jika sesiapa daripada pengikut Muhammad ﷺ pergi kepada Quraisy, dia tidak akan dihantar pulang[1].

Timbul beberapa perselisihan pendapat dan rasa tidak puas hati apabila perjanjian ini diterima, kerana pada zahirnya isi perjanjian ini bersifat berat sebelah dan berpihak kepada kaum kafir Quraisy. Tetapi pada hakikatnya isi perjanjian ini memberi keuntungan kepada Islam. Rasulullah ﷺ lebih mengetahuinya apabila Baginda menerimanya.

Contohnya, dengan termeterainya gencatan senjata ini, Rasulullah ﷺ lebih bebas berdakwah menyebarkan Islam sehingga ke luar Tanah Arab. Baginda menghantar surat dan utusan-utusan kepada raja-raja luar seperti Raja Habsyah (Ethiopia), Raja Mesir, Raja Parsi, Caesar Raja Rom, Raja Damsyik, Gabenor Bahrain, Yamamah dan lain-lain lagi. Ini terbukti dalam tempoh dua tahun selepas termetarainya perjanjian ini, bilangan kaum Muslimin telah bertambah dua kali ganda dari sebelumnya[2].

Untuk keterangan lanjut sila lihat kitab sirah Nabi seperti "Ar-Rahiq Al-Makhtum" (The Sealed Nectar: Biography of the Noble Prophet ﷺ) dan sebagainya.

---

[1] Lihat: M. Al-Wathaiq As-Siyasiyyah 58.

[2] Lihat: Ar-Rahiq Al-Makhtum 398 dan selepasnya, M. Al-Wathaiq As-Siyasiyyah 80, 105, 109.

Pulang ke Madinah.

Setelah selesai, Rasulullah ﷺ dan para sahabatnya kembali ke Madinah. Sewaktu dalam perjalanan pulang Allah ﷻ melalui Jibril menurunkan pula wahyu ini:

﴿ إِنَّا فَتَحْنَا لَكَ فَتْحًا مُبِينًا ... ﴾ (الفتح: ١).

Maksudnya: "Sesungguhnya Kami telah memberikan kepada kamu kemenangan (*Fathan*) yang nyata...". (Al-Fath: 1)

Mukjizat.

1- Berlaku sebuah kisah menarik tentang mukjizat Rasulullah ﷺ, iaitu keluarnya air dari jari-jari tangan Baginda. Seperti yang diriwayatkan oleh Jabir ؓ, ketika berada di Hudaibiyyah, orang ramai berada dalam kehausan, dan bersama dengan Rasulullah ﷺ ada kendi kecil berisi air yang Baginda gunakan untuk berwudhu'.

Sambil tercungap-cungap, mereka berkerumun di sekeliling Rasulullah ﷺ. Lalu Baginda bertanya: "Kenapa dengan kamu semua?" Mereka menjawab: "Kami tidak mempunyai air untuk berwudhu' atau pun untuk minum, kecuali air yang ada dengan tuan". Lalu Rasulullah ﷺ meletakkan tangannya dalam kendi kecil tersebut dan air mengalir keluar dari hujung jari-jarinya seperti mata air, kemudian kami pun minum serta berwudhu' dengannya.

Jabir telah ditanya oleh seorang perawi: "Berapa jumlah kamu semua pada ketika itu?" Kata Jabir: "Andaikata ada seratus ribu orang pun ianya mencukupi, sedangkan bilangan kami hanya 115 orang"[1].

[1] Sahih Al-Bukhari No. 3576.

2- Al-Bara' ﷺ berkata: "Bilangan kami pada hari Hudaibiyyah adalah seramai 114 orang. Ada sebuah telaga di Hudaibiyyah, dan kami telah mengambil airnya hingga menjadi kering kontang. Kemudian Rasulullah ﷺ duduk di pinggir telaga, Baginda meminta air dan berkumur-kumur kemudian meludahkannya ke dalam telaga. Tidak lama selepas itu kami pun mengambil air di telaga tersebut sehingga kami puas menggunakannya"[1].

5- Masjid Al-Fath di Jumum.

Jumum terletak di Wadi *Marra Az-Zahran*, iaitu tempat perairan bagi Bani Sulaim, jaraknya ialah 25km dari utara Makkah, dan berada di jalan menuju ke Madinah (*Tariq* Hijrah).

Rasulullah ﷺ telah menghantar sekumpulan tentera di bawah pimpinan Zaid bin Harithah ﷺ dalam bulan Rabiul Awal pada tahun 6H. Kumpulan tentera ini telah dapat menangkap seorang perempuan yang menunjukkan tempat Bani Sulaim kepada mereka. Mereka kemudiannya dapat menawan unta, kambing dan tawanan lain.

Pada tahun 8H, Rasulullah ﷺ sendiri telah singgah dan bermalam di situ sebelum Pembukaan Makkah dan Baginda bersama dengan 10,000 orang sahabat ﷺ. Kemudiannya, mereka telah disertai oleh sekumpulan besar lelaki dari Bani Sulaim. Di tempat tersebut jugalah Abu Sufyan telah menerima Islam sebagaimana yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari dari Hisyam dari ayahnya: "Ketika Rasulullah ﷺ mara (ke Makkah) pada tahun Pembukaan Makkah, orang Quraisy mendapat tahu berita

---

[1] Sahih Al-Bukhari No. 3577.

ini lalu Abu Sufyan bin Harb, Hakim bin Hizam dan Budail bin Waraqa' keluar untuk mengintip khabar tentang Rasulullah ﷺ. Mereka mara sehingga tiba di Wadi *Marra Az-Zahran*. Apabila sampai di situ, mereka ternampak cahaya api yang banyak seperti api di Arafah. Abu Sufyan berkata: "Api apakah itu? Ia kelihatan seperti api di Arafah (kerana banyaknya)". Budail menjawab: "Itu adalah api Bani Amru". Abu Sufyan berkata: "Tetapi Bani Amru tidak seramai itu". Mereka kemudiannya ditangkap oleh para pengawal Rasulullah ﷺ lalu membawa mereka mengadap Rasulullah ﷺ. Abu Sufyan kemudiannya memeluk Islam". Selepas itu mereka terus mara menuju ke Makkah bersama-sama[1].

Masjid Al-Fath

Di tempat berhentinya Rasulullah ﷺ ini, sebuah masjid telah dibina yang dikenali dengan nama Masjid Al-

[1] Lihat: Al-Bukhari No. 4280.

Fath (Pembukaan) dan menjadi tempat yang penting serta dijaga oleh muslimin sepanjang sejarah.

Binaan terakhir masjid ini telah dibina oleh Sheikh Hasan Bakar pada tahun 1397H dan masih wujud hingga sekarang[1].

6- Masjid Ar-Rayah.

Imam Al-Bukhari *-rahimahullah-* meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ telah mengarahkan supaya benderanya dipacakkan di Hujun[2], dan Ibnu Hisyam berkata bahawa Rasulullah masuk ke Makkah pada Hari Pembukaan itu dari sebelah atas Makkah iaitu melalui Kada', dan sebuah kubah telah dibina di situ sebagai tanda.

Kemudian Abdullah bin Abbas bin Muhammad bin Ali bin Abdullah bin Abbas ﷺ telah membina masjid di tempat tersebut yang di kenali sebagai Masjid Ar-Rayyah pada masa kini. Ianya telah diperbaharui binaannya dan terletak di sebelah atas Makkah iaitu di Mudda'a di Jalan Ghazzah. Jaraknya dari Ka'bah mengikut jalan lurus ialah 550m.

Masjid Ar-Rayah

[1] Lihat: M. Ilyas, Tarikh Makkah 138.
[2] Lihat: Sahih Al-Bukhari No. 4280..

Masjid ini juga dikenali dengan nama Masjid Al-Judriyah kerana ianya terletak di tempat yang bernama Al-Judriyah di Ghazzah[1].

Masjid ini dikenali di kalangan para jemaah haji Malaysia sebagai "*Masjid Kucing*". Tidak ada maklumat yang diperolehi hingga ke hari ini akan sebab dinamakan sedemikian, wallahu a'lam.

7- Masjid Khalid bin Al-Walid ﷺ.

Masjid Khalid

Mengikut kisah dalam hadis yang sama[2], pada Hari Pembukaan Kota Makkah Rasulullah telah mengarahkan Khalid bin Al-Walid ﷺ dan tentera di bawah pimpinannya untuk memasuki Makkah melalui sebelah atas iaitu dari Kada', dan memacakkan benderanya berhampiran dengan rumah-rumah yang terdekat dipinggir Makkah.

Dalam riwayat lain dikatakan Khalid memasukinya dari *Al-Lait*, iaitu kawasan sebelah bawah Makkah melalui *Jarwal*. Dua orang sahabat daripada pasukan Khalid ini telah mati syahid iaitu Hubaisy bin Al-Asy'ar dan Kurz bin Jabir Al-Fihri ﷺ.

---

[1] Lihat: Asyhar Al-Masajid 90, M. Ilyas, Tarikh Makkah 135-136.
[2] Lihat: Sahih Al-Bukhari No. 4280.

Sebuah masjid telah dibina di tempat Khalid memacakkan benderanya itu yang diberi nama Masjid Khalid bin Al-Walid ﷺ. Ianya wujud sehingga sekarang di kawasan Al-Bab *Bari'ur Risam* (Harrah Al-Bab) di jalan yang juga dinamakan Jalan Khalid bin Al-Walid ﷺ. Masjid ini masih wujud sehingga sekarang dengan binaan yang baru[1].

Masjid Al-Ji'ranah

8- Masjid Al-Ji'ranah.

Ji'ranah (sebutan menurut ahli sastera) atau *Ji'irranah* (sebutan menurut ulama' hadis) kedua-duanya adalah sahih[2].

Nama ini diambil sempena nama seorang wanita yang terkenal dungunya di daerah tersebut. Sebagaimana yang

[1] Lihat: M. Ilyas, Tarikh Makkah 136.

[2] Lihat: Al-Fasi, Syifa' Al-Gharam 1/293, At-Tarikh Al-Qawim 5/161.

diriwayatkan daripada Ibnu Abbas ﷺ katanya: Ayat 92, Surat An-Nahl:

Maksudnya: "Dan janganlah kamu menjadi sebagaimana seorang perempuan yang menguraikan benangnya yang sudah dipintal dengan kuat, menjadi cerai-berai kembali...". (An-Nahl: 92). Diturunkan kepada seorang perempuan Quraisy dari kalangan Bani *Taim* yang bernama *Rithah* dan dikenali dengan nama Ji'ranah[1].

Ibnu Kathir berkata: Pendapat yang *rajih* (kuat)nya ialah: Ayat ini merupakan perbandingan kepada golongan yang membuat perjanjian kemudian membatalkannya[2].

Sekarang *Ji'ranah* atau *Ji'irranah* merupakan sebuah perkampungan di Wadi *Sarif*, jaraknya lebih kurang 24km dari timur laut Masjidil Haram. Ia juga terkenal dengan keistimewaan rasa air telaganya pada masa duhulu.

Rasulullah ﷺ pernah berhenti di sini untuk membahagikan tawanan dan harta rampasan perang Hawazin, ketika dalam perjalanan pulang daripada perang Hunain pada tahun 8H (selepas Pembukaan Makkah). Baginda juga berihram umrah di situ. Tentera Islam telah berada di Ji'ranah selama 10 malam, tetapi Rasulullah ﷺ tetap tidak membahagikan tawanan serta harta rampasan perang tersebut. Ini kerana Baginda berharap dan sedang menunggu orang-orang Hawazin yang telah bertaubat datang menyusulnya. Akhirnya, setelah harta tersebut dibahagikan di kalangan Muslimin, barulah datang

[1] Lihat: An-Nawawi, Tahzib Al-Asma' 2/58, Syifa' Al-Gharam 1/291, At-Tarikh Al-Qawim 5/162, Asyhar Al-Masajid 182.
[2] Tafsir Ibnu Kathir 2/565.

beberapa orang utusan Hawazin memohon kepada Rasulullah ﷺ agar membebaskan para tawanan beserta hartanya. Rasulullah ﷺ menyuruh para utusan tersebut untuk memilih sama ada membebaskan para tawanan atau mengembalikan harta, lalu mereka memilih pembebasan tawanan. Rasulullah ﷺ pun meminta agar kaum muslimin membebaskan semula para tawanan Hawazin dengan lembut dan baik[1].

Pembahagian harta dan iktibar.

Terdapat satu peristiwa yang dapat dijadikan pengajaran ketika berlakunya pembahagian harta rampasan ini. Orang yang pertama dan terbanyak mendapat bahagian dalam pembahagian tersebut ialah mereka yang baru masuk Islam dari kalangan pemimpin Quraisy Makkah seperti Abu Sufyan, anaknya Yazid dan Muawiyah, Hakim bin Hizam, Safwan bin Umaiyah ؓ serta lain-lain lagi.

Manakala kaum Ansar kelihatan seperti diabaikan, sedangkan mereka adalah kaum yang pertama menyambut seruan Allah ﷻ untuk berjuang bersama Rasulullah ﷺ dalam peperangan Hunain sehingga kekalahan bertukar menjadi kemenangan. Sekarang mereka hanya melihat orang yang dulunya melepaskan diri sedang memenuhkan tangan mereka dengan harta, manakala mereka tidak diberikan sesuatu apapun. Sehingga timbul desas-desus dan percakapan yang tidak baik terhadap Rasulullah ﷺ.

Apabila Rasulullah ﷺ mendengar hal ini, Baginda memanggil kaum Ansar agar datang kepadanya lalu

[1] Lihat: Sahih Al-Bukhari No. 4319, Ar-Rahiq Al-Makhtum 498.

Baginda bersabda: "Wahai kaum Ansar, aku mendengar bahawa kamu semua marah terhadapku. Tidakkah aku datang kepada kalian yang berada di dalam kesesatan, Allah ﷻ telah memberi kalian petunjuk? Kalian berada dalam kesusahan lalu Allah memberikan kekayaan? Ketika kalian sedang bermusuhan, dan Allah menyatukan hati-hati kalian?" Mereka menjawab: Bahkan...

"Wahai kaum Ansar! Apakah kamu menginginkan harta dunia ini yang dengannya aku cuba memikat orang-orang tersebut kepada Iman yang kalian telah tetap di dalamnya? Wahai kaum Ansar, tidakkah kamu berpuas hati, apabila mereka kembali dengan kambing dan untanya manakala kamu kembali bersama Rasulullah ﷺ ke tempat kamu?.

Demi Allah yang nyawaku berada di tangan-Nya! Jika tidak ada hijrah, aku akan menjadi salah seorang Ansar. Jika orang ramai pergi ke satu jalan dan lembah, manakala kaum Ansar pergi ke jalan serta lembah yang lain, pastinya aku akan mengikut kaum Ansar. Ya Allah! Rahmatilah kaum Ansar dan anak cucu mereka".

Setelah mendengar itu semua, kaum Ansar menangis sehingga membasahi janggut mereka sambil berkata: "Wahai Rasulullah, kami bersetuju dengan bahagian dan milik kami". Lalu mereka bersurai.

Setelah selesai kesemua urusan pembahagian tersebut, Rasulullah ﷺ meninggalkan Ji'ranah dalam keadaan berihram dan menuju ke Makkah untuk menunaikan Umrah (Ini adalah umrah kali ketiga yang dilakukan oleh Rasulullah ﷺ).

Dari Makkah, Rasulullah ﷺ kembali ke Madinah, pada 24 Zulqi'dah 8H[1].

Menurut Taqiyuddin Al-Fasi: "Ji'ranah merupakan tempat niat umrah yang paling baik bagi penduduk Makkah dan kawasan sekitarnya, kerana Rasulullah ﷺ telah berihram dari situ. Demikian menurut pendapat mazhab Maliki, Syafi'ie dan Hanbali"[2].

Hari ini terdapat sebuah masjid yang telah didirikan di situ yang dikenali sebagai Masjid Al-Ji'ranah, yang digunakan oleh penduduk Makkah dan muslimin yang ingin berniat ihram bagi menunaikan ibadat umrah.

Di sini juga turun ayat Al-Quran ini:

﴿ وَأَتِمُّوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ ﴾ (البقرة: ١٩٦).

Maksudnya: "Dan sempurnakanlah ibadat haji dan umrah kerana Allah". (Al-Baqarah: 196)[3].

9- Masjid At-Tan'im (Sayyidah 'Aishah).

Masjid Tan'im ini juga dikenali dengan nama Masjid Sayyidah 'Aishah kerana di situlah tempat beliau berniat ihram untuk umrah, apabila Rasulullah ﷺ menyuruhnya pada hari Hajjatul Wada', tahun 9H.

Dalam hadis Jabir bin Abdullah ؓ yang panjang ia mengisahkan: "Aishah ؓ berhadas haid, beliau telah mengerjakan semua rukun-rukun haji kecuali tawaf. Apabila haidnya berakhir dan beliau selesai mengerjakan tawaf, beliau berkata: "Wahai Rasulullah ﷺ, kamu semua telah selesai mengerjakan haji dan umrah, manakala saya

---

[1] Lihat: Sahih Al-Bukhari No. 4333, Ar-Rahiq Al-Makhtum 499-501.
[2] Lihat: Syifa' Al-Gharam 1/293.
[3] Lihat: Tafsir Ibnu Kathir 1/219.

hanya mengerjakan haji? (setelah beliau megerjakan haji *qiran*, umrah digabungkan sekali dengan haji). Maka Baginda mengarahkan Abdul Rahman bin Abu Bakar (saudaranya) agar membawanya ke Tan'im, dan 'Aisyah ﷺ berihram untuk umrah selepas menunaikan haji pada bulan Zulhijjah" [1].

Masjid At-Tan'im (Sayyidah 'Aishah)

Jarak Masjid ini ialah 7.5 km dari utara Masjidil Haram dan terletak di pinggir kanan jalan menuju ke Madinah, yang di kenali sebagai *Tariq Al-Hijrah* (Jalan Hijrah). Masjid ini merupakan sempadan Tanah Halal yang paling dekat dengan Bandar Makkah. Ia diiktiraf sebagai salah satu daripada mercu tanda Makkah dengan reka bentuk Islam yang unik dan binaan yang tersendiri[2].

---

[1] Lihat: Sahih Al-Bukhari No. 1785.
[2] Lihat: Asyhar Al-Masajid 174, Al-Mubarakfuri, Tarikh Makkah 104.

Pembunuhan Khubaib bin 'Adi ؓ.

Lebih kurang 200m dari masjid ini menuju ke arah utara jalan ke Madinah, di tepi sebuah bukit, dalam tanah halal, terdapat sebuah tempat di mana berlakunya peristiwa orang kafir Quraisy memalang (salib) seorang sahabat Nabi ﷺ yang bernama Khubaib bin 'Adi ؓ.

Pada tahun 4 Hijrah beliau dihantar oleh Rasulullah ﷺ bersama 5 atau 9 orang lagi ke Bani Lahyan sebagai guru. Setelah sampai di *Ar-Raji'* (65 km di utara Makkah, pada masa sekarang dikenali dengan nama *Al-Watiyyah*) orang yang mengiringi mereka telah membunuh orang Islam dan menawan Khubaib serta Zaid bin Ad-Dithinnah ؓ, kemudian menjual kepada orang kafir Quraisy Makkah. Setelah Quraisy berpakat untuk membunuhnya mereka membawanya keluar dari Tanah Haram. Sebelum dibunuh, beliau telah meminta kebenaran untuk bersolat dua rakaat. Mereka membenarkannya. Setelah selesai, beliau menyatakan kepada mereka: "Jika aku tidak takut kamu menyangka aku memanjangkan solatku ini kerana takut dibunuh, nescaya aku akan lakukan solatku lebih lama lagi". Beliau merupakan orang yang pertama melakukan solat sebelum dibunuh.

Khubaib juga ditanya oleh Abu Sufyan: "Adakah kamu suka jika Muhammad berada di tempat kamu ini sekarang, dan kami pancung kepalanya, sedang engkau bersama keluargamu?" Khubaib menjawab: "Demi Allah, aku tidak suka kalau aku bersama keluargaku, sedang Muhammad berada di tempatnya kesakitan terkena duri".

Abu Sufyan berkata: "Aku tidak pernah bertemu dengan seorang yang mengasihi orang lain sebagaimana

sahabat Muhammad mengasihinya". Setelah itu Khubaib digantung.

Sewaktu Khubaib ditawan dan diikat dengan besi, beliau kelihatan memegang buah anggur, sedangkan tidak ada buah-buahan di Makkah pada masa itu.

Manakala sahabatnya Zaid telah dibeli oleh Safwan bin Umayyah dan dibunuhnya[1].

Semoga Allah meredhai mereka semuanya.

Masjid Al-Ijabah

10- Masjid Al-Ijabah.

Masjid ini terletak di Hayy *Al-Mu'abdah*, yang berdekatan dengan *Thaniyyah Azakhir*, di sebelah kiri jalan menuju ke Mina, dan tidak jauh dari bangunan Dewan Bandaraya (*Baladiyah*) Makkah.

---

[1] Lihat: Sahih Al-Bukhari No. 3989, At-Tarikh Al-Qawim 5/154, Ar-Rahiq Al-Makhtum 343-344.

Dikatakan Rasulullah ﷺ pernah bersolat di tempat masjid ini[1]. Wallahu a'lam.

Masjid ini masih wujud dengan binaan yang baru.

Masjid Hamzah ؓ

11- Masjid Sayyidina Hamzah ؓ.

Masjid ini terletak di belakang bangunan Syarikat Makkah (Hilton) di Hayyu *Al-Misfalah*, di tepi Hotel *Jauharah Al-Bustan* berdekatan dengan simpang jalan Sayyidina Hamzah dengan Jalan Ibrahim Al-Khalil.

Masjid ini dikenali dengan nama "Masjid Sayyidina Hamzah ؓ". Sebab dinamakan sedemikian kerana Hamzah ؓ dikatakan dilahirkan di tempat tersebut.

Berkata Sheikh Taqiyuddin Al-Fasi *-rahimahullah-*: Saya tidak dapat sebarang bukti yang menunjukkan

---

[1] Lihat: Syifa' Al-Gharam 1/261, Ibnu Ad-Dhiya', Tarikh Makkah 76, Asyhar Al-Masajid 106, Al-Mu'jam Al-Athari 176.

kebenaran pendapat ini, bahkan penisbahan ini meragukan kerana tempat tersebut bukan perkampungan Bani Hasyim[1]. Wallahu a'lam.

Masjid ini masih wujud dan digunakan untuk solat lima waktu.

[1] Lihat: : Syifa' Al-Gharam 1/271, Ibnu Ad-Dhiya', Tarikh Makkah 79, Asyhar Al-Masajid 124, Al-Mu'jam Al-Athari 182.

Bab Sembilan
Tempat-Tempat Bersejarah.

a-Bukit-bukit (Jabal) di sekitar Makkah.

1- Bukit Safa.

Safa ialah sebuah bukit kecil yang berada lebih kurang 130m di bahagian selatan (agak ke kiri) dari Masjidil Haram. Sebuah kubah telah didirikan di atasnya sekarang. Di sinilah tempat yang disyariatkan sebagai permulaan sa'ei. Bukit Safa telah disebut di dalam Al-Quran, firman Allah:

﴿ إِنَّ ٱلصَّفَا وَٱلْمَرْوَةَ مِن شَعَآئِرِ ٱللَّهِ ﴾ (البقرة: ١٥٨).

Maksudnya: "Sesungguhnya Safa dan Marwah adalah sebahagian daripada syi'ar Allah". (Al-Baqarah:158).

Bukit ini juga menjadi saksi kepada banyak peristiwa penting yang berlaku sepanjang lipatan sejarah[1]. Antaranya:

Pertama: Dakwah Rasulullah ﷺ di atas Bukit Safa.

Rasulullah ﷺ pernah naik atas bukit ini dan menyeru orang ramai. Setelah kaum Quraisy berkumpul, Baginda telah menyeru mereka supaya beriman kepada Allah ﷻ dan Hari Akhirat serta mengingatkan mereka akan azab neraka.

Imam Al-Bukhari *-rahimahullah-* meriwayatkan daripada Ibnu Abbas ؓ katanya: "Tatkala turun ayat:

[1] Lihat: M. Ilyas, Tarikh Makkah 79-82.

Maksudnya: "Dan berilah peringatan kepada kaum kerabatmu yang terdekat". (Asy-Syu'ara':214). Rasulullah ﷺ naik ke atas Bukit Safa dan berseru: "Wahai Bani Fihr! Wahai Bani 'Adi!" (dari suku kaum Quraisy) sehingga mereka berkumpul. Sehinggakan jika ada yang tidak mampu hadir dia akan menghantar wakil untuk memastikan apa yang berlaku, dan yang hadir itu termasuk Abu Lahab dan ketua Quraisy yang lain.

Lalu Nabi ﷺ berkata: "Apa pandangan kamu semua, sekiranya aku memberitahu kepada kamu bahawa ada tentera di lembah ini yang akan menyerang kamu. Apakah kamu semua akan mempercayainya?". Mereka menjawab: "Kami tidak pernah mengenalimu kecuali sebagai seorang yang jujur". Maka Nabi ﷺ pun membalas kembali: "Sesungguhnya aku ini adalah seorang yang ditugaskan untuk memberi peringatan kepada kamu tentang azab yang pedih".

Mendengar itu semua, Abu Lahab berkata: "Celakalah kamu! Adakah kerana ini engkau mengumpulkan kami?". Setelah itu turunlah ayat:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ ﴿ تَبَّتْ يَدَا أَبِي لَهَبٍ وَتَبَّ ۝ مَا أَغْنَىٰ عَنْهُ مَالُهُ وَمَا كَسَبَ ۝ سَيَصْلَىٰ نَارًا ذَاتَ لَهَبٍ ۝ وَامْرَأَتُهُ حَمَّالَةَ الْحَطَبِ ۝ فِي جِيدِهَا حَبْلٌ مِّن مَّسَدٍ ۝ ﴾ (المسد: ١-٥).

Maksudnya: "Binasalah kedua-dua tangan Abu Lahab dan sesungguhnya dia akan binasa. Tidak akan memberi faedah kepadanya harta benda dan apa yang diusahakan. Kelak dia akan masuk ke dalam api yang bergelora. Dan (begitu pula) isterinya, pembawa kayu api, yang di

lehernya ada tali daripada api". (Al-Masad:1-5)[1].

Kedua: Quraisy meminta agar Bukit Safa dijadikan emas.

Dari Ibnu Abbas ﷺ katanya: "Orang-orang Quraisy datang kepada Rasulullah ﷺ dan berkata: "Mohonlah kepada Tuhanmu agar bukit Safa ini dijadikan sebagai bukit emas bagi kami, maka kami akan beriman selepas itu".

Rasulullah ﷺ menegaskan: "Apakah benar kamu akan melakukannya?". Lalu mereka menjawab: "Ya".

Kata Ibnu Abbas lagi: "Setelah itu Rasulullah ﷺ berdoa. Kemudian malaikat Jibril datang sambil berkata: "Sesungguhnya Tuhanmu memberi salam kepadamu dan berfirman: "Jika engkau mahu, nescaya akan dijadikan bukit Safa itu emas buat mereka. Dan sesiapa yang ingkar selepas itu, maka Aku akan menyiksanya dengan azab yang belum pernah Aku timpakan kepada seluruh alam ini. Dan jika engkau kehendaki nescaya Aku akan ukakan pintu taubat dan rahmat bagi mereka?". Lalu Rasulullah ﷺ menjawab: "Aku ingin agar dibukakan pintu taubat dan rahmat"[2].

Dalam riwayat lain, pada ketika itu turunlah ayat:

﴿ وَمَا مَنَعَنَآ أَن نُّرْسِلَ بِٱلْـَٔايَٰتِ إِلَّآ أَن كَذَّبَ بِهَا ٱلْأَوَّلُونَ ﴾ (الإسراء: ٥٩).

Maksudnya: "Dan tidak ada yang dapat menghalang Kami dari mengirimkan (kepadamu) tanda-tanda

---

[1] Sahih Al-Bukhari No. 4770.
[2] Musnad Ahmad 4/60 No. 2166 (Sahih).

(kekuasaan Kami), melainkan tanda-tanda itu telah didustai oleh orang-orang terdahulu". (Al-Isra': 59)[1].

Ketiga: Abu Jahal menyakiti Rasulullah ﷺ Di Bukit Safa.

Suatu hari sedang Rasulullah ﷺ berada di Safa, Abu Jahal datang lalu menyakiti, mencerca serta memukul kepala Baginda dengan batu sehingga luka dan berdarah.

Apabila Hamzah bin Abdul Muttalib (bapa saudara Rasulullah ﷺ) mengetahui hal ini, beliau terus mencari Abu Jahal yang ketika itu berada di *Nadi* (kelab) Quraisy yang berhampiran dengan Ka'bah. Katanya: "Kamu sanggup memburukkan anak saudaraku sedangkan aku berada di dalam agamanya?". Lalu beliau memukul Abu Jahal dengan busur panahnya sehingga luka parah. Kemudian beliau memeluk Islam bersama Rasulullah ﷺ[2].

Keempat: Bukit Safa menyaksikan beberapa peristiwa sewaktu pembukaan Makkah.

a- Rasulullah ﷺ telah menjadikan Bukit Safa sebag tempat pertemuan di antara pimpinan tentera selep menawan Kota Makkah. Rasulullah ﷺ telah bersabd kepada Khalid bin Al-Walid: "Tempat pertemuan ialah d Safa".

b- Selepas melakukan tawaf, Rasulullah ﷺ telah naik ke atas Bukit Safa, dan Baginda menghadap ke arah Ka'bah, memuji dan memuja Allah ﷻ serta berdoa kepada-Nya.

---

[1] Musnad Ahmad 4/173 No. 2333 (Sahih).

[2] Lihat: Ar-Rahiq Al-Makhtum 118.

c- Rasulullah ﷺ telah mengisytiharkan keamanan kepada penduduk Makkah di atas Safa dengan sabdanya: "Sesiapa yang memasuki rumah Abu Sufyan[1] maka dia akan mendapat keamanan, sesiapa yang meninggalkan senjatanya maka dia akan mendapat keamanan dan sesiapa yang memasuki rumahnya dan menutup pintu maka dia akan mendapat keamanan"[2].

d- Bukit Safa juga menyaksikan bahawa orang yang pernah menyakiti Rasulullah ﷺ dan mengeluarkannya dari Makkah telah berkumpul di sekeliling Baginda untuk memberi *bai'ah* janji setia serta beriman kepada Allah ﷻ.

Kaum lelaki datang terlebih dahulu dan berbai'ah untuk beriman serta taat setia dalam semua perkara yang mereka mampu laksanakan. Kemudian sekumpulan kaum wanita datang untuk turut berbai'ah. Rasulullah ﷺ menyambut kedatangan mereka dan Umar رضي الله عنه mengajar mereka tentang Islam.

Hindun binti Utbah, isteri Abu Sufyan juga datang bersama kumpulan tersebut. Dia telah menyamarkan dirinya kerana takut Rasulullah ﷺ akan mengenali serta menghukumnya kerana perbuatannya terhadap mayat Hamzah bin Abdul Muttalib رضي الله عنه. Ianya berlaku ketika peperangan Uhud[3].

Ketika diajar bahawa mereka hendaklah tidak menyekutukan Allah ﷻ dengan sesuatu apapun, Hindun mencelah: "Aku tahu, kalau Allah memiliki sekutu selain

---

[1] Rumah Abu Sufyan: Terletak di Al-Mudda'a, di sebelah kanan Mas'a, berdekatan dengan Marwah. Lihat: At Tarikh Al-Qawim 2/78.

[2] Lihat: Sahih Muslim No. 4770.

[3] Lihat: Madinah Munawwarah, Kelebihan dan Sejarah 136.

daripada-Nya, maka dia akan membela kita". Kemudian diajar bahawa mereka ditegah daripada mencuri. Hindun mencelah lagi: "Apakah seorang yang bebas (merdeka) akan mencuri?". Dia juga memberitahu bahawa suaminya (Abu Sufyan) adalah seorang yang kedekut, lalu aku mengambil hartanya (untuk perbelanjaan). Abu Sufyan terus bangun dan mengumumkan bahawa semua harta yang diambil oleh isterinya telah dihalalkan olehnya. Rasulullah ﷺ pun mengenalinya dan tersenyum. Lalu Hindun memohon keampunan daripada Rasulullah ﷺ agar memaafkan segala kesalahan silamnya. Nabi pun mengatakan: "Allah telah memaafkan kesalahan kamu".

Kemudian mereka diajar agar tidak berzina. Hindun terus menjawab: "Apakah orang yang bebas (merdeka) akan berzina?" Diajar juga agar tidak membunuh anak-anak mereka. Hindun menjawab lagi: "Kami memelihara anak-anak kami sehingga besar, sedangkan kamu pula yang membunuhnya". (Anaknya Hanzalah bin Abu Sufyan, dibunuh oleh tentera Islam semasa peperangan Badar). Ketika mendengar perkara ini, Umar ؓ tertawa sehingga terduduk, manakala Rasulullah ﷺ tersenyum. Seterusnya mereka juga diajar supaya tidak menyebarkan fitnah dan berita palsu. Hindun yang suka menyampuk itu terus menjawab: "Demi Allah, sesungguhnya menyebarkan fitnah itu adalah sesuatu yang buruk, dan engkau tidak mengajar kami melainkan perkara yang baik serta akhlak yang mulia". Akhirnya ketika diajar agar mereka tidak mengingkari kebaikan barulah Hindun menjawab: "Demi bapa dan ibuku, ajaran yang engkau bawa ini adalah sangat baik dan mulia"[1].

---

[1] Lihat: As-Suhaili, Ar-Raudh Al-Unuf 7/139, Ar-Rahiq Al-Makhtum 485.

Kelima: Tempat keluarnya *Dabbah* (Binatang) dari Bumi.

Antara tanda-tanda kiamat yang hampir ialah keluarnya *dabbah* (binatang besar) dari bumi, sebagaimana firman Allah ﷻ:

﴿ وَإِذَا وَقَعَ الْقَوْلُ عَلَيْهِمْ أَخْرَجْنَا لَهُمْ دَابَّةً مِّنَ الْأَرْضِ تُكَلِّمُهُمْ أَنَّ النَّاسَ كَانُوا بِآيَاتِنَا لَا يُوقِنُونَ ﴾ (النمل: ٨٢).

Maksudnya: "Dan apabila telah tetap perkataan ke atas mereka, Kami keluarkan sejenis binatang melata dari bumi yang akan mengatakan kepada mereka bahawa sesungguhnya manusia dahulu tidak yakin dengan ayat-ayat Kami". (An-Naml: 82).

Juga sabagaimana sabda Rasulullah ﷺ: "Bersegeralah bekerja (beramal ibadat) sebelum terbitnya matahari dari sebelah barat. Juga sebelum datangnya Dajjal dan binatang (*dabbah*)"[1].

Terdapat perbezaan pendapat tentang di manakah tempat keluarnya? Ada ulama' yang mengatakan bahawa *dabbah* tersebut akan keluar dari Bukit Safa, ada

Bukit Safa

[1] Sahih Muslim No. 2947. Menurut Ibnu Al-Athir dalam An-Nihayah 1/548: Panjangnya adalah 70 hasta, serta mempunyai kaki yang tinggi dan berbulu. Dikatakan juga: Rupanya adalah pelik menyerupai bermacam-macam jenis haiwan, wallahu a'lam.

yang mengatakan ianya akan keluar dari Bukit Abu Qubais, juga ada yang berpendapat bahawa dabbah akan keluar dari masjid yang paling besar, agung dan mulia. Tiga tempat ini boleh dikira berasal dari satu tempat. Bukit Safa berada di pinggir Bukit Abi Qubais dan berada di masjid yang paling besar iaitu Masjidil Haram.

Ada juga pendapat yang mengatakan bahawa *dabbah* akan keluar dari Marwah atau dari Ajyad serta beberapa tempat lagi, wallahu a'lam[1].

2- Bukit Marwah.

Marwah adalah sebuah bukit kecil yang terbina daripada batu api atau geretan, iaitu sejenis batu putih yang keras. Ia terletak kira-kira 300m ke arah timur laut dari Rukun Syami di Ka'bah. Bukit ini menjadi tanda tempat berakhirnya sa'ei di sebelah utara dan merupakan salah satu daripada syiar-syiar (tempat melakukan ibadat) haji[2].

Inilah bukit kedua tempat Hajar ibu Ismail berlari-lari mencari air sebelum adanya telaga Zamzam.

Allah ﷻ telah berfirman:

﴿ إِنَّ ٱلصَّفَا وَٱلْمَرْوَةَ مِن شَعَآئِرِ ٱللَّهِ ﴾ (البقرة: ١٥٨).

Maksudnya: "Sesungguhnya Safa dan Marwah adalah sebahagian daripada syi'ar Allah". (Al-Baqarah: 158).

[1] Lihat: Tafsir Ibnu Kathir 3/362, As-Sakhawi, Ashrat As-Sa'ah 53, M. Ilyas, Tarikh Makkah 82.
[2] Lihat: M. Ilyas, Tarikh Makkah 82.

3- Bukit Abi Qubais.

Ia adalah sebuah bukit yang berhadapan dengan Bukit Safa dan Masjidil Haram. Tingginya dari aras laut adalah 420m dan dari aras tanah adalah 120m. sebab dinamakan sedemikian menurut Al-Azraqi kerana Abu Qubais merupakan orang pertama yang membina bangunan di atasnya[1].

Ibnu Abbas ؓ berkata: Rasulullah ﷺ telah bersabda yang bermaksud: "Bumi yang pertama dicipta adalah tapak Ka'bah kemudian dilebarkan kawasan di sekelilingnya, manakala bukit pertama yang dicipta adalah bukit Abu Qubais"[2].

---

[1] Al-Azraqi, Akhbar Makkah 2/266.

[2] Al-Azraqi, Akhbar Makkah 1/32, Al-Baihaqi, Syu'ab Al-Iman 7/543 (Cet. Dar As-Salafiah), Dha'if Al-Jami' No. 2132. Kata Al-Azizi: (Hasan Li Ghairihi) Lihat: At Tarikh Al-Qawim 2/376.

Pada zaman jahiliyyah, bukit ini dikenali dengan nama *Al-Amin* (Pemegang Amanah) kerana Hajar Aswad disimpan di dalamnya ketika berlaku taufan pada zaman Nabi Nuh ﷺ. Setelah Nabi Ibrahim membina Ka'bah, malaikat Jibrail mengeluarkan Hajar Aswad daripadanya.

Di antara keistimewaannya:

1) Ianya adalah bukit pertama dicipta oleh Allah ﷻ.

2) Kedudukannya yang berhadapan dengan Ka'bah.

3) Hajar Aswad pernah disimpan di dalamnya.

4) Berlakunya peristiwa bulan terbelah dua (iaitu salah satu daripada mukjizat Rasulullah ﷺ). Sebelahnya kelihatan berada di atas Bukit Abi Qubais manakala sebelah lagi di atas Bukit Qu'aiqi'an[1].

Peristiwa ini berlaku sewaktu orang kafir Quraisy mencabar Rasulullah ﷺ dengan berkata: "Kalau ajaran yang kamu bawa itu benar, maka jadikanlah bulan ini terbelah dua". Rasulullah ﷺ terus berdoa kepada Allah ﷻ dan bulan pun terbelah menjadi dua dengan kehendak-Nya. Baginda ﷺ lalu berkata kepada mereka: "Saksikanlah"[2].

Tetapi malangnya hati mereka tetap tertutup daripada menerima kebenaran bahkan mengatakan perbuatan tersebut merupakan sihir.

Perhatian:

Telah masyhur di kalangan orang ramai bahawa peristiwa ini berlaku di suatu tempat khas di atas bukit itu. Menurut para ulama' anggapan ini tidak mempunyai asas sandaran yang boleh dipegang.

---

[1] Lihat: At-Tarikh Al-Qawim 1/292, 2/376-380, Al-Fasi, Syifa' Al-Gharam 1/277.

[2] Lihat: Sahih Al-Bukhari No. 3868, Tafsir Ibnu Kathir 4/263.

Begitu juga dengan cerita yang mengatakan bulan masuk ke dalam baju Rasulullah ﷺ melalui leher bajunya dan keluar daripada lengannya, ianya juga tidak mempunyai asas yang boleh dipercayai[1], wallahu a'lam.

Pada hari ini, Istana As-Safa terletak di atas bukit ini.

4- Bukit Qu'aiqi'an.

Bukit ini terletak di sebelah utara Masjidil Haram, iaitu bersebelahan Marwah. Panjangnya adalah dari *Asy-Syamiyah* hingga ke *Harrah Al-Bab.* Tingginya adalah 430m dari aras laut dan 110m dari aras bumi. Ia merupakan bukit kedua terbesar di Makkah selain Bukit Abu Qubais. Pada masa sekarang, Hotel Sofitel terletak di atasnya.

Sekarang bukit ini dikenali dengan berbagai-bagai nama, iaitu mengikut arah kedudukan kampung yang berhadapan dengannya. Di sebelah timur yang berhadapan dengan *Ma'la* dan *Hujun* ianya dikenali dengan nama *Jabal Sulaimaniyyah.* Di bahagian yang berhadapan dengan *Dahlah* pula dikenali dengan nama *Jabal Sudan.* Manakala bahagian di sebelah selatan dikenali dengan nama *Jabal Hindi*, kerana ramai orang India tinggal di kawasan tersebut.

Sebab ianya dinamakan Qu'aiqi'an (tempat berlaga senjata) kerana pernah berlaku perperangan di antara kaum Jurhum dan Qatura di situ. Di atasnya terletak rumah Abdullah bin Az-Zubair ﵁[2].

Inilah dua bukit yang ditawarkan oleh malaikat untuk dihempaskan ke atas golongan yang menentang

---

[1] Lihat: At-Tarikh Al-Qawim 1/293.

[2] Lihat: At-Tarikh Al-Qawim 2/38, M. Ilyas, Tarikh Makkah 131.

Rasulullah ﷺ. Ianya disebut di dalam hadis dengan nama *"Al-Akhsyabain"* (dua bukit besar).

Peristiwa ini berlaku ketika Rasulullah ﷺ menyeru kaum Thaqif di Taif dan mereka tidak menyahut seruan Baginda. Pada hari itu, Baginda merasa sungguh sedih dan kecewa, lalu berjalan membawa diri sehingga tiba di *Qarn Ath-Tha'alib* (di Mina, sekarang tempatnya terletak berdekatan dengan Jambatan Al-Malik Abdul Aziz) Baginda mendongakkan wajahnya ke langit untuk melihat awan yang datang memayunginya secara tiba-tiba. Di dalamnya, Baginda melihat Jibril عليه السلام yang memanggilnya sambil berkata: "Allah ﷻ mendengar dan mengetahui apa yang telah kamu lalui. Dan Allah telah menghantar malaikat penjaga gunung untuk kamu arahkan apa saja yang kamu kehendaki terhadap kaummu". Lalu Malaikat Penjaga Gunung berseru kepada Rasulullah ﷺ dan berkata: "Wahai Muhammad, perintahlah apa saja, jika kamu mahu aku akan menjatuhkan *"Al-Akhsyabain"* ke atas mereka". Rasulullah ﷺ menjawab: "Jangan, tetapi aku memohon kepada Allah ﷻ agar akan ada di kalangan anak cucu mereka nanti yang beriman kepada Allah dan hanya menyembah Allah ﷻ sahaja"[1].

5- Bukit An-Nur (Gua Hira').

Ianya terletak di sebelah timur laut Masjidil Haram. Dan disebut sebagai Jabal Hira', bersempena Gua Hira' yang terletak di puncaknya. Tingginya dari permukaan tanah kira-kira 281m. Untuk mendaki ke puncaknya

---

[1] Lihat: Sahih Al-Bukhari No. 3231, Al-Fakihi, Akhbar Makkah 4/281.

memerlukan masa kira-kira satu jam. Gua ini dikenali ramai. Kedudukannya adalah diperturunkan daripada satu generasi ke generasi yang berikutnya. Di gua inilah Rasulullah ﷺ telah menyendiri dan beribadat sebelum Baginda dilantik menjadi nabi dan rasul.

Bukit An-Nur dan Gua Hira'

Pintunya menghadap ke arah utara. Seseorang yang berada di dalam gua ini akan dapat melihat Ka'bah. Untuk memasukinya, seseorang harus menyusup di antara dua batu yang lebarnya adalah sekitar 60cm. Gua ini tidaklah terlalu besar, panjangnya pula hanya 3m manakala lebarnya pula tidak sekata. Ukurannya yang paling luas lebih kurang 1.3m dengan ketinggian sekitar 2m. Jadi, gua ini mempunyai keluasan yang muat untuk dua orang menunaikan solat. Sementara di bahagian kanan gua ini

terdapat satu teras (bendul) batu yang boleh digunakan untuk seseorang bersolat secara duduk[1].

Gua Hira' telah terpilih untuk menerima beberapa kelebihan dan kemuliaan yang tidak dimiliki oleh bukit-bukit lain. Allah ﷻ memuliakannya dengan menjadikannya tempat Rasulullah ﷺ beribadat dan tempat turunnya wahyu yang pertama.

'Aisyah ؓ berkata: "Keadaan Rasulullah ﷺ pada permulaan mendapat wahyu ialah melalui mimpi yang benar dalam tidur. Baginda dapat melihatnya dengan jelas seperti bermulanya waktu subuh, kemudian Baginda suka bersendirian. Rasulullah ﷺ mula bersendirian di Gua Hira' untuk beribadat (tidak ada ulama' yang menceritakan apakah bentuk atau jenis ibadat yang dilakukan sebelum turunnya wahyu) untuk beberapa lamanya....(Baginda berada di sana) sehinggalah kebenaran (wahyu) datang kepadanya ketika Baginda berada di dalam gua Hira'.

Baginda bersabda: "Malaikat datang dan berkata: "Bacalah!". Dan aku berkata: "Aku tidak tahu membaca". Jibrail lalu memelukku dengan begitu kuat sehingga aku tidak tertahan lagi. Kemudian dia melepaskan aku dan berkata lagi: "Bacalah". Aku terus berkata: "Aku tidak tahu membaca". Dia sekali lagi memelukku dengan begitu kuat sehingga aku tidak tertahan lagi. Lalu dia melepaskan aku dan berkata lagi: "Bacalah". Aku berkata lagi: "Aku tidak tahu membaca". Untuk kali ketiga dia memelukku dengan begitu kuat sehingga aku tidak tertahan lagi. Lalu dia melepaskan aku dan berkata:

---

[1] Lihat: Al-Fakihi, Akhbar Makkah, 4/84, M. Ilyas, Tarikh Makkah 124.

﴿ اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ۝١ خَلَقَ الْإِنسَانَ مِنْ عَلَقٍ ۝٢ اقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ۝٣ ﴾ (العلق: ١-٣).

Maksudnya: "Bacalah dengan nama Tuhanmu yang mencipta (semua makhluk). Dia menjadikan manusia daripada tanah liat. Bacalah! Dan Tuhanmu adalah Yang Paling Mulia". (Al-'Alaq: 1-3).

Rasulullah ﷺ kembali ke rumahnya bersama wahyu tersebut dengan hati yang berdebar dan ketakutan. Isterinya Khadijah ؓ telah menenangkannya..."[1].

Abu Hurairah ؓ meriwayatkan bahawa: "Rasulullah ﷺ berada di atas batu di Hira' bersama Abu Bakar, Umar, Usman, Ali, Talhah dan Az-Zubir ؓ apabila batu tersebut bergerak lalu Rasulullah ﷺ berkata: "Tetaplah wahai batu, kerana di atas engkau adalah Rasulullah dan As-Siddiq atau Asy-Syahid"[2].

6- Bukit Thur (Gua Thur).

Bukit Thur terletak di tengah-tengah Makkah, iaitu kira-kira 4km dari sebelah selatan Masjidil Haram. Tinggi bukit ini ialah sekitar 458m. Untuk mendaki ke puncak (gua) ianya memerlukan masa lebih-kurang 1½ jam. Pada masa sekarang kawasan bukit ini dikenali dengan nama "*Hayyu Al-Hijrah*" iaitu di kawasan Kudai.

---

[1] Lihat: Sahih Al-Bukhari No. 3.

[2] Sahih Muslim No. 2417, Musnad Ahmad 15/252 No. 9430. Menurut hadis yang diriwayatkan oleh Anas peristiwa tersebut berlaku di Bukit Uhud. Al-Hafiz Ibnu Hajar berkata: "Hadis ini yang diriwayat oleh Abu Hurairah menguatkan bahawa peristiwa ini berlaku berulang kali di Uhud dan juga di Hira'". Fathul Bari 7/47.

Bukit dan Gua Thur

Bukit ini merupakan tempat di mana Rasulullah ﷺ dan sahabatnya Abu Bakar ؓ bersembunyi ketika mereka dalam perjalanan hijrah ke Madinah. Mereka bersembunyi di dalam sebuah gua yang terkenal di bukit ini.

Gua ini (Gua Thur) mempunyai ketinggian sekitar 1.25m dengan panjang dan lebar sekitar 3.5m x 3.5m. Ia mempunyai dua pintu, iaitu satu di sebelah barat dan satu lagi di sebelah timur. Pintu sebelah barat merupakan pintu yang digunakan oleh Rasulullah ﷺ. Tingginya adalah kira-kira 1m. Manakala pintu yang satu lagi adalah lebih luas dan sengaja dibuat untuk kemudahan orang ramai keluar masuk[1].

Inilah gua yang disebut Allah Ta'ala di dalam Al-Quran:

---

[1] Lihat: At-Tarikh Al-Qawim 2/384, M. Ilyas, Tarikh Makkah 128.

Maksudnya: "...Sedang dia salah seorang daripada dua orang ketika kedua-duanya berada di dalam gua". (Surah At-Taubah: 40).

Peristiwa hijrah ini terjadi setelah pihak musyrikin merancang untuk membunuh Rasulullah ﷺ, menahan atau menghalaunya. Lalu Baginda keluar dari rumahnya pada malam 27 Safar 14 tahun kenabian, bersamaan 12/13 September 622M. Pemergian Rasulullah ﷺ ini telah ditemani oleh sahabatnya yang setia iaitu Abu Bakar As-Siddiq ؓ. Mereka bersembunyi di dalam gua tersebut selama tiga hari sehinggalah orang-orang kafir Quraisy yang mengejar mereka telah mengaku kalah kerana tidak dapat mengesannya dan kembali semula ke Makkah.

Setelah itu, mereka meneruskan perjalanan ke Madinah. Ketika bersembunyi di situ, Abu Bakar merasa bimbang jika ada orang yang akan menjumpai mereka dan membunuh Rasulullah ﷺ, tetapi Baginda menenangkan beliau.

Diriwayatkan daripada Anas ؓ bahawa Abu Bakar menceritakan:

"Aku bersama Rasulullah ﷺ di dalam gua dan aku dapat melihat kaki pihak Musyrikin. Aku berkata: "Wahai Rasulullah, jika salah seorang daripada mereka mengangkat kakinya nescaya mereka akan dapat melihat kita". Baginda bersabda: "Wahai Abu Bakar, apakah yang kamu fikirkan tentang dua orang apabila Allah ﷻ merupakan pihak yang ketiga bersama mereka?"[1].

---

[1] Sahih Al-Bukhari No. 3653.

Setelah tiga hari berada di dalam gua Thur, barulah mereka keluar untuk meneruskan perjalanan ke Madinah dengan menaiki dua ekor unta yang dibawa oleh Abdullah bin Uraiqit atas arahan Abu Bakar. (Abdullah ketika itu masih belum memeluk Islam, tetapi dia merupakan seorang yang dipercayai oleh Abu Bakar). Maka pada malam Isnin awal bulan Rabi'ul Awwal, tahun pertama Hijrah, bersamaan 16 September 622H Rasulullah ﷺ, Abu Bakar رضي الله عنه dan 'Amir bin Fuhairah (pengembala kambing Abu Bakar) telah bertolak ke Madinah dengan Abdullah bin Uraiqit sebagai penunjuk jalan bagi mereka[1].

b- Beberapa tempat bersejarah yang lain.

1- Maulid (tempat lahir) Nabi ﷺ.

Maulid Nabi ﷺ bermaksud rumah tempat kelahiran Baginda ﷺ iaitu di rumah bapanya Abdullah. Tempat ini terletak di *Shi'b Abi Talib* atau juga dikenali dengan nama *Shi'b Ali* dan *Shi'b Bani Hashim*, kerana Bani Hashim tinggal di tempat tersebut. Setelah Rasulullah ﷺ berhijrah, rumah tersebut telah diambil oleh sepupunya 'Aqil bin Abi Talib. Kemudian ianya telah dijual oleh anak-anaknya.

Ketika Khaizaran, ibu kepada Khalifah Harun Ar-Rasyid daripada Kerajaan Abbasiyah yang datang mengerjakan haji, beliau telah membina masjid di tempat itu. Masjid tersebut kemudiannya telah diruntuhkan. Pada masa kini, tempat tersebut telah dijadikan sebagai perpustakaan umum. Perpustakaan tersebut telah dibina oleh Syeikh Abbas bin Yusuf Al-Qatthan pada tahun

---

[1] Lihat: Ar-Rahiq Al-Makhtum 194-197, At-Tarikh Al-Qawim 1/388.

1370H/1950M daripada hartanya sendiri. Sheikh Abbas merupakan bekas Datuk Bandar Makkah.

Kedudukan perpustakaan (maktabah) ini ialah di bahagian timur Masjidil Haram, iaitu di *Suq Al-Lail* (Pasar Malam[1]), di kawasan Shi'b Ali. Tertulis di situ *"Maktabah Makkah Al-Mukarramah"*[2].

Maulid Nabi

Perhatian:

Tempat ini tidak mempunyai kelebihan atau fadhilat khas melainkan ianya adalah tempat kelahiran Rasulullah

---

[1] Dinamakan Pasar Malam, kerana sewaktu orang musyrikin memboikot Rasulullah ﷺ dan keluarganya, mereka datang menjual barang-barang keperluan pada waktu malam di tempat ini. Lihat: Syifa' Al-Gharam, Nota kaki No. 3.

[2] Lihat: Syifa' Al-Gharam 1/269, Al-Azraqi, Akhbar Makkah 2/197, At-Tarikh Al-Qawim 1/286, Al-Biladi, Ma'alim Makkah 145.

ﷺ, tidak sepertimana yang dipercayai oleh sebahagian jemaah. Maka tidak disyara'kan untuk pergi berdoa atau bersolat di situ, bahkan perbuatan tersebut adalah dilarang.

2- Dar Al-Arqam.

Dar Al-Arqam ialah nama rumah kepada seorang sahabat Rasulullah ﷺ yang bernama Al-Arqam bin Abi Al-Arqam (nama bapanya: 'Abdu Manaf bin Asad). Rumah ini telah menjadi pusat gerakan dakwah Islam secara rahsia pada permulaan dakwah Islam. Di sinilah, kaum muslimin yang baru memeluk Islam berkumpul dan melaksanakan solat secara bersembunyi. Setelah bilangan mereka mencapai 40 orang dengan keislaman Umar bin Al-Khattab ؓ, barulah dakwah Islam dilakukan secara terang-terangan.

Pada tahun 171H/787M, Khaizaran juga telah membangunkan sebuah masjid di tapak rumah ini yang jaraknya adalah lebih kurang 36m dari sebelah timur Safa, iaitu di luar tempat sa'ei. Kawasan ini telah mendapat perhatian yang istimewa daripada para khalifah muslimin sepanjang sejarah. Kemudian, pada tahun 1375H/1955M rumah ini telah diruntuhkan kerana ianya termasuk dalam projek perluasan Masjidil Haram.

Sebagai memperingatinya, pintu pertama di tempat sa'ei di sebelah Safa telah dinamakan sebagai "Pintu Dar Al-Arqam"[1].

[1] Lihat: Al-Azraqi, Akhbar Makkah 2/260, At-Tarikh Al-Qawim 2/82.

3- Dar An-Nadwah (Parlimen Quraisy).

Dar An-Nadwah ini telah dibina oleh Qusai ibnu Kilab pada sekitar 200 tahun sebelum hijrah. Sebab dinamakan sedemikian kerana di situ merupakan tempat berkumpul dan bermusyawarah bagi ketua serta bangsawan Quraisy. Tidak dibenarkan masuk ke dalamnya kecuali orang yang telah berumur 40 tahun. Di rumah inilah mereka telah berkumpul dan membuat perancangan untuk menghalang gerakan dakwah Islam, terutamanya ketika sebahagian daripada sahabat telah keluar berhijrah ke Madinah dan mereka khuatir Rasulullah ﷺ juga akan berhijrah bersama-sama dengan sahabatnya.

Oleh itu, mereka telah membuat keputusan untuk membunuh Rasulullah ﷺ, tetapi dengan kehendak Allah ﷻ Rasulullah ﷺ dapat keluar dari rumahnya dengan selamat dan berhijrah ke Madinah demi mengembangkan agama serta risalahnya.

Ketika Umar ibnu Al-Khattab ؓ menjadi khalifah, beliau pernah mengunjungi dan tinggal di Dar An-Nadwah. Begitu juga dengan para khalifah lain selepasnya. Pada tahun 284H/897M, Khalifah Al-Mu'tadhid (Al-Abbasiyah) telah memasukkannya ke dalam Masjidil Haram di dalam projek perluasannya. Kedudukannya, ialah di tempat tawaf di bahagian utara dan sebagai memperingatinya pintu di situ telah dinamakan "Pintu Dar An-Nadwah"[1].

---

[1] Lihat: Al-Azraqi, Akhbar Makkah 2/109, Al-Fakihi, Akhbar Makkah 4/7, At-Tarikh Al-Qawim 2/66.

4- Dar (Rumah) Siti Khadijah ﷺ.

Rumah Sayyidatina Khadijah ﷺ terletak di belakang rumah Abu Sufyan[1].

Rumah Siti Khadijah ﷺ dan Rumah Abu Sufyan ﷺ terletak di sekitar medan ini.

Inilah rumah tempat tinggal Rasulullah ﷺ bersama isterinya Khadijah ﷺ, juga tempat kelahiran putera-puteri Baginda, tempat wafatnya Khadijah ﷺ serta tempat turunnya wahyu buat beberapa lama. Sepanjang berada di Makkah, Rasulullah ﷺ telah tinggal di sini, sehinggalah timbul rancangan kaum kafir Quraisy untuk membunuhnya dan Allah ﷻ telah memerintahkan Baginda agar berhijrah.

[1] Iaitu di Al-Mudda'a, sebelah kanan Mas'a berdekatan dengan Marwah. Sekarang ia telah dijadikan sebagai medan solat. Lihat: At Tarikh Al-Qawim 1/288, 2/78, Al-Biladi, Ma'alim Makkah 271, Al-Harithi, Al-Mu'jam Al-Athari 62.

Maka mukjizat berlaku pada malam hijrah tersebut, di mana Rasulullah ﷺ telah berjaya keluar daripada rumahnya tanpa disekat oleh kafir Quraisy yang sedang menunggu di sekelilingnya, dan Rasulullah ﷺ meletakkan debu di atas kepala mereka dan mereka tidak tidak nampak Rasulullah ﷺ. Baginda keluar sambil membaca:

﴿ وَجَعَلْنَا مِن بَيْنِ أَيْدِيهِمْ سَدًّا وَمِنْ خَلْفِهِمْ سَدًّا فَأَغْشَيْنَاهُمْ فَهُمْ لَا يُبْصِرُونَ ۝ ﴾ (يس: ٩).

Maksudnya: "Dan Kami adakan di hadapan mereka dinding dan di belakang mereka dinding (pula), dan Kami tutup (mata) mereka sehingga mereka tidak dapat melihat". (Yasin: 9).

Ketika itu Ali ؓ telah menggantikan Baginda dengan tidur di atas katilnya yang keluar berhijrah ke Madinah dengan ditemani oleh sahabatnya yang setia iaitu Abu Bakar As-Siddiq ؓ. Allah juga telah berfirman tentang peristiwa ini:

﴿ وَإِذْ يَمْكُرُ بِكَ الَّذِينَ كَفَرُوا لِيُثْبِتُوكَ أَوْ يَقْتُلُوكَ أَوْ يُخْرِجُوكَ ۚ وَيَمْكُرُونَ وَيَمْكُرُ اللَّهُ ۖ وَاللَّهُ خَيْرُ الْمَاكِرِينَ ۝ ﴾ (الأنفال: ٣٠).

Maksudnya: "Dan (ingatlah), ketika orang-orang kafir (Quraisy) memikirkan tipu daya terhadapmu untuk menangkap dan memenjarakanmu atau membunuhmu, atau mengusirmu. Mereka memikirkan tipu daya dan Allah menggagalkan tipu daya itu. Dan Allah sebaik-baik Pembalas tipu daya". (Al-Anfal: 30).

Kemudiannya, rumah ini telah dibeli oleh Muawiyah dan diruntuhkan untuk dijadikan sebagai masjid dengan binaan baru serta di buat pintu yang bersambung ke rumah

Abu Sufyan. Bangunan ini sentiasa mengalami proses pembinaan dan perubahan sehinggalah ianya dimasukkan ke dalam kawasan perluasan Masjidil Haram pada tahun 1385H[1].

5- Dar (Rumah) Abu Bakar As-Siddiq ﷺ.

Apabila termeterainya *Bai'ah Aqabah* Kedua pada tahun 13 kenabian, Rasulullah ﷺ mula memberi kebenaran kepada para sahabat Baginda untuk berhijrah ke Madinah.

Abu Bakar ﷺ merupakan antara sahabat yang terawal meminta izin untuk berhijrah. Rasulullah ﷺ menyuruhnya agar bersabar dengan bersabda kepadanya: "Jangan gopoh wahai Abu Bakar, semoga Allah ﷻ menjadikan kepada engkau seorang teman untuk berhijrah". Maka Abu Bakar As-Siddiq ﷺ pun mula membuat persediaan untuk berhijrah disamping menanti waktu yang sesuai.

Pihak kafir Quraisy pula berusaha sedaya upaya untuk menyekat orang Islam daripada berhijrah dan jika mereka dapat menangkapnya mereka akan menyiksanya.

Kemuncak daripada peristiwa ini, pihak kafir Quraisy telah berkumpul di Dar An-Nadwah dan membuat keputusan untuk membunuh Rasulullah ﷺ.

Rasulullah ﷺ memberitahu Abu Bakar As-Siddiq bahawa Allah Ta'ala telah memerintahkan agar Baginda berhijrah. Abu Bakar pun yakin bahawa beliau akan keluar berhijrah bersama dengan Rasulullah ﷺ lalu menyediakan dua ekor unta untuk dirinya dan Rasulullah ﷺ.

---

[1] Lihat: Al-Azraqi, Akhbar Makkah 2/199, Al-Fakihi, Akhbar Makkah 3/270, Al-Jami' Al-Latif 202, Ar-Rahiq Al-Makhtum 193. M. Ilyas, Tarikh Makkah 127.

Pada malam hijrah tersebut, Rasulullah ﷺ datang menemui Abu Bakar di rumahnya dan mereka keluar bersama-sama menuju ke Gua Thur.

Sebuah masjid telah didirikan di tapak Rumah Abu Bakar As-Siddiq ؓ sebagai tanda bagi salah satu pusat dakwah yang terawal serta menjadi tempat bermulanya langkah hijrah Rasulullah ﷺ. Ianya dikenali dengan nama Masjid Abu Bakar As-Siddiq, dan ianya terletak di permulaan Jalan Misfalah. Jaraknya adalah kurang daripada 200m dari Masjidil Haram[1].

Sekarang tapak rumah Abu Bakar As-Siddiq ؓ ini berada di dalam bangunan Syarikat Makkah (Hilton), sebagai tanda tempat tersebut *musalla* (tempat solat) di tingkat empat telah diberi nama sebagai "Masjid Abu Bakar As-Siddiq ؓ".

6- Al-Muhassab (المحصّب).

Muhassab terletak di kawasan sebelah atas Makkah, iaitu di antara Mina dengan Hujun atau Hajun. Sekarang ianya dikenali dengan nama "*Al-Mu'abdah*".

[1] Lihat: Al-Fasi, Syifa' Al-Gharam, 1/261, 273, Ibnu Az-Zahirah, Al-Jami' Al-Latif 206, Asyhar Al-Masajid, 110-115.

Sebab dinamakan sebagai *Al-Muhassab* kerana tempat tersebut dilalui air banjir dan batu-batu berkumpul di kawasan tersebut. Ianya juga dikenali dengan nama "*Khaif Bani Kinanah*" dan "*Al-Abtah*" iaitu tempat tanah rata di kawasan lembah (wadi)[1].

Di tempat inilah para bangsawan Quraisy telah berkumpul untuk membuat suatu keputusan agar memboikot serta memutuskan segala hubungan dengan Bani Hashim dan Bani Al-Muttalib kerana mereka telah membela Rasulullah ﷺ. Keputusan ini diambil apabila segala usaha mereka untuk menyekat dakwah Rasulullah ﷺ telah gagal juga ketetapan Bani Hashim dan Bani Al-Muttalib yang sudah memeluk Islam atau yang belum memeluk Islam untuk terus melindungi Rasulullah ﷺ.

Lalu mereka berkumpul di Wadi *Al-Muhassab* di kawasan *Khaif Bani Kinanah* untuk membuat perjanjian dan kesepakatan dalam memboikot kedua-dua '*Bani*' tadi. Mereka semua bersumpah tidak akan menjalankan sebarang urusan perniagaan, ikatan perkahwinan, hubungan sosial, ziarah, bahkan tidak akan bercakap, sehinggalah Rasulullah ﷺ diserahkan kepada mereka untuk dibunuh[2].

Semua ini dijadikan sebagai satu perjanjian bertulis dan digantung di dinding Ka'bah. Semua orang dari kalangan Bani Hashim dan Bani Al-Muttalib telah diboikot sama ada yang muslim atau tidak kecuali Abu

---

[1] Lihat: Al-Azraqi, Akhbar Makkah 2/160. Ada beberapa pendapat tentang kawasan Al-Muhassab ini, untuk keterangan lanjut lihat ta'liq (komentar) Dr. Ab. Malik bin Duhais dalam Akhbar Makkah lil Fakihi 4/72.

[2] Lihat: M. Al-Wathaiq As-Siyasiyyah 26.

Lahab (kerana beliau bersama kafir Quraisy). Abu Talib secara diam dan bijaksana telah mengambil keputusan untuk keluar ke satu lembah di pinggir Makkah. Bani Hashim dan Bani Al-Muttalib yang mengikutinya kemudian tersepit di satu kawasan kaki bukit (yang kemudiannya dikenali sebagai Shi'b Abu Talib).

Kepungan yang kejam dan tidak berperikemanusiaan ini berlansung selama tiga tahun, iaitu dari bulan Muharram tahun ke 7 selepas kenabian sehingga tahun ke 10. Kecekalan mereka begitu teruji. Bekalan makanan dan harta benda hampir terputus, sehingga ada di kalangan mereka yang terpaksa memakan daun-daun kayu dan kulit binatang. Tangisan kelaparan anak-anak dapat didengari dengan jelasnya, tetapi Rasulullah ﷺ dan Abu Talib tetap dengan pegangan masing-masing.

Akhirnya, pada bulan Muharram tahun kesepuluh selepas kenabian, perjanjian tersebut berakhir dengan kehendak Allah ﷻ. Surat perjanjian yang tergantung di dinding Ka'bah telah hancur dimakan oleh anai-anai kecuali bahagian yang tertulis nama Allah ﷻ. Maka persumpahan itu telah terbatal, dan Nabi Muhammad ﷺ bersama semua orang telah dibenarkan untuk meninggalkan Shi'b Abu Talib dan kembali ke rumah masing-masing.

Di sebalik ujian terhadap kaum muslimin ini, orang-orang kafir itu telah diberi peluang keemasan untuk melihat kebenaran Rasulullah ﷺ (kertas perjanjian tersebut dimakan oleh anai-anai) tetapi malangnya mereka tetap kufur bahkan bertambah ingkar[1].

---

[1] Lihat: Ar-Rahiq Al-Makhtum 128-130.

Rasulullah ﷺ serta beberapa orang sahabat telah singgah dan berhenti di tempat ini pada Hari Pembukaan Makkah juga pada hari Haji Wada' untuk menunjukkan keagungan dan kemenangan Islam di tempat golongan kafir yang dulunya telah menunjukkan keangkuhan serta permusuhan mereka terhadap Allah dan Rasul-Nya ﷺ. Dengan mengingati peristiwa tersebut akan menambahkan rasa kesyukuran kepada Allah ﷻ di atas nikmat yang melimpah melalui kemenangan Islam[1].

Demikian juga ingatan Rasulullah ﷺ terhadap perilaku jahat kafir Quraisy terhadapnya di Bukit Safa.

'Aisyah رضي الله عنها berkata: "Rasulullah ﷺ berhenti di *Al-Muhassab* kerana ia adalah lebih mudah untuk Baginda bertolak dari sana. Jadi sesiapa yang mahu berhenti, bolehlah berhenti di sana, dan sesiapa yang tidak mahu, maka tidak mengapa ke atasnya"[2].

7- Wadi Muhassir (Kisah tentera bergajah).

Ianya terletak di satu lembah di antara Mina dan Muzdalifah, iaitu di penghujung keduanya tetapi ianya tidak termasuk di dalam kawasan bagi kedua-dua tempat tersebut. Ianya termasuk di dalam sempadan Tanah Suci tetapi ia bukan *Al-Masy'ar Al-Haram* (tempat ibadah yang dianjurkan dalam manasik haji).

Imam An-Nawawi *rahimahullah* berkata: "Mengikut sunnah Nabi ﷺ, disunatkan berjalan cepat ketika melintasi tempat ini kerana Wadi Muhassir ini ialah tempat wukuf

---

[1] Lihat: Fathul Bari 7/608.

[2] Lihat: Al-Azraqi, Akhbar Makkah 2/160.

bagi kaum nasrani (kristian). Maka kita disunatkan untuk menyalahi perbuatan mereka"[1].

Wadi Muhassir

Orang Arab Jahiliyah telah berwukuf di sini, bahkan mereka berbangga dengan amalan kebajikan yang telah dilakukan oleh datuk nenek mereka, dan syariat Islam telah menggalakkan umatnya agar menyalahi amalan jahiliyah dalam semua perkara[2].

Wadi ini merupakan tempat Allah ﷻ telah membinasakan tentera bergajah yang ingin menyerang Ka'bah.

[1] Al-Majmu' 8/143.
[2] Lihat: Abu Sulaiman, Muzdalifah 82.

Mengikut sunnah Rasulullah ﷺ, ia merupakan tempat yang digalakkan untuk bergerak cepat ketika melaluinya. Ini adalah kebiasaan Baginda ketika melalui tempat-tempat yang telah diturunkan azab Allah ﷻ dan kemurkaan-Nya terhadap musuh-musuh-Nya.

Kisah tentera bergajah yang masyhur ini telah berlaku pada tahun 571M, iaitu pada tahun kelahiran Baginda Rasulullah ﷺ. Oleh itu, tahun tersebut dikenali sebagai "*Tahun Gajah*".

Abrahah Al-Habsyi yang merupakan wakil kepada Raja Najasyi (gelaran untuk Raja Habsyah; sekarang dikenali dengan Ethiopia) di Yaman menyaksikan para kabilah dan orang ramai menuju ke Makkah untuk tawaf serta mengerjakan haji di Ka'bah. Lalu beliau mendirikan sebuah gereja yang megah untuk mengalih perhatian mereka daripada Ka'bah. Namun usahanya ini tidak berjaya, bahkan seorang lelaki dari Bani Kinanah telah mengotorkannya dengan najis. Hal ini membuatkan Abrahah merasa marah dan dia memerintahkan bala tentera bergajahnya dengan jumlah yang sangat besar untuk pergi menghancurkan Ka'bah.

Ketika sampai di Lembah Muhassir inilah, tiba-tiba ketua gajahnya telah berlutut dan tidak mahu bergerak. Namun setiap kali ia dialihkan ke arah yang selain dari Ka'bah maka ia bangun dan berjalan. Begitulah keadaannya sehingga Allah ﷻ menghantar burung Ababil yang melontar mereka dengan batu-batu api yang menyebabkan anggota badan mereka terkerat-kerat lalu musnah. Mereka berlari tidak tentu arah dan jatuh berguguran di jalanan.

Allah ﷻ telah menimpakan suatu penyakit ke atas Abrahah, sehingga gugur anak-anak jarinya. Dia sampai

di San'aa seperti anak burung yang tercabut bulu, kemudian terbelah dadanya dan keluar hatinya lalu musnah[1].

Kisah ini telah dijelaskan oleh Allah ﷻ melalui firman-Nya:

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ﴿ أَلَمْ تَرَ كَيْفَ فَعَلَ رَبُّكَ بِأَصْحَٰبِ ٱلْفِيلِ ۝١ أَلَمْ يَجْعَلْ كَيْدَهُمْ فِى تَضْلِيلٍ ۝٢ وَأَرْسَلَ عَلَيْهِمْ طَيْرًا أَبَابِيلَ ۝٣ تَرْمِيهِم بِحِجَارَةٍ مِّن سِجِّيلٍ ۝٤ فَجَعَلَهُمْ كَعَصْفٍ مَّأْكُولٍۭ ۝٥ ﴾ (الفيل: ١-٥).

Maksudnya: "Apakah kamu tidak memperhatikan bagaimana Tuhanmu telah bertindak terhadap tentera bergajah? Bukankah Dia telah menjadikan tipu daya mereka (untuk menghancurkan Ka'bah) itu sia-sia? Dan Dia mengirimkan kepada mereka burung yang berpuak-puak, yang melontar mereka dengan batu dari tanah yang terbakar, lalu Dia menjadikan mereka seperti daun kayu yang dimakan (ulat)". (Al-Fil: 1-5).

8- Telaga Thuwa (بئر طوى).

Telaga ini terletak di salah satu wadi daripada wadi-wadi Makkah yang subur. Ianya terkenal di dalam sejarah sebagai tempat persinggahan Rasulullah ﷺ sebelum memasuki Makkah sebagaimana yang telah diriwayatkan oleh Al-Bukhari bahawasa Rasulullah ﷺ bermalam di Bi'r Thuwa hingga pagi. Baginda bersolat subuh, mandi dengan air telaganya kemudian memasuki Makkah (Masjidil Haram)[2].

---

[1] Lihat: Al-Fasi, Syifa'Al-Gharam 1/189, At-Tarikh Al-Qawim 1/294.
[2] Sahih Al-Bukhari No. 1553, 1574.

Ibnu Umar ﷺ tidak akan memasuki Makkah tanpa melalui telaga ini dan singgah di situ pada waktu paginya lalu mandi. Kemudian beliau akan masuk ke Makkah pada waktu tengah harinya, serta menyebut bahawa Rasulullah ﷺ telah melakukannya[1].

Satu perkara sebagai peringatan, bahawa Rasulullah ﷺ tidak pernah menetapkan ke atas umatnya untuk mandi di sini. Perkara ini menunjukkan bahawa Rasulullah ﷺ sukakan kebersihan dan secara kebetulan telaga ini berada di tengah jalan Baginda.

Juga diriwayatkan dari Muslim bahawa terdapat sebuah masjid yang telah dibina berdekatan dengan tempat solat Rasulullah ﷺ, iaitu di hadapan bahagian kanan telaga tersebut. Pada hari ini, masjid itu tiada lagi kerana ianya termasuk dalam Pembinaan jalan raya. Manakala telaga tersebut masih wujud dan terletak berhadapan dengan Hospital Bersalin Makkah iaitu di belakang Bangunan Juffri (*Abraj Bi'r Thuwa*) sekarang[2]. Tetapi para pelawat tidak dibenarkan masuk ke dalam kawasannya pada masa sekarang.

Telaga Thuwa

[1] Sahih Al-Bukhari No. 1573, Sahih Muslim No. 1259.

[2] Lihat: Sahih Muslim No. 1259, M. Ilyas, Tarikh Makkah 139.

9- Perkuburan Ma'la.

Terdapat banyak tanah perkuburan di Makkah, tetapi yang paling masyhur adalah Perkuburan Ma'la. Ia terletak di sebelah timur Masjidil Haram.

Al-Fakihi berkata: "Kami tidak mengenali mana-mana lembah di Makkah yang betul-betul menghadap kiblat selain daripada lembah tanah perkuburan ini yang menghadap Ka'bah di sepanjang kedudukannya"[1].

Dari Ibnu Abbas ﷺ katanya: Nabi ﷺ bersabda:

((نعم المقبرة هذه)). قال ابن جريج: يعني مقبرة مكة.

Maksudnya: "Sebaik-baik perkuburan ialah perkuburan ini". Kata Ibnu Juraij: "Yakni Perkuburan Ma'la"[2].

Perkuburan Ma'la

[1] Al-Fakihi, Akhbar Makkah 4/50. Lihat: Al-Azraqi, Akhbar Makkah 2/209.

[2] Hadis riwayat Ahmad 5/428 No.3472, Al-Fakihi, Akhbar Makkah 4/50. (Hasan) Lihat: Ghabban, Fadhail Makkah 941.

Ramai di kalangan para sahabat, antaranya Ummul Mukminin Sayyidatina Khadijah ﵂ iaitu isteri pertama Rasulullah ﷺ, para tabi'in, ulama'-ulama' besar dan orang-orang alim *-rahimahullah-* telah dikebumikan di sini, tetapi tiada tanda atau alamat yang menunjukkan kedudukan kubur mana-mana sahabat. Begitu juga, tiada tanda dan bukti yang jelas menunjukkan bahawa kubur yang dikatakan kepunyaan Ummul Mukminin Siti Khadijah binti Khuwailid ﵂ adalah milik beliau[1]. Wallahu a'lam.

Seorang lagi isteri Rasulullah ﷺ, iaitu Ummul Mukminin Maimunah Al-Hilaliyyah ﵂ telah dikebumikan di Sarif, iaitu di sebelah kanan Jalan Hijrah (Madinah-Makkah) sekitar 20km dari Makkah. Sarif merupakan tempat bersejarah yang menyaksikan perkahwinan beliau dengan Rasulullah ﷺ pada tahun 7H, kemudian menjadi tempat kematian dan persemadiannya pada tahun 51H[2].

[1] Lihat: Al-Fasi, Syifa' Al-Gharam 1/284, At Tarikh Al-Qawim 6/170, Al-Harithi, Al-Mu'jam Al-Athari 193.
[2] Lihat: Al-Fasi, Syifa' Al-Gharam 1/287, At Tarikh Al-Qawim 6/171, Al-Biladi, Ma'alim Makkah 132.

Manakala *Ummahat Al-Mukminin* isteri-isteri Rasulullah ﷺ yang lain (9 orang) kesemuanya telah dikebumikan di perkuburan Baqi' di Madinah[1].

10- Perkuburan Asy-Syubaikah.

Perkuburan Asy-Syubaikah merupakan sebuah perkuburan yang masyhur di Makkah, dan digunakan semenjak zaman Jahiliyah. Ramai orang-orang soleh telah dikebumikan di perkuburan ini. Tempat ini terletak di Syubaikah, iaitu di bahagian barat Masjidil Haram, yang berhampiran dengan Hotel Dar At-Tauhid Inter.Continental pada masa sekarang.

Pada tahun 1274H Sheikh Ali Asy-Syahumi Al-Maghrabi telah membina pagar serta menyediakan tempat memandikan jenazah juga rumah kediaman untuk orang faqir. Pada hari ini ia sudah tidak digunakan, tetapi sebahagian daripada kesannya masih kelihatan[2].

[1] Lihat: Madinah Munawwarah, Kelebihan dan Sejarah 74.

[2] Lihat: Al-Fasi, Syifa' Al-Gharam 1/287, At Tarikh Al-Qawim 6/167, Al-Harithi, Al-Mu'jam Al-Athari 193.

PENUTUP

Alhamdulillah dengan limpah kurnia-Nya maka buku **'Makkah Al-Mukarramah; Kelebihan dan Sejarah'** ini dapat disiapkan secara ringkas walaupun mungkin terdapat kelemahan dan kekurangan.

Semoga dengan terbitnya buku ini, ia menjadi satu sumbangan daripada kami kepada muslimin dan muslimat yang mencintai bumi bertuah lagi berkat ini.

Oleh kerana *amal basyari* tidak dapat lari daripada kekurangan atau kesilapan, maka tidak ada sebuah kitab yang sempurna selain daripada Kitab Allah ﷻ (Al-Quran).

Kepada mana-mana pembaca yang mendapati adanya kekurangan atau kesilapan, diharap dapat membetulkannya.

وقديماً قيل: لا يكتب إنسان كتاباً إلا قال في غده: لو غير هذا لكان أحسن، ولو زيد كذا لكان يستحسن، ولو قدم هذا لكان أفضل، ولو ترك هذا لكان أجمل.

وهذا من أعظم العبر، وهو دليل على استيلاء النقص على جملة البشر.

أسأل الله عزّ وجلّ بأسمائه الحسنى وصفاته العلى أن يتقبل منا جميعاً أعمالنا وأن يرزقنا الإخلاص في العمل، والصلاة والسلام على نبينا محمد وعلى آله وأصحابه أجمعين والحمد لله رب العالمين .

أخوكم: أبو أنس المدني.

Rujukan.

١- الأحكام السلطانية تأليف: أبي الحسن علي بن محمد بن حبيب الماوردي (ت٤٥٠هـ). ط/٣، ١٣٩٣هـ ١٩٧٣م. مصطفي الحلبي.

٢- أحكام المساجد في الشريعة الإسلامية. تأليف: د. إبراهيم بن صالح الخضري. دار الفضيلة، الرياض. ط/٢، ١٤٢١هـ. ٢٠٠١م.

٣- أخبار مكة في قديم الدهر وحديثه. تأليف: عبد الله محمد بن إسحاق الفاكهي. تحقيق: د. عبد الملك بن عبد الله بن دهيش. ط/٣ ١٤١٩هـ ١٩٩٨م.

٤- أخبار مكة وما جاء فيها من الآثار. تأليف: أبي الوليد محمد بن عبد الله بن أحمد الأزرقي. تحقيق: رشدي الصالح ملحس. دار الثقافة للطباعة، مكة المكرمة. ط/٩، ١٤٢١هـ ٢٠٠١م.

٥- أشهر المساجد في الإسلام. تأليف: سيد عبد المجيد بكر. مطابع سحر، جدة. دون تاريخ.

٦- إعلام الأنام بتاريخ بيت الله الحرام. تأليف: محمد صالح بن أحمد الشيبي العبدري الحجبي، (ت ١٣٣٥هـ). تحقيق: إسماعيل حافظ. جامعة أم القرى، مكة المكرمة. ١٤٠٥هـ. ١٩٨٤م.

٧- إعلام الساجد بأحكام المساجد للإمام بدر الدين الزركشي الشافعي ت٧٩٤هـ. دار الكتب العلمية. ط/١، ١٤١٦هـ ١٩٩٥م.

٨- بحوث عن مشاعر الحرم، الوقوف بمزدلف والمبيت بمنى. تأليف: د. عبد الله نذير مزِّي. المكتبة المكية ودار ابن حزم. ط/١، ١٤٢١هـ. ٢٠٠٠م.

٩- البلد الحرام والأحكام المتعلقة به في الفقه الإسلامي. إعداد: عائشة بيي علي. رسالة الماجستير، بجامعة أم القرى، بمكة المكرمة. ١٤١٣هـ.

١٠- تاريخ عمارة المسجد الحرام، بما احتوى من مقام إبراهيم وبئر زمزم والمنبر وغير ذلك. تأليف: حسين عبد الله با سلامة. مكتبة تهامة جدة. ط/٣، ١٤٠٠هـ ١٩٨٠م.

١١- التاريخ القويم لمكة وبيت الله الكريم. تأليف: محمد طاهر الكردي المكي. مكتبة النهضة الحديثة، مكة. ط/١، ١٤٢٠هـ ٢٠٠٠م.

١٢- تاريخ الكعبة المعظمة، عمارتها، وكسوتها، وسدانتها. تأليف: حسين عبدالله با سلامة. تهامة جدة. ط/٢، ١٤٠٢هـ ١٩٨٢م.

١٣- تاريخ مكة المشرفة والمسجد الحرام. تأليف: محمد ابن الضياء المكي (ت ٨٨٥هـ). تحقيق: عادل عبد الحميد. المكتبة التجارية، مكة. ط/١، ١٤١٦هـ. ١٩٩٦م.

١٤- تاريخ مكة المكرمة. إعداد جماعة من العلماء. بإشراف: الشيخ صفي الرحمن المباركفوري. دار السلام، الرياض. ط/١، ١٤٢٣هـ،٢٠٠٢م.

١٥- تاريخ مكة المكرمة قديماً وحديثاً. د. محمد إلياس عبد الغني. مطابع الرشيد، المدينة المنورة. ط/١، ١٤٢٢هـ، ٢٠٠١م.

١٦- الجامع اللطيف في فضل مكة وأهلها وبناء البيت الشريف. تأليف: جمال الدين ابن ظهيرة القرشي المخزومي. المكتبة الشعبية، بيروت. ط/٥، ١٣٩٩هـ. ١٩٧٩م.

١٧- جبل إلال بعرفات تحقيقات تاريخية شرعية. تأليف: د. بكر عبد الله أبو زيد. دار العاصمة، الرياض. ط/١، ١٤١٩هـ. ١٩٩٨م.

١٨- الحرم المكي الشريف والأعلام المحيطة به، دراسة تاريخية ميدانية. تأليف: د. عبد الملك بن عبد الله بن دهيس. مكة المكرمة، ١٤١٥هـ. ١٩٩٥م. رسالة دكتوراة.

١٩- الرحيق المختوم. تأليف: صفي الرحمن المباركفوري. دار الوفاء، مصر. ١٤١١هـ. ١٩٩١م.

٢٠- شفاء الغرام بأخبار البلد الحرام تأليف: أبي الطيب تقي الدين محمد الفاسي المكي. (٧٧٥-٨٣٢هـ). تحقيق: لجنة من كبار العلماء والأدباء. الناشر: مكتبة النهضة الحديثة، مكة. ١٩٥٦م.

٢١- عمارة المسجد الحرام والمسجد النبوي في عهد السعودي. تأليف: أ.د. عبد اللطيف بن عبد الله بن دهيس. الأمانة العامة للاحتفال بمرور مائة عام على تأسيس المملكة، ١٤١٩هـ. ١٩٩٩م.

٢٢- فتح الباري بشرح صحيح البخاري. تأليف: الحافظ أحمد بن علي بن حجر العسقلاني (٧٧٣-٨٥٢هـ). دار الريان للتراث، مصر. ط/٢، ١٤٠٩هـ. ١٩٨٨م.

٢٣- فضائل مكة الواردة في السنة. تأليف: د. محمد بن عبد الله الغبان. دار ابن الجوزي، السعودية. ط/١، ١٤٢١هـ. رسالة دكتوراة.

٢٤- فضل الحجر الأسود ومقام إبراهيم. تأليف: سائد بكداش. دار البشائر الإسلامية، بيروت. ط/٤، ١٤٢٢هـ.

٢٥- فضل ماء زمزم. تأليف: سائد بكداش. دار البشائر الإسلامية، بيروت. ط/٥، ١٤٢٠هـ.

٢٦- القرى لقاصد أم القرى. تأليف: أبي العباس أحمد بن عبد الله محب الدين الطبري ثم المكي. (٦١٥-٦٩٤هـ) تحقيق: مصطفى السقا. مطبعة البابي الحلبي، مصر. ط/٢، ١٣٩٠هـ. ١٩٧٠م.

٢٧- الكعبة المعظمة والحرمان الشريفان عمارة وتاريخاً. تأليف: عبيد الله محمد أمين كردي. مجموعة بن لادن. ١٤١٩هـ.

٢٨- لونس فرجريتأن. اوله: الشيخ عبد الرحيم بن إدريس الكلنتاني (بكس كورو دالمسجد الحرام، مكة. منيغكل دنيا دمكة، فد ١٧ رجب ١٤١٠هـ / ٢ فبراير ١٩٩٠م).

٢٩- مثير العزم (الغرام) الساكن إلى أشرف الأماكن. تأليف: أبي الفرج عبد الرحمن بن الجوزي. (ت ٥٩٧هـ). تحقيق: مرزوق علي إبراهيم. دار الراية، الرياض. ط/١، ١٤١٥هـ. ١٩٩٥م.

٣٠- مجلة البحوث الفقهية المعاصرة. الرياض.

بحوث لفضيلة أ. د. عبد الوهاب أبو سليمان و د. معراج نواب مرزا.

١- عدد (٣٧) شوال-ذو الحجة ١٤١٨هـ. **عرفات المشعر والشعيرة.**

٢-عدد (٤٥) شوال-ذو الحجة ١٤٢٠هـ. **المزدلفة المشعر والشعيرة.**

٣-عدد (٤٩) شوال-ذو الحجة ١٤٢١هـ. **منى المشعر والشعيرة.**

٤-عدد (٥٣) شوال-ذو الحجة ١٤٢٢هـ. **المسجد الحرام والمسعى، المشعر والشعيرة.** ٥-عدد (٥٤) محرم-ربيع الأول ١٤٢٣هـ. **المسعى، المشعر والشعيرة.**

٣١- مجموعة الوثائق السياسية للعهد النبوي والخلافة الراشدة. جمعها: د. محمد حميد الله. دار الإرشاد، بيروت. ط/٣، ١٣٨٩هـ. ١٩٦٩م.

٣٢- المسجد الحرام. تأليف: د. فواز علي الدهاس. ضمن مجلة البحوث الفقهية المعاصرة. الرياض. عدد (٢٩) شوال-ذو الحجة ١٤١٦هـ.

٣٣- مشروع جلالة الملك عبد العزيز لتوسعة وعمارة المسجد الحرام. إعداد: إتحاد المهندسين الاستشاريين "باكستان"، مكة المكرمة.

٣٤- مصنع كسوة الكعبة المشرفة. المملكة العربية السعودية، الرئاسة العامة لشئون المسجد الحرام والمسجد النبوي، ١٤١٩هـ.

٣٥- معالم مكة التأريخية والأثرية. تأليف: عاتق بن غيث البلادي. دار مكة. ط/٢، ١٤٠٣هـ. ١٩٨٣م.

٣٦- المعجم الأثري لمنطقة مكة المكرمة. تأليف: أ. د. ناصر بن علي الحارثي. إصدار لجنة المطبوعات في التنشيط السياحي بمحافظة الطائف. ط/١، ١٤٢٣هـ، ٢٠٠٣م.

٣٧- مقام إبراهيم عليه السلام. تأليف: عبد الرحمن بن يحيى المعلمي اليماني. (ت١٣٨٦هـ). تحقيق: علي الحلبي. دار الراية، الرياض. ط/١، ١٤١٧هـ.

٣٨- منائح الكرام في أخبار مكة والبيت وولاة الحرم. تأليف: علي بن تاج الدين السنجاري (١٠٥٧-١١٢٥هـ). تحقيق: د. جميل المصري ود. ماجدة فيصل زكريا. جامعة أم القرى، مكة المكرمة. ١٤١٩هـ. ١٩٩٨م.

٣٩- هداية السالك إلى المذاهب الأربعة في المناسك. تأليف: عزالدين بن جماعة الكناني الشافعي (٦٩٤-٧٦٧هـ). تحقيق: د. نور الدين عتر. دار البشائر الإسلامية، بيروت. ط/١، ١٤١٤هـ. ١٩٩٤م.[1]

[1] Catatan: Penulis menyebut di sini beberapa rujukan utama untuk mengetahui sejarah Makkah. Namun banyak lagi kitab rujukan yang digunakan dalam penulisan ini tidak dicatit dan boleh dilihat melalui nota kaki. Sekian.